

DR.23.7.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 23 Julai 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-
 - (a) mengapakah projek lebuhraya bertol daripada Ipoh ke Lumut yang telah lama ditawarkan kepada sebuah syarikat untuk dilaksanakan, tetapi sehingga ke hari ini projek tersebut belum lagi dimulakan; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk menukar syarikat pelaksanaan untuk meneruskan projek tersebut.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua,
jawapan soalan;

- (a) Tidak dinafikan Projek Lebuhraya Ipoh-Lumut telah lama ditawarkan kepada syarikat konsesi iaitu Silex Sdn. Bhd. Perjanjian konsesi telah ditandatangani pada 29 Ogos 1998. Walau bagaimanapun, kesan kegawatan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998 telah menyebabkan syarikat berkenaan sukar mendapatkan sumber pinjaman kewangan daripada bank-bank perdagangan. Memandangkan syarikat konsesi tidak dapat memulakan projek seperti mana yang telah ditetapkan, pihaknya telah memohon beberapa kali supaya tempoh kuat kuasa perjanjian dapat dilanjutkan. Kementerian telah meneliti permohonan-permohonan berkenaan dan telah bersetuju memberi perlanjutan tempoh penguatkuasaan perjanjian seperti berikut:-

- (i) perlanjutan pertama adalah sehingga 28 Februari 2000;
- (ii) perlanjutan kedua ada sehingga 28 Mei 2000;
- (iii) perlanjutan ketiga adalah sehingga 30 September 2000;
- (iv) perlanjutan keempat adalah sehingga 30 November 2000;
- (v) perlanjutan kelima adalah sehingga 31 Mac 2001; dan
- (vi) perlanjutan keenam adalah sehingga 30 September 2001.

Adalah dimaklumkan bahawa perlanjutan sehingga 30 September 2001 tersebut adalah perlanjutan terakhir di mana sekiranya syarikat gagal mengemukakan bukti kemampuan kewangan, kerajaan akan membatalkan perjanjian yang telah ditandatangani. Di samping itu, kementerian juga telah menyediakan beberapa siri mesyuarat dengan pihak syarikat mengenai masalah ini. Pada tahun ini sahaja kementerian telah mengadakan dua kali mesyuarat iaitu pada 23 April 2001 dan juga ada 18 Mei 2001.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini pihak syarikat masih lagi berusaha mendapatkan sumber kewangan bagi membolehkan projek dilaksanakan. Pihak syarikat telah berjanji akan melaksanakan projek ini sebaik sahaja masalah kewangan dapat diselesaikan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan belum bercadang menawarkan projek ini kepada mana-mana pihak.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri Kerja Raya. Memandangkan bahawa kawasan Lumut adalah satu pusat pembangunan yang penting dari segi perindustrian, pelancongan dan juga keselamatan negara memandangkan bahawa pangkalan TLDM adalah di kawasan situ juga. Jadi, projek lebuh raya tersebut sangatlah penting untuk pembangunan semasa dan juga untuk masa yang akan datang. Jadi, adakah kementerian

bercadang untuk memecah kalau syarikat tersebut tidak dapat sumber kewangan, adakah kementerian tersebut bercadang memecahkan projek itu kepada beberapa syarikat konsesi supaya lebih senang untuk mendapat sumber kewangan untuk melaksanakan, kerana projek tersebut pada pandangan saya boleh menjadi satu pemangkin untuk pembangunan untuk kawasan yang terlibat. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju seratus peratus dengan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi perkara-perkara berkaitan dengan projek ini ialah sumber kewangan menjadi satu perkara yang penting. Jadi, saya dapat tahu daripada syarikat mereka ada juga membincang dengan beberapa pihak. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki keadaan jalan yang sedia ada. Jadi, saya sedar penambahan kenderaan dan nombor kenderaan yang paling tinggi. Semasa dahulu kita mengambil masa 35 minit dari Ipoh ke Lumut, sekarang 1 jam 35 minit. Lebih satu jam sahaja, tak ada banyak *[Ketawa]*

Yang kedua, kesesakan lalu lintas memang berakut beberapa kemalangan di kawasan itu. Kawasan itu menjadi satu kawasan dengan pembangunan bertambah. Jadi, saya akan minta JKR jikalau boleh kita menyegerakan pembesaran jalan yang sedia ada. Untuk mengatasi masalah ini sampai satu masa yang kita selesai pembinaan lebuh raya ini.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara sebab-sebab yang melewatkan pelaksanaan lebuh raya ini adalah kerana pinjaman kewangan. Yang diketahui umum bahawa kerajaan selalu ada memberi jaminan kepada pihak-pihak konsesi untuk mendapat pinjaman wang dari perbankan. Mengapa pula pada perkara ini atau dalam kes ini adakah kerajaan mengambil usaha atau kerajaan ada berhasrat untuk menjadi penjamin kepada konsesi ini supaya beliau boleh dapat pinjaman dari bank atau institusi kewangan. Sekiranya sehabis tempoh iaitu September tahun ini di mana beliau tidak dapat melaksanakan kerja ini saya pasti beliau telah melabur banyak modal dalam kerja-kerja ini seperti kerja-kerja asas, kerja-kerja asal merancangkan projek ini dan mereka bentuk (design) lebuh raya ini, dan satu pelaburan telah dibuat dengan besar-besarnya, adakah kerajaan akan menimbang supaya memberi pampasan atau apa-apa ganti rugi kepada syarikat ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tak pernah bagi jaminan kepada mana-mana syarikat konsesi untuk meminjam. Sebaliknya kerajaan

membayar ganti rugi untuk mengambil balik tanah dan kadangkala kita juga memberi sedikit bantuan kepada syarikat jika kita mahu juga projek itu dilaksanakan dengan seberapa segera. Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat saya minta kepada Kementerian Kerja Raya untuk menimbang semula macam manakah kita boleh memudahkan pelaksanaan projek ini, selepas itu kita akan mendapat kelulusan daripada Jabatan Perdana Menteri iaitu Unit Projek Ekonomi dan kita boleh juga mencari jalan baru macam mana perkara ini boleh dapat diselesaikan.

2. **Puan P. Komala Devi [Kapar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bilangan belia yang telah menerima latihan 'vocational' di institut-institut kerajaan mengikut pecahan kaum dan sama ada kerajaan bercadang menambahkan tempat untuk belia India sebagai langkah menangani masalah gengsterisme di kalangan belia India.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institusi Kemahiran Belia Negara menyediakan program latihan kemahiran khusus untuk belia-belia lepasan sekolah yang tidak berkemahiran untuk mendapatkan kemahiran dalam bidang-bidang yang tertentu. Pengambilan Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN) ini adalah terbuka kepada semua kaum yang berumur di antara 17 hingga 25 tahun. Pengambilan pelatih ke IKBN semakin bertambah iaitu 1,534 orang pada tahun 1996, sedangkan pada tahun 1997 bilangannya adalah 1,882 dan pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1998 angka itu adalah 1,814 dan ianya meningkat kepada 2,118 pada tahun 1999.

Pada tahun 2000 perangkaan ini telah pun merosot kepada 1,947 dan pada sesi yang pertama tahun ini angka yang saya ada di sini adalah 978 orang. Kemasukan pelatih belia-belia India juga menampakkan peningkatan bilangannya semenjak empat tahun yang lepas iaitu seramai 78 orang pada tahun 1998, sedangkan pada tahun 1999 angka ini telah pun meningkat kepada 98 orang. Pada tahun 2000 perangkaan ini adalah 889 orang dan pada sesi pertama tahun ini ianya meningkat kepada 101 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan setakat ini mempunyai 7 buah IKBN iaitu:

- (i) IKBN Sepang;
- (ii) IKBN Pertak;

- (iii) IKBN Dusun Tua;
- (iv) IKBN Wakaf Tapai;
- (v) IKBN Sri Iskandar;
- (vi) IKBN Jitra; dan
- (vii) IKBN Pontian.

Lapan buah IKBN baru iaitu yang terletak di Kuala Perlis, Kinarut, Miri, Bachok, Pagoh, Seberang Perai, Jembong dan Abr Gajah pula dijangka siap dibina pada penghujung tahun ini. Dengan bertambahnya bilangan IKBN ini kapasiti pengambilan pelatih-pelatih akan bertambah menjadi 7,280 orang berbanding dengan 2,735 orang pada masa sekarang. Peningkatan kapasiti ini bermakna lebih banyak peluang akan dapat diberi kepada belia semua kaum untuk memasuki IKBN dan seterusnya mengurangkan gejala-gejala sosial di kalangan mereka.

Puan P. Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan beliau dan saya pun mengambil perhatian bahawa jumlah ataupun bilangan belia India yang mengambil peluang di semua institusi latihan kian lama kian bertambah. Jadi, saya ingin minta sedikit penjelasan, memandangkan bahawa tempat-tempat ataupun peluang latihan akan bertambah lagi, adakah kementerian mempunyai cadangan dari segi untuk menambahkan kesedaran di antara kalangan belia India, adakah cadangan kementerian untuk memberi publisiti mengenai peluang-peluang ini dalam berita ataupun dalam akhbar Tamil, adakah cadangan untuk membenarkan online registration dan adakah kementerian mempunyai cadangan untuk menterjemahkan semua risalah dalam bahasa Tamil dan edarkan ini kepada semua kumpulan, sektor perladangan misalnya PNB? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada soalan tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kapar atas keprihatinan beliau terhadap soal ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini usaha-usaha seperti *road show*, dengan izin, dan juga percetakan dan penyebaran risalah-risalah dalam bahasa Malaysia iaitu bahasa utama serta bahasa yang lain sedang diuruskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara yang sama juga akan dibangkitkan dalam Pemuda Barisan Nasional yang akan melibatkan pemuda MIC. Sedemikian juga usaha yang sama akan meliputi NGO-NGO ataupun badan-badan

belia bukan siasah kita supaya mereka dapat tampil ke depan untuk membantu dalam usaha mempopularkan publisiti mengenai IKBN ini.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Wakil Rakyat bagi Kapar [*Tepuk*] kerana telah begitu prihatin terhadap belia India. Tetapi pada saya pula saya ingin berbicara soal keseluruhan di mana apa yang dapat kita lihat masa depan negara kita bergantung kepada generasi belia. Jadi, kalau belia kita tidak diberi tempat untuk melatih diri mereka, persoalan saya apakah kerajaan bercadang dan berhasrat untuk mendirikan institusi vokasional atau IKBN ini kalau boleh di seluruh daerah untuk memastikan belia-belia yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke sekolah yang lebih tinggi mendapat tempat, dengan ini kita ada hasil yang lebih lumayan. Pertama, pengangguran mungkin kurang. Kedua, ekonomi negara akan menjana. Dengan ini, kita akan mendapat kredit dan sokongan yang padu daripada rakyat seperti di Likas. Terima kasih. [*Ketawa*]

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat dari Kinabatangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya selain daripada IKBN di bawah jagaan kementerian saya iaitu Kementerian Belia dan Sukan, terdapat juga institusi-institusi yang lain yang juga memberikan kaum belia khususnya kursus-kursus vokasional yang dimaksudkan.

Walaupun demikian, apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu, saya rasa itu memang merupakan satu ideal yang kita sama-sama memperjuangkan. Walaupun demikian, ianya tetap perlu juga ambil kira beberapa kekangan yang kita hadapi di peringkat akar umbi dan juga dari segi pelaksanaannya.

Walaupun demikian, setakat ini sukalah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, selain daripada tujuh buah IKBN yang sedia ada yang saya sebutkan tadi, kita juga akan membina lapan buah IKBN lagi yang baru baru, yang dijangka akan siap pada penghujung tahun ini.

Selain dari itu, terdapat juga lima buah IKBN yang sedang dirancang, dan IKBN-IKBN yang dimaksudkan itu telah pun dikenalpastikan lokasinya iaitu IKBN di Kuala Muda, IKBN Tenggara, IKBN Gerik, IKBN Jerantut dan IKBN Kuala Langat dan mudah-mudahan dengan adanya pelaksanaan projek-projek ini adalah dijangka bahawa kapasitinya akan meningkat menjadi 17,510 orang nanti, maksudnya perangkaan pengambilan ini akan berlipat ganda berbanding dengan apa yang kita ada sekarang. Sekian.

3. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana beliau berjaya untuk membanteraskan politik wang di negara ini. Apakah langkah-langkah yang paling berkesan untuk menghapuskan politik wang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh tumpukan semata-mata kepada politik wang tetapi sebaliknya kepada segala jenis rasuah politik iaitu menyogok sesuatu untuk mendapat tempat bagi diri sendiri, sedangkan diri sendiri sebenarnya tidak popular dan tidak layak untuk mendapat tempat yang dikejar. Sepatutnya dalam politik, sokongan hendaklah diberi kepada orang yang berkebolehan, yang dapat memberi khidmat yang baik kepada negara.

Tetapi oleh kerana yang bercita-cita besar ini tidak mempunyai populariti dan tidak mampu menjadi pemimpin parti ataupun kerajaan yang baik, mereka menghulurkan wang atau barangan atau berjanji memberi balasan baik di akhirat supaya sokongan diberikan kepada mereka. Yang lebih buruk lagi ialah mereka yang menipu dengan menjanjikan apa yang sebenarnya mereka tidak mungkin beri. Rasuah yang melibatkan sogokan wang ataupun barangan dapat dikesan dan dibanteras oleh pihak yang ditugaskan untuk mengawal perbuatan keji ini.

Usaha untuk mengawal dan mengurang jika tidak pun menghapus rasuah jenis ini, sedikit sebanyak sudah berjaya. Kerajaan dan parti yang ikhlas yang ingin melawan amalan keji ini telah bertindak dan ini menakutkan mereka yang terlibat dengan politik sogokan jenis ini.

Yang sukar dibendung dan dihapuskan ialah sogokan melalui janji balasan di akhirat iaitu jika sokongan diberi kepada yang tidak layak dan tidak popular ini, maka penyokong akan ditempatkan di syurga. Pihak yang menyogok dengan janji yang tidak dapat ditentukan kebenarannya, bukan sahaja terlibat dengan rasuah tetapi dengan penipuan yang besar.

Untuk membanteras rasuah bentuk ini, pihak yang mampu hanyalah individu ataupun organisasi yang terlibat, jika mereka mempunyai conscience ataupun hati kecil yang ikhlas dan takut kepada berbuat dosa maka akan berjayalah usaha membanteras rasuah jenis ini.

Setakat ini tidak ada usaha yang dibuat dan rasuah jenis ini masih berleluasa dan berkembang. Untuk menghapuskan sogokan wang adalah lebih mudah dan pelaksanaan undang-undang serta tindakan telah pun dilakukan. Malangnya untuk sogokan janji palsu, langkah yang boleh diambil oleh kerajaan amat terhad dan

sehingga kini belum menunjukkan kesan, selagi ada orang yang tidak takut kepada Tuhan, selama itulah politik sogokan syurga akan berterusan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang serius dan ikhlas kerana kita hendak bekerjasama bersama-sama, kita menghapuskan segala jenis rasuah termasuk politik wang. Kerana saya percaya, negara kita dengan sumber asli dan sumber manusia yang terdapat sekarang, kita boleh menjadi negara yang cemerlang di rantau ini dari semua segi termasuk ekonomi dan tadi Yang Amat Berhormat telah menyebutkan dari segi jasmani dan juga rohaniah, sama-sama penting saya percaya.

Tetapi dari segi rohaniah memang mengambil masa untuk kita bincang hal ini, bolehkah Yang Amat Berhormat terangkan dari segi sogokan wang, dari segi definisi Yang Amat Berhormat mengenai politik wang ini, bolehkah kita sebutkan seperti yang berlaku dengan misalnya Renong, saya bukan sengaja hendak melibatkan, Renong sama ada ini kena mengena dengan politik wang, saya tidak faham kerana yang saya faham itu, konsortium, konglomerat yang besar ini sedang menghadapi kesusahan, saya pun tak tahu mengapa mengalami kesusahan sama ada kena mengena politik wang ataupun pengurusan yang sangat tidak baik ataupun faktor-faktor yang lain termasuk krisis ekonomi. Saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, dan juga bukan ini sahaja, kita dapat banyak lagilah, termasuk masalah MAS pula, kerajaan membeli dan masalah Indah Water Konsortium, masalah LRT, Bakun dan sebagainya, adakah ini kena mengena dengan politik wang ataupun salah pengurusan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Renong, MAS dan lain-lain adalah perkara lain dan tidak terlibat dengan sogokan ataupun politik wang. Sebenarnya ini adalah syarikat-syarikat yang besar, yang mempunyai pekerja yang ramai, jika kerajaan tidak mengambil berat tentang apa yang berlaku kepada mereka, yang teraniaya bukanlah tauke-tauke tetapi juga pekerja-pekerja yang mana ini menjadi tanggungjawab kerajaan. Ada pihak yang terlalu terpengaruh dengan fikiran Barat iaitu kalau terdapat syarikat yang lemah, biarkan dia mati, biarkan ia hilang begitu

walaupun ini akan menyebabkan ramai yang menghadapi masalah sosial dan masalah pekerjaan.

Orang yang semacam ini kita tahulah, mereka dapat ilham daripada Barat, kita bertanggungjawab kepada rakyat negara kita dan kita akan memberi pertolongan tanpa mengambil kira siapa mereka, ada sesetengah daripada mereka ini dituduh sebagai orang pihak tertentu tetapi kerajaan juga menolong mereka tanpa mengambil kira perkara-perkara lain dan ianya tidak terlibat dengan politik sama sekali, ini adalah soal sosial, soal ekonomi.

Dan kalau mereka menghadapi masalah sebabnya bukan kerana mereka tidak cekap, tetapi siapa juga semasa kegawatan akan menghadapi masalah, saya yakin kalau General Motors menghadapi masalah mata wang Amerika jatuh sehingga nilainya hanya separuh daripada dahulu, mereka juga akan menghadapi masalah. Jadi, tidak ada boleh sesiapa yang berkata bahawa ini adalah oleh kerana kurang kecekapan dan sebagainya.

Berkenaan dengan politik wang, kita sedar kita mengambil tindakan, bukan sahaja kerajaan mengambil tindakan, tetapi parti juga mengambil tindakan yang keras dan berkesan tetapi berkenaan dengan politik satu lagi yang menyogok syurga, parti itu sendiri menggalakkan rasuah jenis itu dan mereka tidak akan menasihatkan orang mereka supaya tidak terlibat dengan rasuah jenis itu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ada dua ucapan tahniah. Tahniah yang pertama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana 20 tahun dapat menjadi Perdana Menteri Malaysia, tahniah yang kedua kepada pengundi-pengundi Likas kerana sekali lagi memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional dan takziah kepada PBS dan Keadilan.

Soalan tambahan. Kita telah mendengar penjelasan daripada Yang Amat Berhormat dengan janji-janji, sogokan-sogokan termasuklah kepada mereka yang dijanjikan ke syurga. Jadi, kita ingin tahu langkah dan tindakan tegas kerajaan dalam memerangi masalah sogokan yang begitu besar yang dihadapi oleh rakyat pada hari ini. Terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, yang pertamanya saya ucap terima kasihlah kerana ucapan tahniah berkenaan dengan 20 tahun 6 hari saya jadi Perdana Menteri. Berkenaan dengan Likas, saya telah nasihatkan mereka yang tidak puas hati dengan senarai kononnya ada pengundi hantu, sepatutnya

membuat dakwaan sebelum pilihan, tetapi bila kalah sahaja hendak buat dakwaan, menunjukkan bahawa ada niat yang lain.

Berkenaan dengan langkah untuk membanteras sogokan jenis janji akhirat dan syurga ini, hanya cara yang boleh dilakukan oleh kerajaan ialah untuk memberi ajaran agama berkenaan dengan apa sebenarnya ajaran Islam, malang bagi kita apabila kita mengadakan pelajaran agama di sekolah-sekolah maka datanglah parti politik yang mempengaruhi guru-guru ini supaya tidak mengajar agama, sebaliknya mengajar bagaimana melukis bulan dengan latar belakang hijau, ini yang mereka belajar, sebab itu hari ini kita lihat bagaimana mereka dengan mudahnya terpengaruh dengan *Black Metal*, sanggup bunuh, sanggup rogol kerana tidak ada iman yang kuat.

Iman yang kuat cuma boleh datang daripada orang yang mendapat pelajaran agama

[Seorang Ahli di blok F berteriak UMNO, UMNO]

Perdana Menteri: Yalah, yang datang itu pun semua daripada parti PAS. Kita tahu, tetapi dia senyap sahaja bila jadi macam ini. Sebenarnya, masalah negara Malaysia ini ialah penyelewengan oleh parti PAS yang membawa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam semata-mata kerana kepentingan parti politik mereka.

[Seorang Ahli di blok F menjerit UMNO, UMNO]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Diamlah!

Perdana Menteri: Kalau menjerit UMNO 100 kali pun, dunia tahu juga yang ini adalah parti PAS. Parti PAS, PAS.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Terengganu.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk soalan tambahan sedikit, fasal ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpulung kepada saya, duduklah. Terpulung kepada saya. Yang Berhormat, terpulung kepada saya, saya hendak beri sesiapa. Ha, ya. Jeli.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Saya minta, takkan Jeli dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ikut sayalah. Order, order.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi. *[Ketawa]* Kita perhatikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjadi Presiden UMNO selama 20 tahun. Dan kita perhatikan bahawa semenjak Presiden-Presiden UMNO yang terdahulu, tidak pernah kita dengar politik wang berleluasa, tetapi kenapa zaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Presiden UMNO, politik wang di dalam UMNO semakin parah dan politik wang tidak berlaku di dalam parti-parti politik yang lain, kenapa jadi begini? Terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada pemimpin UMNO yang belajar daripada PAS yang menggunakan politik sogokan akhirat dan syurga kepada orang yang tidak berpengetahuan agama. Jadi, orang UMNO ini dia tidak tergamak hendak guna agama untuk sogokan, jadi dia guna wang. Kalau PAS ia boleh guna sogok syurga, kerana tidak ada siapa yang tahu sama ada benar dapat syurga ataupun tidak, kerana yang pergi ke sana tak balik cerita. *[Ketawa]*

Sebab itu, apabila kita hidup hendak berlawan dengan orang yang terlibat dengan rasuah ini maka ada juga yang terpengaruh dan mereka cuba dengan rasuah, tinggal lagi mereka tidak guna agama, tidak guna syurga, mereka guna wang.

Jadi, ini macam orang katalah bila ada benda yang kotor di keliling ini, kita semua jadi kotor.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Satu lagi Datuk.

4. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah program-program antarabangsa yang telah diperkenalkan oleh Malaysia dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam terkemuka di rantau ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat dan dasar negara bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam terkemuka di rantau ini. Malaysia sememangnya sudah terkenal sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai sistem perbankan Islam dan insurans Takaful *[Tepuk]* yang praktikal dan dianggap sebagai contoh oleh negara-negara Islam OIC. Beberapa negara Islam lain telah menjadikan perbankan Islam yang diusahakan oleh Malaysia sebagai model bagi mereka dan mendapat nasihat daripada kita semasa menubuhkan

Bank Islam mereka. Bagi terus memajukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam yang terkemuka, beberapa program telah dilaksanakan iaitu:-

- (i) menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir yang terkemuka dalam perbankan dan kewangan Islam. Bagi memastikan kejayaan projek ini, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) bersama-sama dengan Bank Pembangunan Islam dan beberapa buah bank pusat negara Islam yang lain seperti Bahrain, Sudan dan Indonesia telah mematerai memorandum persefahaman bagi mewujudkan pasaran kewangan Islam antarabangsa.
- (ii) Malaysia telah menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah kepada Pertubuhan Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Organisation) IFSO – yang baru ditubuhkan yang akan bertanggungjawab untuk merangka dan mengeluarkan piawaian mengenai pengawalseliaan dan kehematan ataupun potential bagi institusi-institusi kewangan Islam di seluruh dunia.
- (iii) Malaysia telah menganjurkan persidangan antarabangsa perbankan dan kewangan Islam pada bulan Februari 2001 yang telah menghimpunkan pakar-pakar dan pengamal-pengamal perbankan Islam serta sarjana-sarjana di bidang syariah untuk membincangkan cabaran dan hala tuju perbankan dan kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Pada bulan Mei 2001 pula Malaysia telah menganjurkan sidang kemuncak antarabangsa Takaful. Selain daripada itu, kita juga telah menjadi tuan rumah bagi Persidangan Ekonomi Islam anjuran Dalah Al-Barakah, sebuah institusi kewangan Islam yang besar di mana persidangan ini merupakan persidangan yang pertama kali diadakan di luar Timur Tengah.
- (iv) Malaysia juga telah memainkan peranan untuk memberikan bantuan teknikal dan pemindahan kepakaran kepada kerajaan dan institusi luar negara seperti Indonesia, Brunei, Singapura, Bangladesh dan beberapa negara di Timur Tengah yang ingin mempelajari secara lebih mendalam pendekatan bagi

melaksanakan perbankan dan kewangan Islam di negara ini. Dalam kumpulan lapan negara (D8) Malaysia adalah komited untuk menggalakkan lagi penubuhan syarikat-syarikat Takaful di negara-negara Islam supaya lebih banyak lagi networking di peringkat antarabangsa dapat dijalankan.

- (v) Malaysia telah merangka strategi khusus melalui pelan induk perbankan Islam dan Takaful yang telah diterbitkan pada 1 Mac 2001 bagi membentuk satu sistem kewangan Islam yang lebih efisien, progresif dan lengkap yang akan turut menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan sebuah jabatan khusus iaitu Jabatan Perbankan Islam dan Takaful untuk mengawal selia pembangunan sistem perbankan dan kewangan Islam.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah di atas begitu banyak kejayaan negara berhubung dengan masalah kewangan bagi negara-negara Islam, inilah contoh negara Islam yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adalah didapati bahawa ekoran daripada krisis kewangan Asia baru-baru ini, bahawa peranan IMF telah gagal untuk memulihkan ekonomi negara-negara yang mendapat pinjaman daripada badan dunia tersebut.

Jadi, disebabkan oleh peranan kita yang begitu dihargai oleh negara-negara Islam, adakah Malaysia bercadang untuk menerajui ke arah untuk mengumpulkan dana di kalangan negara-negara Islam yang begitu banyak sumber dananya hasil daripada minyak. Jadi, adakah dengan cadangan untuk penubuhan yang seolah-olah macam cara ala IMF yang mana ini sudah tentu akan dapat membantu banyak negara Islam yang menghadapi krisis. Jadi kalau sekiranya Malaysia mempunyai peranan ke arah itu, bilakah agaknya dan di persidangan manakah Malaysia akan mengemukakan cadangan ini dan baru-baru ini ada satu cadangan untuk mewujudkan dinar Islam, jadi bagaimanakah cadangan ini hendak dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Islam mengakui tentang kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam mewujudkan Sistem Perbankan Islam. Sebab itu ramai daripada mereka menghantar delegasi untuk melihat bagaimana kita mengadakan dan menguruskan perbankan secara Islam dan mereka juga meminta pakar-pakar kita untuk pergi menasihati mereka apabila mereka ingin menubuh Bank Islam atau Bank Muamalat.

Kita nampaknya sudahpun menerajui negara-negara Islam lain dalam bidang pembentukan Sistem Perbankan Islam tetapi kita harap apabila kita dipilih untuk menjadi tuan rumah kepada Islamic Financial Services Organisation (IFSO) – Pertubuhan Perkhidmatan Kewangan Islam - maka kita dapat memainkan peranan yang lebih berkesan.

Berkenaan dengan dinar Islam ini, ini adalah satu cadangan yang kita kemukakan untuk mengelak daripada menggunakan Dollar Amerika semata-mata. Hari ini 80% daripada bayaran dagangan kita dibuat dengan Dollar Amerika yang mana ini menyebabkan Dollar Amerika mendapat permintaan yang kuat. Ini dengan sendirinya apabila ada permintaan untuk mata wang ini, maka ia menjadi kukuh dan kuat. Kalau kita tidak bergantung sangat kepada mata wang Amerika Syarikat ini, maka kita tidak perlu ikat ringgit kita dengan Dollar Amerika. Sebaliknya, kalau kita mengadakan dinar Islam yang berbentuk emas, maka segala dagangan kita dengan negara-negara Islam ataupun bukan Islam yang bersetuju menggunakan dinar emas ini akan memudahkan proses jual beli, proses bayaran, proses hutang dan sebagainya.

Perkara ini sedang dikaji dan kita akan mengadakan satu seminar yang melibatkan negara-negara Islam lain dan ahli-ahli bank lain juga untuk menentukan bagaimanakah dapat kita wujudkan dinar Islam ini dan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh dinar Islam ini dalam meningkatkan dagangan terutamanya di antara negara-negara Islam tetapi juga antara negara Islam dengan negara-negara lain yang akan mengiktiraf dinar ini kerana dia mempunyai nilai yang dikaitkan dengan nilai emas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Alhamdulillah, kita telah melihat sistem Perbankan Islam berjaya, sekaligus membuktikan bahawa produk keislaman

adalah baik dan dalam sistem banking negara kita, sistem Bank Islam jauh lebih utuh daripada bank-bank konvensional yang lain. Yang saya hairan ialah kerajaan apabila berkaitan dengan untung, berkaitan dengan duit masuk, mereka gunakan Islam, Tabung Haji, zakat hendak diwajibkan, perbankan Islam tetapi aspek lain Islam telah dikesampingkan.

Yang Amat Berhormat ada sebut tentang kejadian jenayah yang meningkat. Adik Nurul Hanis yang telah dirogol kemudian dibunuh dan seorang budak perempuan dari Sarawak, dirogol kemudian dibunuh, dan peningkatan jenayah berat yang begitu mendadak dan tinggi. Pada hemat saya memerlukan kerajaan mengkaji aspek lain daripada ajaran Islam yang berguna terutama untuk orang Islam dan juga untuk rakyat Malaysia. Sampai masanya kita mengkaji undang-undang jenayah Islam. Sekurang-kurangnya bagi majoriti orang Islam di Terengganu dan Kelantan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, ini tidak ada kaitan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, saya akan cakap berkaitan dengan mata wang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mata wang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, sekejap. Mata wang, mata wang Islam. Satu tajuk yang baru, yang penting saya kira.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, mata wang ya, jangan ke lain perginya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya. Sekurang-kurang majoriti rakyat Kelantan dan Terengganu yang muslim 95% diberi peluang untuk menikmati hukum jenayah Islam sebagaimana mereka menikmati....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini tidak ada kena mengena

Tuan Husam bin Haji Musa: kebebasan beragama dan lain-lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, ini tidak kena-mengena.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, sekarang saya akan masuk kepada mata wang Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sepatutnya Yang Berhormat faham.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang saya hendak buktikan sekarang ialah bahawa jika satu aspek ajaran Islam telah dibuktikan baik, aspek-aspek lain juga insya-Allah, jika kerajaan benar-benar serius dan jujur boleh juga diperkenalkan peringkat demi peringkat kepada masyarakat Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Beberapa ahli: Cukup, cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Berkenaan dengan mata wang Islam....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah sampai maksudnya, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Takut sangat, ini Perdana Menteri. Dia ada kemampuan hendak menjawab, tidak payahlah hendak bimbang. Tidak percaya dengan Perdana Menteri hendak percaya dengan siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Sampai dah maksudnya itu, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Mata wang Islam. Sebenarnya bagi saya istilah yang tepat ialah mata wang Islam, bukan dinar Islam. Mata wang Islam ada dua, satu dinar, satu dirham. Dinar ialah berpandu kepada emas dan dirham berpandu kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Perak.

Tuan Husam bin Haji Musa: Perak, ya. Saya mengucapkan syukur alhamdulillah, Perdana Menteri telah meneroka satu aspek baru sistem kewangan Islam dan saya berharap usaha ini dapat dijayakan. Saya rasa setiap perkara yang baik kita perlu menyokongnya, cuma perkara ini telah kita perkenalkan pada tahun 1997 apabila krisis ekonomi yang berpunca daripada kejatuhan mata wang berlaku, kita telah pun mencadangkan supaya umat Islam kembali dan masyarakat perdagangan dunia kembali kepada sistem kewangan yang ditambah kepada emas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak tahu macam Petronas, Petronas menghantar minyak ke luar negara....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Janganlah melarat, Yang Berhormat. Ini malarat-larat ni...

Tuan Husam bin Haji Musa: ...dan adakah Petronas akan menjadi agensi pertama yang akan meminta pelanggan luar negara membayar dalam bentuk emas, dalam bentuk dinar yang dicadangkan oleh Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Adakah masuk dalam cadangan itu..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya...

Tuan Husam bin Haji Musa: ...dan adakah aspek-aspek lain daripada ajaran Islam itu akan diketengahkan sama seperti perbankan Islam?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih.

Perdana Menteri: Terima kasih. Ya, berkenaan dengan aspek lain ini, aspek lain dalam Islam ini, yang menolak ataupun aspek lain yang dikesampingkannya ialah oleh parti PAS. Kalau PAS umpamanya, tidak asyik dengan mengkafir orang dengan menyebut bahawa Tuhan mencarut dan macam-macam lain sedangkan ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam, maka kita tidak akan menghadapi masalah sama sekali dan kita boleh membuat apa juga yang disuruh oleh agama Islam dan agama Islam memberi kelonggaran. Tidak disuruh kita membuat sesuatu dengan tergesa-gesa sehingga berlaku huru-hara kerana Tuhan tidak suka kepada huru-hara seperti yang cuba dibuat oleh parti PAS. Sebab itu UMNO dan kerajaan UMNO akan berjaga-jaga dalam melaksanakan hukum-hukum Islam kerana tujuan hukum-hukum itu adalah untuk kebaikan dan kalau dengan kerana ada yang mempolitikkan hukum-hukum ini, huru-hara berlaku, maka kita perlu berhati-hati untuk mengelak apabila kita melaksanakan hukum-hukum Islam.

Berkenaan dengan mata wang Islam dan bayaran dengan emas, di waktu ini tidak ada siapa yang sanggup membayar dengan emas apabila membeli minyak daripada Petronas. Kalau mereka sanggup, kita terimalah. Kita yang mencadang dinar ini kerana kita berpendapat bahawa amat penting sekali kita tidak terlalu bergantung kepada Dollar Amerika. Apabila kita bergantung kepada sesuatu, maka sedikit sebanyak kebebasan kita terhakis. Ini adalah usaha yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional dan tidak diusahakan oleh mana-mana kerajaan lain dan tidak juga diusahakan oleh Kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu. Kalau mereka sanggup meminta orang bayar kepada mereka dalam bentuk emas, silalah.

5. **Datuk Mustafa bin Ali [Dungun]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kelembapan ekonomi Amerika Syarikat memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dan adakah senario ini mempunyai persamaan dengan kemele setan ekonomi yang telah berlaku sebelum ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan nombor 48 pada hari ini dan juga soalan nombor 21 pada 16 Julai 2001.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Perdana Menteri: Akibat daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan pemulihan ekonomi Jepun yang tidak menentu, eksport negara terutama barangan elektrik dan elektronik telah merosot. Eksport Malaysia kepada Amerika Syarikat adalah 20% daripada jumlah eksport negara, manakala 60% daripada jumlah eksport tersebut adalah barangan elektrik dan elektronik.

Ekoran daripada perkembangan ini, eksport keseluruhan negara telah meningkat hanya sebanyak 0.2% pada lima bulan pertama tahun 2001 berbanding dengan 19.3% pada tempoh yang sama tahun 2000. Malahan, eksport barangan elektrik dan elektronik telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.9% berbanding dengan pertumbuhan 20.7% pada tempoh yang sama tahun 2000.

Berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kadar pertumbuhan KDNK pada suku tahun pertama 2001 telah berkurangan kepada 3.2% berbanding 11.7% dalam tempoh yang sama tahun 2000. Kelembapan ekonomi yang melanda negara kita sekarang adalah berbeza dengan kemele setan ekonomi akibat krisis kewangan tahun 1997.

Krisis 1997 melibatkan negara-negara tertentu sahaja dan didorong oleh penyangak-penyangak mata wang yang mengambil kesempatan daripada kelemahan sistem kewangan antarabangsa. Kelembapan ekonomi dunia sekarang lebih merupakan, dengan izin, cyclical dan dialami oleh kebanyakan negara-negara yang bergantung besar kepada barangan eksport elektronik.

Bagi sebuah negara lain yang terlangsung bergantung kepada industri dan eksport barangan elektronik, resessi-resessi teknikal telah dikesan. Walau apapun negara kita berada dalam kedudukan ekonomi yang lebih sihat dan berdaya tahan berbanding dengan semasa krisis kewangan. Ekonomi kita mempunyai asas ekonomi yang kukuh seperti riza b luar negara yang tinggi yang boleh menampung import selama 3.9 bulan pada akhir bulan Jun 2001.

Pinjaman luar jangka pendek negara yang rendah iaitu 10.6% dari jumlah hutang dan 17.7% daripada rizab negara dan sistem perbankan yang kukuh, dengan izin, risk weighted capital ratio (RWCR) pada kadar 12.1% dan non-performing loans (NPL) di tahap 7.4%. Untuk mengurangkan kesan negatif kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan fiskal berjumlah RM3 bilion seperti yang diumumkan baru-baru ini sebagai tambahan kepada peruntukan Belanjawan sebanyak RM28 bilion bagi tahun 2001. Langkah-langkah yang terkandung dalam pakej rangsangan fiskal termasuk projek-projek infrastruktur seperti pembinaan sekolah-sekolah, kolej-kolej community dan universiti-universiti baru.

Langkah-langkah untuk meningkatkan penggunaan domestik melalui pengurangan sumbangan kadar pembayaran KWSP dan pemansuhan cukai ke atas kad kredit, tindakan untuk mengurangkan, dengan izin, property over-hang seperti pengecualian duti setem yang diberikan ke atas jenis hartanah tertentu yang telah menerima, dengan izin, certificate of practical completion dengan syarat ianya diurusniagakan daripada 28 Mac 2001 hingga 31 Disember 2001 dan langkah untuk menggalakkan pembelian hartanah oleh warganegara asing melalui kelonggaran syarat pemilikan hartanah oleh jawatankuasa pelaburan asing (FIC).

Untuk memastikan dasar kewangan terus accommodative, institusi kewangan telah menetapkan sasaran pertumbuhan pinjaman 8% setahun. Setakat ini pertumbuhan pinjaman tanpa Private Debts Securities (PDS) hanyalah di paras 5.5% setahun. Peruntukan tambahan juga disediakan untuk tabung makanan RM250 juta, Tabung Usahawan Baru RM250 juta dan Tabung IKS RM200 juta. Untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan langkah-langkah mempromosi KLIA sebagai, dengan izin, regional hub dan penggunaan kemudahan pelabuhan dengan sepenuhnya sedang dilaksanakan. Langkah-langkah untuk merangsangkan ekonomi telah berjaya meningkatkan pertumbuhan berasaskan permintaan dalam negeri pada suku pertama tahun 2001. Pada tempoh itu penggunaan dalam negeri dalam nilai semasa telah meningkat sebanyak 6.8% dengan perbelanjaan awam meningkatkan sebanyak 8.7% sementara permintaan swasta sebanyak 6.5%.

Pelaburan pula meningkat dengan kadar 7.4%. Di samping usaha-usaha yang telah diambil untuk memulihkan ekonomi, kerajaan juga akan berusaha memastikan pertumbuhan ekonomi terus kukuh dan berdaya saing untuk mencapai status negara maju.

Kerajaan telah pun melancarkan pelan-pelan jangka panjang pembangunan ekonomi negara seperti Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001 – 2010 dan Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005 pada bulan April 2001 serta Pelan Induk Sektor Kewangan 2001-2010 pada bulan Mac 2001 dan Pelan Induk Pasaran Modal 2000-2010 pada bulan Ogos 1999.

Begitu juga bagi perancangan di sektor perindustrian dan pertanian di mana Pelan Induk Perindustrian Kedua 1996-2005 telah dilancarkan pada bulan Mac 1995 dan Dasar Pertanian Negara Ketiga pada bulan Januari 1999.

Bagi pembangunan ekonomi dalam jangka masa yang terdekat, kerajaan sedang merangka Belanjawan 2002 yang antara lain untuk menangani isu-isu dan cabaran ekonomi semasa termasuk membendung kesan kelembapan ekonomi dunia.

Saya berharap semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat berganding sama dalam memastikan pembangunan ekonomi negara berjalan lancar serta dapat memakmurkan dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat .

Datuk Mustafa bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Pemangku Menteri Kewangan ada menyebut di antara lain....

Beberapa Ahli: Menteri Kewangan.

Datuk Mustafa bin Ali: Menteri Kewangan, maaf. Sebab jarang berlaku seorang pegang banyak jawatan , itu saya lupa. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila teruskan Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Mustafa bin Ali: Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Mustafa bin Ali: Jaga-tenaga cukuplah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, teruskan.

Datuk Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang panjang yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut di antara lain - tentu tidak sempat saya hendak sebut banyak - bahawa salah satu daripada

langkah untuk kita memulihkan keadaan ialah dengan melalui perbelanjaan sektor awam, pembinaan sekolah dan lain-lain.

Kita sekarang sedang berbincang soal pertumbuhan ekonomi negara, pemulihan yang melibatkan semua orang. Saya bersetuju dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi dalam menyediakan dana *public expenditure*, sektor awam ini ia dijejaskan oleh perbelanjaan-perbelanjaan kerana digunakan melalui langkah *bail-out*, saya tidak mahu menyebut yang lama-lama, saya menyebut tahun ini sahaja ada tiga yang besar; MAS; Time dotCOM dan yang terakhir Renong yang melibatkan dana awam walaupun tidak *direct* daripada Treasury tetapi melalui agensi-agensi kerajaan yang menjejaskan *public sector expenditure* ataupun daripada sektor awam tadi.

Adakah kerajaan boleh memberikan jaminan bahawa tindakan-tindakan yang seperti ini tidak akan dilakukan pada masa hadapan kerana kegagalan yang dialami oleh beberapa syarikat ini ialah akibat daripada *crony privatization* yang dilakukan oleh kerajaan sendiri, yang akhirnya menyebabkan kerajaan terpaksa *bail-out*. Adakah Yang Amat Berhormat boleh menerima satu saranan yang pernah dibuat oleh salah seorang pemimpin Islam hampir 1,000 tahun yang telah lalu – Imam Al-Ghazali, Hujatul Islam dan saya rasa nama ini diterima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang ulama yang muktabar disebut dalam perhimpunan Agung UMNO.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Mustafa bin Ali: ...saranannya ialah bahawa untuk membangunkan negara dan khusus dalam konteks ekonomi dua faktor penting adalah perlu antaranya ialah pemimpin yang adil dan usahawan yang jujur, jujur ini tidak tamak, tidak rakus, tidak penipu dan macam-macam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Datuk Mustafa bin Ali:soalnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Mustafa bin Ali: ...adakah Yang Amat Berhormat boleh memberi jaminan dan adakah beliau menerima saranan yang dibuat oleh ulama ini dan menjamin bahawa tindakan-tindakan menggunakan wang negara yang boleh

digunakan untuk rakyat seluruhnya bukan untuk satu dua orang kroni walaupun perkataan ini tidak disukai, tidak digemari oleh pihak kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, sudah dua soalan itu.

Datuk Mustafa bin Ali: ...kerana memang ini amalannya dan saya harap jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak melatut seperti jawapan-jawapan sebelum ini. *[Ketawa] [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan pun sama, kadang-kadang soalan pun sama melatut juga. *[Ketawa]*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak faham tentang apa yang dikatakan *bail-out*. Dia perlu belajar lebih banyak barangkali daripada ketuanya yang lebih faham berkenaan dengan ekonomi. Apa akan jadi kepada ekonomi negara kalau dibiarkan syarikat-syarikat besar ini menjadi bankrap? Apakah kesannya lebih baik daripada apa yang telah kita lakukan dan yang kita lakukan ini bukan untuk *bail-out* kroni-kroni. Sebenarnya yang berlaku kerja tolong kroni ini ialah apabila kita lihat kawasan-kawasan balak di Kelantan, Terengganu yang diberi kepada orang tertentu supaya mereka ini menjadi kaya. *[Tepuk]* Apakah pemimpin seperti ini boleh dianggapkan adil yang memberi kawasan balak kepada kawan-kawan dalam parti? Apakah pengusaha-pengusaha ini boleh dianggapkan jujur kerana mereka dapat kawasan ini kerana kroni mereka sudah jadi kerajaan di negeri tertentu.

Jadi, sebelum mereka membuat sesuatu patutlah mereka merenung sedikit tentang apa yang diperkatakan oleh Al-Ghazali kerana sebelum kita menegur orang lain ada baiknya kita soal sama ada diri kita ini betul ataupun tidak *[Tepuk]* kerana seperti yang disebutkan dalam Al-Quran kerap kali juga orang yang kita tegur itu lebih baik daripada kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa Soal Jawab Lisan sudah habis. *[Disampuk]*

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 hingga 69 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG TANDATANGAN DIGITAL
(PINDAAN) 2001****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.06 pagi.****Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia**

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan rang undang-undang bernama Rang undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 untuk meminda Akta Tandatangan Digital 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 digubal berikutan dengan cadangan untuk memindahkan fungsi pengawal pihak berkuasa pemerakuan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia setelah dibubarkan gerak fungsi pengawalseliaan, pengawal pihak berkuasa pemerakuan diserahkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Saya ingin mengemukakan bahawa bagi membolehkan tanggungjawab dan fungsi pengawal pihak berkuasa pemerakuan diserahkan kepada suruhanjaya atau Akta Tandatangan Digital 1997 iaitu Akta 562 perlu dipinda sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini izinkan saya memberi penjelasan berhubung perkara-perkara utama yang terbabit dengan pindaan kepada Akta Tandatangan Digital 1997 yang berteraskan tujuan untuk memindahkan kuasa pengawalseliaan, pengawal pihak berkuasa pemerakuan atau mana-mana pegawai atau pengkhidmat yang dilantik kepada suruhanjaya, pengerusi atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh suruhanjaya. Sebanyak 15 seksyen terlibat dan cadangan pindaan ini termasuk satu seksyen baru dan tiga daripadanya merupakan pindaan utama iaitu seperti berikut:

- (i) pindaan seksyen 2; seksyen 2 Akta Ibu dipinda bertujuan untuk memberi takrif bagi ungkapan 'Suruhanjaya' yang dimasukkan ke dalam akta ini;
- (ii) pindaan seksyen 3; cadangan meminta seksyen 3 adalah bertujuan untuk membolehkan suruhanjaya menjalankan,

menunaikan dan melaksanakan kuasa, tugas dan fungsi di bawah Akta 562; dan

- (iii) seksyen baru iaitu seksyen 75A. Seksyen baru ini dimasukkan bertujuan bagi membolehkan mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada inspektor menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta 562. Anggota polis ini akan mempunyai semua kuasa penguatkuasaan seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta 562.

Peruntukan pengecualian dan peralihan – peruntukan Fasal 19 ini dimasukkan dengan tujuan untuk memudahkan pengambilalihan oleh suruhanjaya daripada penguat kuasa untuk mengawal selia penggunaan tandatangan digital.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain dalam Akta Tandatangan Digital 1997 hanya merupakan pindaan kecil atau diakibatkan oleh pindaan-pindaan lain yang berkaitan dengannya. Saya yakin dan percaya bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 semua urusan penguatkuasaan kawal selia di atas tandatangan digital dapat diperkemaskan dan diperkukuhkan lagi.

Jabatan Pos dan Pejabat Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan yang sebelum ini bertanggungjawab ke atas tandatangan digital perlu dibubarkan supaya sebuah badan bebas dapat mengawal selia tandatangan digital di Malaysia agar ianya selaras dengan perkembangan teknologi dan perkhidmatan semasa. Umpamanya, ledakan teknologi digital telah menjadikan Internet sebagai infrastruktur asas pembangunan e-dagang dan e-perniagaan yang mana transaksi-transaksi secara elektronik perlu dikawal selia melalui perundangan, pengawal selia industri komunikasi dan multimedia.

Memandangkan perundangan berkenaan adalah di bawah tanggungjawab suruhanjaya, maka adalah wajar kuasa dan tanggungjawab suruhanjaya meliputi juga pengawalseliaan tandatangan digital yang bertujuan untuk memastikan keselamatan dan integriti transaksi data secara elektronik dalam persekitaran sistem.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sedar bahawa keberkesanan undang-undang yang berniat murni ini hanya akan menjadi kenyataan sekiranya ianya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini memerlukan sokongan yang padu dan menyeluruh daripada semua pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tandatangan Digital 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

11.11 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong cadangan pindaan rang undang-undang ini kerana rang undang-undang ini walaupun *incidental* tetapi ada besar maknanya demi untuk melengkapkan lagi perundangan dalam segi perdagangan industri ICT di negara kita. Dengan wujudnya infrastruktur ataupun prasarana undang-undang yang sedemikian rupa kita berharap dan berdoa negara kita mempunyai prasarana yang baik, environment yang baik untuk perkembangan industri ICT ini.

Saya ingin membaca sedikit Tuan Yang di-Pertua, potongan laporan daripada United Nations on communication and technology. Saya baca dan berbunyi demikian, *“Many developing countries do not obtain fair share of the benefits of globalization and infact actually suffer nett loses, north is in control not only due to strength but also because of lack of coordination in the south. National technology policy are largely determind by the work of global institution and their rules and standard.”*

Jadi, berlandaskan yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, kita melihat negara kita adalah sebuah negara yang ke hadapan untuk mengatur langkah supaya kita tidak dikebelakangkan dalam industri komunikasi ini. Pindaan kepada Akta Tandatangan Digital adalah *incidental* kepada perubahan Suruhanjaya Multimedia di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998. Walaupun terlaksana secara *incidental* tetapi implikasi adalah besar dan menyeluruh kerana di perenggan 19 pindaan akta ini telah memperuntukkan pengecualian dan peralihan di mana ternyata telah banyak undang-undang termasuk perundangan subsidiary, dokumen, surat cara, lesen, bon, sekuriti, pendaftaran, kelulusan perakaunan, arahan, perintah garis panduan, pemberitahuan, perjanjian dan dokumen yang telah lulus atau

dikeluar semenjak Akta Tandatangan Digital 1997 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi Multimedia 1998 dilulus oleh Dewan yang mulia ini.

Rang undang-undang pindaan ini adalah untuk membasmiikan semua kekeliruan dan kesangsian dari bidang penggunaan kata, bahasa dan terma dalam akta-akta yang sedia ada dengan terma-terma selarasan dan pindaan ini. Saya juga percaya telah banyak surat janji dan dokumen dagangan yang telah dimeterai dan bertukar tangan semenjak Akta Tandatangan Digital 1997 dikuatkuasakan dan implikasi keselamatan dan jaminan undang-undang dalam mana-mana transaksi dagangan, pertukaran instruments kewangan, financial instruments dengan izin, dan perjanjian berikutan darinya.

Selain daripada itu, pindaan ini juga mengandungi sedikit peruntukan prosedur dengan izin, di bawah seksyen 75A yang baru untuk membolehkan pegawai polis yang tidak berpakaian seragam mengambil tindakan dan menunjukkan tauliah rasmi jikalau dia diminta. Peruntukan yang mempunyai gergaji dua mata ini amatlah menyenangkan, peruntukan ini mewajibkan pegawai polis yang diberi kuasa oleh undang-undang ini menyatakan jawatan dan petunjuk kad kuasa yang diberi oleh Ketua Polis Negara apabila dipinta oleh yang diambil tindakan kepadanya.

Ini bermakna pegawai polis tidak boleh beralih dan membuat alasan apa jua kepada orang yang meminta kenyataan dan orang yang meminta kenyataan itu jika tidak diberi penjelasan oleh pihak polis membenarkan pegawai itu bertindak dan tidak wajib baginya mengikut arahan pegawai tersebut jikalau ia tidak boleh memenuhi kehendak undang-undang ini.

Justeru itu, pegawai polis mestilah mengetahui kehendak undang-undang yang spesifik ini. Dahulu adalah satu amalan mengikut arahan pentadbiran dalaman polis, tetapi akta ini telah memberi peruntukan undang-undang. Secara keseluruhannya polis mestilah merubah sejajar dengan kemahuan perubahan yang direalisasikan di Dewan yang mulia ini di bawah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perundangan Tandatangan Digital dan mana-mana perundangan multimedia yang sealiran dengannya adalah prasarana undang-undang perdagangan negara. Sebagai undang-undang perdagangan negara antarabangsa kontrak sewa beli, sewa bill of sale dan lain-lain adalah diwujudkan untuk memberi garis panduan, perlindungan dan hukuman yang diperlukan oleh masyarakat dagangan, industri dan usaha peniaga terlibat. Tanpa akta ini negara

kita akan terkebelakangan dan dilihat serong oleh masyarakat pedagang dan usahawan antarabangsa.

Pembangunan konsep perdagangan infrastruktur fizikal seperti yang diilhamkan di bawah Koridor Raya Multimedia akan kurang sambutannya jikalau masyarakat pada perdagangan dan usahawan tempatan dan asing akan merasa curiga dan bimbang jikalau asas perundangan keselamatan, perlindungan, jaminan kepada pelaburan jika tidak dijamin oleh kerajaan dengan prasarana undang-undang yang sempurna dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik semua kesibukan ini kita perlu melihat dan mengambil perhatian apa yang berlaku di sekeliling kita terutama negara yang maju dan menyerlah dalam bidang perdagangan dan industri teknologi komunikasi dan maklumat. Dari kehebatan penglibatan mereka ini bangkit satu peluang dan ruang untuk kita terlibat sama. Daripada penggubalan konsep dan pelaksanaan infrastruktur asas Malaysia bolehlah dikatakan tidak terkebelakang jika dibandingkan dengan mana-mana negara di rantau ini termasuk mana-mana negara membangun di kawasan rantau lain. Konsep seperti Koridor Raya Multimedia dan bandar raya bijak di Putrajaya adalah antara yang terkini, menyeluruh dan termoden di dunia. Ini boleh dibuat sebagai asas kerajaan yang mengambil alih inisiatif untuk menyediakan kepimpinan usahawan dan perniagaan.

Kebanyakan negara di Barat dan Eropah perkara ini diserahkan bulat-bulat kepada pihak swasta. Kerajaan hanya menyediakan prasarana undang-undang untuk mengawal selia dan memberi garis panduan kepada peniaga dan usahawan. Di Malaysia kerajaan membuat inisiatif menyediakan prasarana, insentif dan perundangan. Dengan itu, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan kita penting, ICT ialah perniagaan yang dekad ini dan dekad yang berikutnya. ICT akan mengasaskan prasarana kepada industri bioteknologi yang sekarang telah datang menyusul. Jikalau kita lemah sekarang kita akan ketinggalan pada perniagaan pada dekad yang akan datang, ini mestilah dielakkan. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa prasarana perniagaan teknologi komunikasi dan maklumat dunia telah mencapai jumlah hampir USD2.2 trilion ataupun RM8.4 trilion setahun kerana pasaran yang begitu besar, maka Amerika dan Eropah berlumba-lumba menguasai bidang ini. Pembangunan pula meningkat begitu mendadak terutama sekali dekad 90'an. Misalnya, Amerika pembangunan daripada 55% daripada 5% pada tahun 1960 kepada 45% pada tahun

1996 dan dijangka meningkat kepada 55% pada tahun 2001. Pembangunan ini telah menunjukkan purata 5% GDP kepada 12% pada tahun 2000. Sekarang, pembangunannya telah mencapai purata 25%. Maka kita tidak hairanlah kenapa Amerika Syarikat, negara-negara Eropah dan juga Jepun berlumba-lumba meceburkan diri dalam bidang ini dengan beberapa inovasi dan adaptasi. Satu hendak mengatasi yang lain dari beberapa segi dan penglibatan. Misalnya dalam perkakas perhubungan telekomunikasi dan *switchboard equipment*, umpamanya dan aktiviti berkaitan dengannya berjumlah purata 76% pasaran telah dibolot oleh lima syarikat gergasi pemilik Actell, Siemens, Luison, Ericsson dan Nokia, dari 50 syarikat yang terbesar di dunia, 10 daripada teknologi info rmasi dan maklumat.

Persoalan yang tidak perlu dijawab kepada pembangunan yang begitu mendadak ini kita semua tahu, ini adalah *business* sekarang. Dahulu Amco, sekarang Bill Gates. Dahulu Sheikh Minyak, sekarang *Microsoft* dan *software computer*. Secara kasar, pada tahun 1999, industri teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT telah menyumbang kepada sejumlah pendapatan (*revenue*) perdagangan hampir 17% dunia bahkan seluruh dunia. Ini melibatkan keuntungan perdagangan pada jumlah 23%. Lebih dari itu, ICT telah membabit guna tenaga manusia 23% pekerja seluruh dunia. Perkembangan pula akan terus mendadak walaupun dalam keadaan perniagaan dunia yang lembap. Pembangunan ini dijangka akan meningkat tahap purata 10% pada tahun 2002 dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perhubungan dan jualan barangan dan perkhidmatan menerusi Internet mengikut jangka *international data corporation*, yang digunapakai oleh UNESCO, memberi jumlah pembangunan secara kompaun di antara 1996 dan tahun 2000 ialah USD9 billion hingga USD10 billion. Dari angka ini, USD500 juta jualan runcit, USD5,000 jualan borong dan USD200 juta perkhidmatan dan maklumat. Daripada tahun 2000 dan seterusnya, jumlah yang dijangka ini ialah USD200,000 juta jualan retail. USD66 juta jualan borong dan dan USD1,000 billion untuk perkhidmatan maklumat. Ini begitu besar dan amat menakjubkan.

Dalam keadaan ini, maka setiap manusia di dunia ini, sama ada di bandar ataupun di luar bandar, sama ada mahu atau tidak mahu, memang telah pasti akan terkena imbasan angin laluan revolusi industri teknologi maklumat ini. Imbasan ini akan mengena sesiapa sahaja secara langsung atau tidak langsung. Tidak kira sama ada seseorang itu berada di negara yang maju sekali dalam bidang pencapaian dan penggunaan teknologi terkini seperti Amerika Syarikat, Eropah,

Jepun, Singapura juga Malaysia ataupun negara-negara yang terbelakang sekali dalam bidang pencapaian dan penggunaan teknologi terkini. Misalnya, telefon, televisyen, radio, fax, komputer peribadi dan Internet seperti di Somalia, Mauritania dan Yaman. Maka, itulah rasional negara kita secara langsung mewujudkan konsep dan pelaksanaan koridor raya multimedia seperti Singapura IT 2000, *Silicon Valley*, *Kansai City* dan lain-lain lagi.

Inisiatif direka untuk mencetuskan inisiatif menunjukan hala lonjakan industri ini. Kerajaan Malaysia seperti kerajaan Singapura, Taiwan dan Republik Korea telah mengambil tindakan terperinci, wajar dan sesuai. Walaupun penggunaan Internet kita baru sahaja mencapai 250,000 iaitu, nisbah 1 - 1,000 orang, dari segi infrastrukturnya, negara kita belum boleh dirangkum sebagainya salah sebuah negara yang *wired nation* seperti New Zealand, Finland ataupun Singapura. Negara kita dan rakyat tidak boleh mengelak diri daripada terlibat dan terkena, yang mana satu daripadanya adalah pilihan kerajaan dan rakyat negara ini, harus tiupannya akan melanda. Semua manusia akan terbabit sama ada dalam keadaan baik, bijak, bersedia, beruntung, berpeluang ataupun jahil terlepas adalah dua pilihan yang telah pasti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang demikian, kementerian mestilah memperbaiki lagi infrastruktur yang ada, letrik, telefon mestilah dihantar ke luar bandar. *Internet provider* dengan izin, sama ada diperbanyakkan atau diperbaiki mutu perkhidmatan mereka. Sistem *broad band* dan *fiber optic* hendaklah diperkenalkan dengan meluas dan segera. Rombakan kepada dasar pendidikan, penekanan untuk *reengineering* dan *restructuring* dengan izin, masyarakat di luar mestilah dibuat dengan segera.

Digital divide mengikut garis etnik dan keturunan, *digital divide* di antara masyarakat bandar dan luar bandar mestilah dielakkan. Tindakan sistematik, dinamik dan segera mestilah dilaksanakan. Sekarang kita nampak, telah dibelakangkan untuk menangani masalah ini tetapi belum terlambat. Kita masih boleh melaksanakannya dengan sempurna dan berjaya dengan syarat dilaksanakan sekarang.

Digital divide di antara bandar dan luar bandar mestilah dielakkan kerana ini akan memastikan dan menjamin *digital divide* di antara etnik dan keturunan tidak berlaku. Jikalau tidak, jurang perbezaan orang bandar dengan orang luar bandar akan berlaku. Ini juga bermakna jurang perbezaan di antara bukan bumiputera dan

bumiputera di luar bandar dan soalan ekonomi, sosial dan tahap hidup, pendidikan akan terbuka luas.

Jikalau sejarah negara ini sendiri dan keadaan di negara lain seperti benua di Afrika dan negara-negara jiran boleh dijadikan teladan, kestabilan sosial dan politik negara akan menjadi lebih rapuh dan keamanan rakyat dan keselamatan tidak akan terjamin. Jikalau ini terjadi, bukan sahaja kita akan hilang *competitive edge* dengan izin, tetapi kita juga berkemungkinan tergadai maruah kemerdekaan akhirnya negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, maka prasarana undang-undang mesti dilengkapi, bukan sahaja lagi *instrument* perniagaan tetapi juga sebagai tarikan kepada pelabur. Di samping beberapa undang-undang multimedia yang telah diluluskan, ada banyak lagi perkara diambil kira untuk diperlengkapkan negara ini dengan prasarana undang-undang. Garis panduan dan disiplin perniagaan menerusi ICT, justeru itu, saya ingin bertanya kepada kementerian berhubung beberapa perkara seperti berikut:

- (i) Di manakah Malaysia mendaftarkan *domain's name*? Syarikat perniagaan dan individu yang ingin mempunyai alamat Internet protokol, IT, apakah Malaysia mempunyai sistem pendaftaran sendiri untuk mendaftar *domain's name* peringkat tiga atau *third level domain's name* dan apakah kuasa penangguhan dan penggantungan kepada alamat IT ini dan jikalau berlaku pertindihan terutama jikalau bercanggahan dengan peruntukan undang-undang *trademark*, *passing off* dan *patent*.
- (ii) Adakah persoalan dan masalah *domain's name* boleh dirujuk kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia? Adakah bidang kuasa Suruhanjaya ini mencukupi di bawah undang-undang yang ada sekarang? Jikalau tidak, bilakah perubahan secara menyeluruh dibuat? Adakah prosedur penyelesaian masalah digubal?
- (iii) Apakah penyelarasan dan bakal dikaji dicadang dan akan dibuat supaya menggalakkan perniagaan dan individu di Malaysia dari masalah *multiplicity litigation* dengan izin, berbangkit dari pencegahan undang-undang *trademark*, *pattern*, *passing off* dan konsep undang-undang yang serupa dengannya. Adakah kementerian bercadang untuk mengkaji Akta *Evidence* untuk menyelaraskan menerima pakai

keputusan dan sijil yang dibuat oleh pihak tertentu ataupun Suruhanjaya berhubung dengan sistem *first come first serve basis* pendaftaran *IT addresses* dengan izin.

- (iv) Adakah Internet *assign number's authority* dengan izin, (IANA) yang berdaftar kod top *level domain's* negara, *country code* dengan izin, *example dot.my* untuk Malaysia dan *generic top level domain* di Amerika di manakah *network information centre* untuk negara Malaysia dan adakah *Network Information Centre* (NIC) ini didaftar, ditadbir oleh *Network Solution in Corporation* di Virginia, Amerika Syarikat? Adakah ASEAN mempunyai NIC sendiri, jika tidak, apakah rasionalnya?
- (v) Bagaimanakah kementerian sedia maklum bahawa *International Adhoc Committee Expert* menerusi WIPO telah mencadangkan untuk mewujudkan *Administrative Name Challenge Panel* (ACP) untuk beribu pejabat di Switzerland. Sudahkah badan ini ditubuhkan? Apakah penyelarasan yang dibuat oleh Malaysia? Adakah negara kita bercadang untuk mewujudkan ACP di peringkat Asia ataupun ASEAN.
- (vi) Adakah Malaysia terlibat dengan *World Intellectual Property Organization* (WIPO), *Copyright Treaty*, *Performance Phonogram Treaty* adakah konvensyen dan treaty ini, lain yang kita mengambil bahagian.

Yang terbaik sekali Tuan Yang di-Pertua, bagi kita ialah untuk mewujudkan pusat penyelesaian masalah sebagai pusat *arbitration* yang sedia ada. Pusat ini diberi prosedur, garis panduan dan semestinya mempunyai peruntukan implikasi kos dan tanggungjawab kepada pihak berkenaan. Barang siapa yang tidak berpuas hati, boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi pula adalah mahkamah yang khas dan pakar dalam bidang industri teknologi komunikasi dan maklumat. Hakim dan peguam yang mempunyai kepakaran sahaja dibenarkan berbicara di mahkamah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai memperlengkapkan infrastruktur undang-undang, saya ingin bertanya sama ada kerajaan telah mengkaji agar beberapa undang-undang asas berhubung dengan perniagaan *e-commerce* telah dibuat, kerana di samping undang-undang yang ada, kita juga mesti melihat selangkah ke

hadapan untuk memperkukuhkan kedudukan negara dalam mempelopori bidang ICT. Umpamanya, undang-undang seperti berikut.

Pertama Akta Keselamatan Data dan Maklumat. Sekarang, Malaysia mempunyai lebih kurang 240,000 pengguna Internet dan daripada 48,300 hos perkhidmatan Internet akses. Daripada jumlah ini, mungkin beribu lagi pengguna yang tidak mempunyai alamat Internet protokol sendiri. Dalam keadaan yang demikian, kita tidak percaya beratus juta ringgi transaksi perniagaan telah mengalir menerusi Internet. Di samping itu, banyak data dan maklumat persendirian, syarikat kerajaan telah disimpan dalam laman web dan komputer ekoran dari perhubungan peribadi transaksi perniagaan dan maklumat simpanan kerajaan dan syarikat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dari sahabat saya, Batang Lumar. Bagaimanakah pandangan beliau mengenai ketiadaan *data security act* ataupun undang-undang untuk melindungi keselamatan data dalam negara ini? Tidakkah perkara ini semakin lama akan menjadi lebih serius sekiranya berlaku sesuatu pelanggaran terhadap data-data yang tersimpan oleh pihak kerajaan ataupun oleh pihak swasta. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Secara ringkas Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menjawab lebih panjang. Tetapi, secara ringkas, kalau kita tidak mempunyai undang-undang Akta Keselamatan Data dan Maklumat, apabila data dan maklumat ini termasuk ke dalam simpanan kita, butiran peribadi dan butiran *business* dan transaksi kita boleh diguna pakai oleh pihak lain sewenang-wenangnya dan ada rekod menunjukkan di Amerika, England, Eropah dan di Australia, bahawa butiran peribadi ini boleh digunakan untuk *fraud* dan *dealing* yang tidak menerusi garis panduan undang-undang, itu yang pertama.

Yang kedua lagi, dalam soalan *research* dan *development*, apabila kita hendak membuat *research* dan *development*, data-data ini disimpan di dalam komputer dan data bank yang tertentu. Jadi, kalau keselamatan ini tidak dijamin, dengan nescaya orang yang hendak terlibat dengan pencarian ataupun penyelidikan di Malaysia ini, akan menjauhkan diri menyimpan data-data ini dalam Internet dan sebagainya. Dengan sendirinya, kita akan jauh terkebelakang kerana mereka

bimbang yang data yang kita simpan, penemuan yang mereka jumpai, disimpan dalam data bank ini tidak selamat oleh pencerobohan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada penjelasan Yang Berhormat bagi Batang Lupar, dengan ketiadaan satu undang-undang untuk melindungi data-data peribadi ataupun kerahsiaan data individual yang tersimpan oleh pihak kerajaan. Contohnya, sewaktu membincangkan akta mengenai kad pintar pelbagai guna. Saya telahpun membangkitkan bagaimanakah keselamatan data-data yang tersimpan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara, tidakkah satu hari kemungkinannya amat luas data tersebut diceroboh oleh *hackers*?

Jadi, tanpa ketiadaan undang-undang untuk melindungi privacy dan security data itu sendiri, tidakkah kita merasa was-was untuk menyertai penggunaan kad pintar pelbagai guna kerana kita tidak tahu bagaimanakah security data tersebut atau saudara katakan di Amerika Syarikat telah pun berlaku data-data *ini being commercialized*. Apabila dikomersialkan kita pula tidak mempunyai undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap orang yang mengomersialkan data-data tersebut. Jadi, tidakkah saudara berpendapat bahawa keadaan amat mendesak supaya Malaysia sebagai pelopor perkembangan IT di wilayah ini melihat hal ini secara serius dan segera. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya jawab panjang mungkin saya menjawab macam pihak kementerian. Jadi, *[Ketawa]* saya inginlah menyebut sedikit sahaja persoalan umpamanya kad pintar ini mempunyai banyak data peribadi berhubung dengan soalan peribadi kita, umur kita, nombor kad pengenalan kita, alamat kita dan sebagainya. Itu satu data. Data yang satu lagi berhubung dengan kesihatan kita mungkin mempunyai darah group kita, apa penyakit kita, mungkin ada suffer daripada high tension, blood pressure, bermacam-macamlah benda macam itu. Dan satu lagi mungkin soalan kewangan kita, bank account dan sebagainya.

Jadi mengikut penjelasan yang saya terima daripada pihak kementerian bahawa tiap-tiap agensi kerajaan ada dealing dengan seseorang individu itu hanya boleh membuka data relevan dengan jabatan itu sendiri sahaja. Jadi, dengan sendirinya data-data lain kalau umpamanya kepada pihak polis, polis boleh membuka satu soalan peribadi sahaja nama dia, alamat dia, IC kad dan sebagainya.

Kalau di medical, medical boleh lihat peribadi, nama, alamat dan melihat apa blood group, penyakit dia. Itu sahaja yang boleh buka.

Jadi, persoalan yang berbangkit di sini pegawai-pegawai yang terlibat yang boleh membuka *window* kepada kita punya kad pintar ini juga belum ada jaminan bahawa pegawai-pegawai ini akan menjaga segala-gala maklumat yang mereka lihat dan dapati daripada *windows* yang mereka buka daripada jabatan-jabatan yang tertentu. Kalaupun dia boleh membuka dan mencirikan maklumat yang sedemikian kepada sesiapa belum ada hukuman yang tertentu mengatakan apa hukuman yang boleh dikenakan kepada mereka ini. Dan kalau dia tidak mencirikan kepada orang yang kedua dan orang yang kedua mendagangkan ini sebagai satu komoditi dan ini juga tidak ada provision undang-undang untuk mengatasi masalah-masalah yang sedemikian.

Jadi, undang-undang keselamatan data dan maklumat ini amatlah penting supaya kita tidak merasa ragu-ragu memberi data dan maklumat peribadi kita, data dan maklumat syarikat kita, data dan maklumat berhubung dengan penemuan dan pencarian kita, data dan maklumat apa sahaja benda yang kita terlibat. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian saya memang cukup percaya bahawa undang-undang keselamatan data dan maklumat ini perlu dikaji dan dilaksanakan ataupun digubal pada masa sekarang dalam masa negara-negara lain telah terkilan ataupun terkena dalam keadaan ini.

Saya banyak membaca kes-kes berlaku di Amerika, kes yang berlaku di Eropah dan di England, juga di Australia. Dalam keadaan sedemikian negara-negara yang tersebut ini telah melihat secara terperinci walaupun undang-undang sedia ada negara-negara tersebut telah digubal beberapa tahun tetapi dalam keadaan sekarang industri yang ada sekarang dalam teknologi yang ada sekarang ini belum mencukupi. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya menyarankan agar Akta Keselamatan Data dan Maklumat ini dikaji dengan seberapa cepat yang boleh.

Jadi, rasionalnya yang kedua Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang *research and development* dengan izin, banyak data dan maklumat disimpan dalam komputer dan laman web atau pemindahan data dan maklumat di antara penyelidik, saintis, technician dan jurutera. Pemindahan ini akan berlaku sama ada dalam negara atau menembusi sempadan negara. Apakah jaminan data dan maklumat ini tidak diberi, dipindah dan didapati oleh seorang yang tidak berhak dengannya ataupun masalah guna data dan maklumat tersebut. Dalam bidang *research and development* pihak

pakar, saintis, jurutera dan asing tidak mahu kerjasama atau bertukar maklumat dan pengetahuan dengan para penyelidik negara kita jikalau tidak ada jaminan maklumat dan data mereka tidak tercicir.

Data dan maklumat peribadi syarikat dan kerajaan boleh diguna untuk melaksana perkara jenayah elemen merbahaya, promosi yang tidak diingini atau perhubungan tanpa undangan. perhubungan tanpa undangan ini juga menjadi satu *nuisance*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua di negara-negara kita kalau dapat alamat kita sahaja kita lihat pagi esok menimbun-nimbun pamphlet, iklan-iklan sampai ke peti. Kadang-kadang kita tidak hendak benda ini tetapi dia hantar juga oleh kerana maklumat ini boleh didapati menerusi internet.

Jadi, yang kedua Akta Fitnah mestilah dipinda dan diselaraskan.

- (i) Akta Fitnah dan Perundangan yang sedia ada belum lagi mencukupi untuk menangani beberapa masalah yang ada di samping masalah garis panduan kepada mahkamah dan peguam dari segi tuntutan dari insiden fitnah belum lagi diselaraskan. Tuntutan beratus juta telah menjadi trend kepada pihak yang menuntut. Pihak peguam tidak berupaya memberi nasihat yang wajar.
- (ii) Keadaan yang sedemikian adalah tidak sihat dan boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu dengan tuntutan yang tidak munasabah.
- (iii) Sebaliknya pula dalam konteks Internet, kata-kata fitnah, buruk sangka dan tuduhan tanpa asas telah menjadi satu kegilaan segelintir rakyat Malaysia walaupun pesalah boleh dikesan oleh pihak-pihak yang berkuasa mangsa tetapi pengguna perundangan masih jauh daripada memuaskan. Dalam konteks tanggungjawab dan *civil liability*, dengan izin, persoalan takrifan perkataan libel dan slander belum mendapat peruntukan undang-undang dan mahkamah. Istilah dan terbitan ini penting kerana oleh penentuan ganti rugi dan hukuman mahkamah ditetapkan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang harus disokong. Pada pandangan saya Internet sekarang ini telah pun dijadikan satu wadah *cyber politic*

and cyber democracy. Dalam konteks negara kita *politic cyber* dan juga *democracy cyber* telah pun mengizinkan setengah-setengah pihak untuk bertindak tanpa tanggungjawab. Contohnya bagaimanakah *slander* definition ataupun fitnah yang dihamburkan dan ditujukan kepada pemimpin-pemimpin tertinggi kita disebar di dalam Internet dan kita tidak boleh mengambil tindakan kerana tidak ada undang-undang yang melindungi perkara yang disebar dalam Internet itu untuk kita ambil tindakan. Kalau dalam dunia nyata buku leaflet *in black and white*, dengan izin, yang mengandungi bahan-bahan fitnah boleh diambil tindakan terhadap pengarang ataupun pengedar ataupun the originator of the document. Tetapi di dalam Internet tidak ada. Ini yang menjadikan cyber democracy, cyber freedom, cyber politics di Malaysia ini terlalu sangat meracun rakyat Malaysia.

Jadi, pada pandangan Yang Berhormat, bagaimanakah harus kita mendekati perkara ini, bagaimana harus kita menyelesaikan perkara ini, haruskah Malaysia menjadi pelopor oleh kerana di Amerika pun belum ada atas satu konsep bahawa the Internet shouldn't be censored, atas satu konsep bahawa Internet itu tidak boleh ditapis maka diberi freedom macam jahiliah terus keadaannya. Jadi, adakah kita perlu mewujudkan undang-undangan supaya secara tanpa censor pun perkara ini ada *self-restrict* bermakna dia boleh melakukan *self-censorship* oleh pengedar-pengedar, author-author fitnah dalam Internet ini dia menjadi takut untuk bertindak sedemikian. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang Tuan Yang di-Pertua, wajib bagi pihak kementerian dan kerajaan menyelidik dan mengkaji secara mendalam terutama sekali dalam soalan-soalan kedemokrasian penggunaan internet dan multimedia ini. Di Malaysia kita telah melihat yang mana banyak fitnah, banyak kata-kata buruk tuduhan dan sebagainya dibuat dalam Internet bahkan kebanyakan tuduhan-tuduhan dan fitnah ini tidak mempunyai asas yang nyata. Dan mereka yang membuat ini oleh kerana pertanggungjawaban mereka tidak diwujudkan di bawah undang-undang sewenang-wenangnya membuat. Jadi ini tidak ubahlah macam kera diberi dengan bunga, dapat bunga itu dia pijak, main macam itu tetapi berlebihan sangat sampai bunga pun rosak.

Jadi, inilah keadaan dia. Kita diberi satu ruang untuk memberikan fikiran, kedemokrasian ini kebebasan ini tetapi orang yang menggunakan kebebasan ini tidak tahu dengan sendirinya menggunakan batasan-batasan yang tertentu supaya menunjukkan rasional iaitu pemikiran rakyat kita di sini adalah baik dan sempurna.

Jadi, dalam keadaan sedemikian Malaysia boleh dilihat sebagai manusia menerusi kaca mata Internet ini yang kita kurang rasional dalam penggunaan ilmu-ilmu kedemokrasian dan dasar kedemokrasian.

Jadi, saya memang percaya undang-undang perlu diwujudkan, perlu diselidiki dengan mendalam. Kita mengkaji undang-undang apa masalah telah berlaku di Amerika, apa masalah berlaku di Eropah dan di England. Semua negara ini sekarang telah membuat penyelidikan-penyelidikan yang tertentu macam mana hendak mewujudkan, sama ada membuat garis panduan yang tertentu, sama ada hendak membuat satu tapisan dan kalau tapisan itu dibuat sampai sejauh manakah tapisan itu dan apakah mekanisme tapisannya boleh diwujudkan supaya tidak bercanggah dengan dasar-dasar universal lain sebagai kebebasan, freedom, demokrasi dan sebagainya. Ini kita terpaksa kita melihat undang-undang ini kerana kita tidak hendak masyarakat di Malaysia ini menjadi masyarakat yang penuh dengan cacian, fitnah dan sebagainya, tidak ada undang-undang untuk memberikan garis panduan dan menghukum mereka yang bersalah.

Jadi, dalam konteks ini saya akan sebut sedikit Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab juga Yang Berhormat bagi Parit Sulong iaitu dalam (d) ini dalam konteks jenayah dan sivil adakah service providers macam ini juga difikir service providers, host tuan punya laman, komputer bertanggungjawab. Ini mesti ditanya kerana persoalan ini telah dibuat di Amerika ataupun England, di Eropah dan di Australia. Sama ada kalau saya punya komputer, saya punya rumah digunakan untuk menyebarkan fitnah walaupun individu yang diguna itu tidak ada di sana lagi, tidak diketahui siapa dia, adakah orang yang punya *cyber café* yang punya kedai yang punya pejabat di mana benda ini terkeluar boleh diambil tindakan dan sejauh mana.

Jadi, batasan-batasannya terserahlah kepada pihak kerajaan untuk mempertimbangkan. Apakah garis panduan kepada semua agar batasan tidak menjadi pembendung pembangunan industri dan penggunaan komputer. Ini juga penting. Dalam negara kita untuk memelopori ICT ini kita juga tidak membuat garis panduan dan batasan yang ditetapkan undang-undang yang kita buat tidak menjadi satu penghalang untuk pembangunan industri dan penggunaan komputer.

Dan (e) sebaliknya tanpa garis panduan ini telah dianggap menjadi satu galakan dan kelemahan pihak berkuasa oleh sesiapa yang bersifat keji menabur benih kebencian dan fitnah di laman web, data komputer apabila berpeluang terbangkit baginya. Dengan adanya tanggungjawab diberi, saya percaya service

provider, tuan punya laman komputer, premises di mana perkara dibuat mungkin akan lebih berjaga-jaga dan menjadi *second layer of provision* kepada industri ini supaya tidak disalahgunakan.

Jadi yang ketiga, Datuk, hampir habis saya cerita ini tidak panjang lagi. Yang ketiga *framework* dasar dan perundangan e-commerce. Untuk melonjak ke hadapan negara kita sepatutnya mempunyai rangka struktur perundangan yang lengkap. Walaupun kita mempunyai asas undang-undang tandatangan digital, pemindahan data dan maklumat jika tidak mempunyai garis panduan dan undang-undang komersial dalam bentuk elektronik terutama apabila data maklumat tersebut boleh diterjemah menjadi konsep *negotiable* instrumen-instrumen kewangan.

Sebab-sebab peruntukan perlu adalah seperti berikut:

- (i) Undang-undang sama ada berasaskan common law ataupun akta dalam perniagaan tradisi mempunyai satu assumption yang berlainan yang tidak boleh disesuaikan diri dengan perdagangan e-commerce.

Ini disebutkan oleh kerana undang-undang kita yang ada pada masa sekarang ialah berasaskan common law dan common law ini pula mengasaskan semua kod dan akta yang diluluskan di mahkamah iaitu berlandaskan *precedent* yang berlaku pada zaman dahulu. Kalau berlaku satu kes pada bulan lepas, kita asaskan dasar undang-undang kita supaya mengatasi masalah yang berlaku itu tidak berlaku lagi sama ada baik ataupun buruk.

Jadi, kita asaskan undang-undang kita tetapi dalam keadaan ICT ataupun teknologi masa hadapan, ini tidak boleh sesuai lagi kerana kita bergerak dengan begitu cepat dalam soal ICT.

- (ii) Garis undang-undang kenyataan dan bukti yakni *evidence* dalam soal perkara relevance dan benar, ini berkehendakkan bukti komputer di mahkamah.

Begitu juga apa yang dianggap sebagai tandatangan dan bertulis. Yang lain diperuntukkan bukti hearsay dan ini dalam soalan hearsay dan sebagainya kenyataan dan maklumat dan data ditransmit ataupun dihantar menerusi siber dengan udara

sahaja ini, macam mana persoalan undang-undang dan jawapan undang-undang kepada persoalan demikian. Inilah yang disebutkan di bawah (b) tadi.

(iii) Perniagaan internet.

Banyak terlibat dalam penjualan dan pelesenan harta intelektual. Keselamatan intellectual property ini amat penting, bukan sahaja kepada penjual hak tetapi juga kepada pembeli yang perlu haknya dijaga dan dikawal. Pembeli perlu juga mengetahui hak dibeli adalah asli. Banyak lagi tingkah laku yang perlukan garis panduan.

(iv) Keselamatan data yang perlu dijaga.

E-commerce melibatkan pertukaran maklumat dan data peribadi, nombor kad pengenalan, umur, alamat, majikan, nombor telefon, fax, gaji, assets, banyak lagi maklumat yang perlu jaminan keselamatan.

(v) Perniagaan elektronik sepatutnya mempunyai sistem pembayaran elektronik. Sekarang kita menggunakan kad kredit tetapi ini banyak masalah. Yang utama kos transaksi, pengisytiharan nombor kad kredit tanpa jaminan keselamatan.

(vi) Perundangan berhubung dengan cukai.

Ini adalah amat rumit, kerana mekanisma pemantauan transaksi jual beli adalah sukar. Di Amerika, Jabatan Perbendaharaan cuba hendak memungut cukai menerusi *service provider* tetapi ini bukan sahaja tidak sesuai dan adil tetapi juga *service provider* biasanya lebih kecil daripada penggiat peniaga menggunakan perkhidmatan mereka.

Jadi, ini banyak orang yang tidak mengerti masalah memahami iaitu *service provider* ini lebih kecil daripada peniaga menjalankan bisnes melalui servis yang diberi oleh mereka. Sebenarnya penjualan-penjualan barang ini lebih banyak daripada apa keuntungan yang dinikmati oleh *service provider*. Jadi, macam di Amerika, hendak ditag kepada *service provider*, dengan sendirinya *service provider* ini tidak akan berupaya

membayar tax bagi pihak peniaga-peniaga melalui laman mereka .

Jadi, mereka ini akan didenda. Dalam masa kita merangka sistem cukai e-commerce, mungkin kita juga telah memperkukuhkan kawalan kepada kelarian cukai dan *money laundering*.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu ingin saya bertanya sama ada Malaysia telah menunjuk kepada, dan bersedia menerima laporan Bangsa-bangsa Bersatu behubung dengan undang-undang e-commerce kerana United Nations Commission, National Trade Law telah mencadangkan undang-undang model untuk diguna pakai keseluruhan dunia. Dan sejauh manakah kita telah menggunakan model ini sebagai satu penyelarasan undang-undang kita dengan undang-undang Asia, juga untuk diguna pakai seluruh dunia kerana perdagangan e-commerce ini adalah *global business?*.

Jikalau undang-undang kita tidak diselaras keseluruhannya, bukan sahaja dari pihak kawasan tetapi juga di seluruh dunia, dengan sendirinya undang-undang ini nanti akan menjadi satu masalah kepada negara kita.

Jadi, dengan kata-kata yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bachok.

11.55 pagi.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi dengan pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar dalam merumuskan perbincangan berhubung dengan Rang Undang-undang Akta Tandatangani Digital 1997 ataupun Akta 562 ini.

Pindaan yang dibuat ekoran perwujudan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 yang telah pun berkuat kuasa pada 1 November 1998. Ia juga bertujuan untuk membolehkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mengawal selia penggunaan tandatangan digital dan perkara-perkara yang berkait dengannya yang sebelum ini dikawal oleh pihak lain.

Nampaknya yang utama ialah isu regulation ataupun pengawalseliaan yang cuba dimasukkan dan dikemaskinikan dalam akta ini. Maka, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia diberi satu tanggungjawab khusus dari sudut

pelaksanaan, pemakaian dan penilaian ataupun penguatkuasaan kepada Akta Tandatanganan Digital ini.

Ini juga terbukti sebagaimana yang ditegaskan dalam Fasal 5, apabila seksyen 3, Akta Tandatanganan Digital dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan butiran iaitu suruhanjaya adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran, penguatkuasaan, perjalanan dan pelaksanaan peruntukan akta ini dan hendaklah menjalankan, menunaikan dan melaksanakan kuasa, kewajipan dan fungsi di bawah akta ini bagi maksud mengawasi dan menyelia aktiviti pihak berkuasa perakuan dan ini telah diakui sendiri oleh pihak Setiausaha Parlimen yang membentangkan maksud pindaan yang dibawa.

Persoalannya ialah, Tuan Yang di-Pertua, apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan Akta Tandatanganan Digital 1997 ini? Sebenarnya suatu akta yang memerlukan satu kebenaran penggunaan "sistem kriptografi" yang berasaskan suatu algoritma ataupun siri algoritma yang memberikan satu pasangan kunci yang selamat bagi menjelmakan mesej yang menggunakan kunci persendirian yang bersepadanan dengan kunci awam penandatanganan itu. Ini satu perkara yang dimaksudkan kepada Akta Tandatanganan Digital.

Sepertimana juga Akta Perkhidmatan Pos yang telah pun dipinda bagi mensesuaikan kehendak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, maka Akta Tandatanganan Digital ini juga tertakluk kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang sekaligus amat luas kuasanya ke atas akta-akta lain ataupun akta yang berkaitan, khususnya Akta Tandatanganan Digital ini kerana ia secara langsung melaksana dasar dalam perundangan dan arahan pihak Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Oleh yang demikian, saya hendak mendapat sedikit penjelasan daripada pihak kementerian, apakah bidang-bidang industri yang terangkum dan terikat secara faktanya di bawah kehendak-kehendak Akta Tandatanganan Digital ini. Misalnya, dalam sektor telekomunikasi ataupun industri telekomunikasi yang begitu berkembang pesat dalam negara kita, perkhidmatan talian telefon tetap dan juga talian selular. Sejauh manakah tahap pematuhan perjalanan industri telekomunikasi dalam negara kita ini memenuhi kehendak Akta Tandatanganan Digital yang telah pun dirasmikan pada tahun 1997 lagi.

Perkara ini saya bangkitkan kerana banyak kes yang melibatkan pengguna-pengguna yang menerima bil-bil yang tidak munasabah. Bermakna ada satu

pencerobohan terhadap sistem kunci peribadi ataupun kunci persendirian pengguna itu sendiri sehingga pencerobohan boleh berlaku dan pengguna lain boleh akses menerusi nombor telefon yang dimiliki oleh seseorang ataupun talian telefon milik ataupun yang disewa khas oleh pengguna.

Hal ini juga bermakna kod keselamatan pengguna tidak ada ataupun kod yang ada rapuh, boleh diceroboh dengan sistem kod yang lain ataupun dengan satu rekacipta baru berdasarkan kepada apa yang telah berlaku.

Dan juga ada laporan yang mengatakan ada ramai pendatang asing, khususnya dari Bangladesh dan India yang mereka ini datang dengan kemahiran dalam bidang IT yang telahpun melakukan beberapa pencerobohan terhadap sistem telekomunikasi khususnya telefon selular.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, adakah perkara ini benar, berdasarkan hearsay ataupun berdasar kepada bukti-bukti yang telahpun disiasat oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia kerana apa yang berlaku daripada kes ada pendatang asing dari Bangladesh boleh menghubungi kaum keluarganya dengan percakapan berjam-jam, menerusi pencerobohan talian telefon awam ataupun menerusi telefon selular ataupun telefon bimbit.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Misalnya sekarang ini Celcom (Malaysia) Sendirian Berhad adalah di antara syarikat telekomunikasi yang tertinggi yang menggunakan pemasangan radio basis station ataupun digital dan analog RBS dengan *coverage* yang tertinggi berbanding dengan syarikat-syarikat lain. Daripada laporan-laporan tersiar telah terbukti sistem digital RBS ini dahulu diceroboh oleh pengguna lain kerana tidak sedikit pengguna yang melaporkan bahawa nombor telefon bimbitnya telah diklonkan oleh pihak-pihak tertentu dan pihak pembekal telefon ataupun syarikat berkenaan, maksudnya ialah pihak Celcom telah menasihatkan pengguna-pengguna berkenaan untuk menukar nombor telefon ataupun menggunakan satu set telefon baru.

Misalnya, Celcom dahulunya mempopularkan kod 010 ataupun Art 900, kemudian dinasihatkan supaya terelak daripada klon, menggunakan pula kod 019 atau sistem GSM. Jadi, sejauh mana perkara ini dapat atau pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mempunyai satu maklumat yang tepat bagi melindungi kepentingan pengguna supaya pengguna tidak dirugikan oleh tindak laku pihak-pihak

penceroboh ataupun pihak-pihak yang telah pun melaksanakan kerja-kerja mengklonkan talian yang mereka sewa.

Isu yang berikutnya yang berkait dengan sektor perkhidmatan on-line sebagaimana yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar, begitu detail mengenai mudahnya penggunaan komputer yang ada dalam negara kita khususnya, talian internet yang disewa khas diceroboh ataupun dibuat sembarangan oleh pihak-pihak tertentu melalui penggunaan komputer yang sekarang ini jumlahnya melebihi dua juta pengguna dan daripada jumlah ini juga kira-kira 800 ribu adalah mereka yang meminati bidang internet dan daripada perkhidmatan internet juga, kita nampak sekarang ini, negara telah pun menawarkan perkhidmatan Jaring menerusi MIMOS Berhad, TMNet dimiliki oleh Telekom Malaysia Berhad dan Maxis Net dimiliki Bina Satidak-Com Sendirian Berhad.

Soalannya apakah sistem yang ada tidak mampu untuk menangani aktiviti-aktiviti yang bersifat penggodam ataupun orang-orang yang menceroboh laman web-laman web, satu aktiviti yang jelas melanggar hak-hak persendirian. Kalau ikutkan kepada bidang kuasa yang ada dalam Akta Tandatangani Digital ini, jelas Menteri boleh mengarah penyiasatan dan juga mengetahui siapakah sebenarnya penggodam talian internet ataupun laman web-laman web. Sebagaimana juga yang telah dimaksudkan di bawah seksyen 75 akta ini, jelas menyebut perkara ini di bawah bidang Menteri yang ditambah pula dengan memasukkan satu seksyen baru 75A yang memberi kuasa kepada pihak polis dan ini memberi satu penegasan bahawa satu tambahan kepada tugas polis dibebankan lagi dengan kuatkuasanya pindaan ini. Di bawah seksyen baru 75A yang sudah pasti pihak polis mesti juga mempunyai satu kepakaran yang tersendiri untuk melaksanakan suatu penyiasatan yang begitu tangkas, cepat dan cergas bagi memastikan pihak-pihak yang menggodam laman-laman web ini boleh didedahkan identiti ataupun diambil tindakan menurut akta ini.

Misalnya laman web Parlimen, sebelum ini telah pun digodam ataupun telah diceroboh dan tidak ada satu pendedahan secara rasmi oleh pihak Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, identiti ataupun penyiasatan yang dibuat untuk mengetahui siapa sebenarnya yang merosakkan laman web Parlimen.

Demikian juga, laman web daripada kementerian-kementerian lain, telah beberapa kali dicerobohi ataupun dirosakkan sehingga pengguna-pengguna tergendala untuk mendapat maklumat-maklumat terkini daripada kementerian-

kementerian menerusi laman web yang telah pun digodam oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam hal inilah, satu kebimbangan mungkin akan berlaku kepada penggemar-penggemar internet ataupun laman-laman web untuk *develop* laman web persendirian kerana dibimbangi akan dicerobohi dan dibocori rahsia-rahsia daripada akses internet oleh pihak-pihak tertentu. Dari sudut pengawalseliaan, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia seharusnya mempunyai satu tanggungjawab khusus bagi memastikan syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan seperti Jaring, TMNet ataupun Maxis Net tadi memberi satu jaminan yang memuaskan hati pengguna-pengguna internet ataupun mereka yang meminati laman web ini untuk membina laman web persendirian.

Yang lebih membahayakan lagi ialah organisasi tertentu yang mempunyai suatu kepentingan-kepentingan kepada ahli-ahlinya, misalnya organisasi politik sebagaimana yang berlaku setiap parti politik mempunyai laman web tersendiri dan sudah pasti di sebalik laman webnya mengandungi beberapa rahsia tertentu yang boleh diakses kepada ahli-ahli yang tersendiri sahaja. Oleh kerana itulah suatu harapan yang lebih besar di sebalik penguatkuasaan Akta Tandatangan Digital ini yang akan memberi satu jaminan supaya asas-asas persendirian ataupun yang bersifat personal security ini perlu dikemaskinikan dari sudut penguatkuasaan dan pengawalseliaan.

Kemudian di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bertanggungjawab untuk memastikan industri penyiaran berlaku dengan baik tanpa suatu pencerobohan dan tanpa suatu sekatan memandangkan bidang penyiaran dalam negara kita begitu pesat khususnya siaran TV dan radio. Dalam negara kita sekarang ini telahpun memiliki TV yang dikuasai oleh pihak kerajaan dan juga pihak swasta. Demikian juga radio dikuasai oleh pihak kerajaan dan juga swasta. Isunya ialah di sebalik pindaan akta ini adalah suatu perkara yang harus kita sedari, apabila kerajaan telah memberi suatu asas bidang penyiaran terfokus kepada peranan media kerajaan semata-mata dan diswastakan kepada pihak-pihak yang serasi dengan dasar kerajaan sahaja, maka kita akan nampak berlaku sedikit diskriminasi dari sudut maklumat.

Oleh kerana itulah akan ada suatu golongan yang tertentu akan mengambil kesempatan untuk mengata sesuatu menerusi siaran-siaran yang bersifat secara langsung. Siaran-siaran yang bersifat *on call* khususnya menerusi radio. Pengalaman kami di Kelantan menerusi siaran Manis FM satu radio swasta yang

telahpun diberikan kepada suatu syarikat Husa Network. Dalam siaran pagi siaran on call daripada pihak pendengar telah digunakan secara sewenang-wenangnya untuk menggodam pihak tertentu ataupun membantai pihak tertentu dan ini telah memberi satu kesan yang tidak baik kepada pihak kerajaan negeri yang tidak diberi kuasa untuk mendapat lesen penyiaran TV ataupun radio.

Dalam hal ini apakah pihak Suruhanjaya Komunikasi mampu untuk membuat satu langkah supaya siaran-siaran yang bersifat *on call* ini boleh dipantau sebelum disiarkan oleh juruhebah ataupun perlu ditapis terlebih dahulu bagi mengelakkan pendengar mengambil kesempatan untuk sabotaj ataupun menfitnah sebagaimana yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi. Dalam hal ini saya nampak lagi ialah satu kerjasama seharusnya diberi kepada pihak kerajaan negeri yang bertaraf pembangkang kepada Kerajaan Pusat seperti Kelantan dan Terengganu, supaya siaran-siaran TV dan radio boleh diberi kepada pihak kerajaan atas nama kerajaan negeri walaupun kerajaan itu diperintah oleh PAS di Kelantan atau Terengganu. I wajar supaya tidak wujud suatu golongan pendengar yang mengambil kesempatan tanpa mendedahkan satu identiti tepat sehingga menimbulkan fitnah kepada kedua-dua pihak kerajaan tadi.

Sehubungan dengan itu juga di sebalik rang undang-undang yang dipinda hari ini Akta Tandatanganan Digital 1997 ataupun Akta 562 ini, langkah pengawalseliaan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dicadangkan dibuat peningkatan dari sudut standard pemantauan supaya industri seperti telekomunikasi ataupun sistem *on line* dan juga penyiaran tidak mudah diceroboh atau digodam serta diambil kesempatan oleh mana-mana pengguna yang cuba mengambil kesempatan ataupun untuk mengklon ataupun apa-apa cara sekali pun supaya aspek keselamatan pengguna, aspek keselamatan maklumat ataupun aspek yang melibatkan dasar-dasar kerajaan sendiri harus dipantau dengan standard yang lebih jelas ataupun yang lebih berkesan.

Soalnya setakat ini suatu persoalan yang diajukan ialah berapakah standard yang dipakai oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi menangani secara langsung kehendak Akta Tandatanganan Digital 1997 ini. Kerana apa yang diumumkan setakat ini daripada laporan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telahpun ada standard rangkaian penyiaran digital. Kemudian ada juga standard rangkaian *radio digital trunking*, kemudian juga sudah ada satu standard *broadband multimedia interconnect* dan access networking. Daripada standard-

standard pengawalseliaan ini saya hendak tahu juga standard pengawalseliaan ataupun *standard of regulation* bagi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk memantau ataupun untuk menyekat penyiaran TV dan radio daripada negara jiran. Yang jelas beberapa kes yang menyebabkan gangguan gelombang siaran tempatan. Ini suatu pencerobohan dan ini juga suatu perkara yang melibatkan kerugian di pihak pengguna. Misalnya TV2 sampai hari ini belum lagi selesai dari sudut gangguan gelombang di kawasan Pantai Timur khususnya di Kelantan yang bersempadan dengan Thailand.

Begitu juga dari sudut kemasukan unsur-unsur lucah, ganas ataupun yang heboh sehari dua ini ialah unsur *Black Metal*, yang telahpun masuk ke rumah-rumah menerusi talian Internet. Kalau dahulu Kerajaan Taliban, Afghanistan telah mengumumkan satu langkah untuk menyekat langsung unsur-unsur lucah dan ganas ini masuk ke Afghanistan. Kenapa Kerajaan Taliban Afghanistan mampu untuk melaksanakan tugas itu daripada mempengaruhi dan merosakkan pemikiran rakyatnya dan kenapa kita pula di negara Malaysia yang telahpun memiliki teknologi yang begitu canggih tidak bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Ini satu isu yang saya yakin pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sesuai dengan Akta Tandatangani Digital ini dipinda boleh mengambil suatu langkah-langkah yang lebih berkesan kerana undang-undang ataupun unsur-unsur yang ada ini tidak mampu daripada segi undang-undang untuk menanganinya dan perkara ini tersebar dengan begitu mudah dan boleh diakses bila-bila masa oleh sesiapa yang berkemahuan.

Demikian juga menerusi pencerobohan e-mail peribadi ataupun e-mail organisasi tertentu, sedangkan alamat asal e-mail telah tidak diberi kepada pihak yang menghantar maklumat tetapi pihak yang menghantar maklumat tadi mampu untuk menyampaikan e-mail yang tidak senonoh kepada individu tertentu menerusi satu alamat yang dari mana mereka dapat. Ini suatu persoalan yang harus dijawab dan harus diselesaikan.

Akhir sekali saya ingin mencadangkan supaya suatu langkah yang lebih bersifat berperaturan diambil oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi menguatkuasakan lagi asas-asas keselamatan supaya keberkesanan sebenarnya di sebalik Akta Tandatangani Digital ini boleh dirasai oleh pengguna-pengguna dan oleh pihak kerajaan sendiri. Persoalannya ialah adakah peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan sebelum ini telahpun terbukti ianya menjamin

satu asas dari sudut hak-hak kepenggunaan dan boleh menangani segala kesalahan-kesalahan yang dilakukan ataupun disabitkan di bawah akta ini.

Oleh kerana itu, saya mengharapkan suatu usaha yang jelas daripada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi memastikan pindaan ataupun apa-apa kemas kini terhadap keperluan tandatangan digital ini dipantau dan dikemas kini dari masa ke semasa bagi memastikan suatu *standard of regulation* yang lebih menjamin keselamatan maklumat dan juga penggunaan sistem *on line*, penyiaran-penyiaran dan juga yang berkait dengan telekomunikasi di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

1215 pagi

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana kita mengetahui pindaan ini adalah satu pindaan kecil untuk menyelaraskan pengawalseliaan mengenai tandatangan digital. Digital Signature merupakan sebahagian daripada PKI iaitu *public key infrastructure* ataupun infrastruktur kunci awam yang digunakan untuk menjamin keselamatan transaksi suatu dokumen secara *on line*. Ini adalah sebahagian daripada undang-undang untuk memperkukuhkan keyakinan pengguna-pengguna awam terhadap penggunaan *electronic transaction*, khususnya di dalam *electronic commerce*.

Di dalam konteks *electronic commerce* ini Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa pada hari ini Malaysia memang berhadapan dengan satu ledakan perniagaan *electronic commerce*. Bagaimanapun kita belum dan masih lagi tidak mempunyai satu infrastruktur undang-undang yang mencukupi untuk menambahkan keyakinan awam untuk mengurus niaga, berjual beli menerusi sistem *on line*.

Oleh itu, menerusi perbahasan ini saya mahukan pihak kerajaan supaya dengan serius mengkaji hal ini mulai sekarang supaya digubal satu undang-undang berkaitan dengan urus niaga *electronic commerce*. Di Singapura Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mereka mempunyai undang-undang umpamanya Singapore Electronic Transaction Act (SET). Singapore Electronic Transaction Act adalah berkaitan dengan seluruh urusan perniagaan *on line*. Di Thailand juga mempunyai undang-undang yang sama. Begitu juga di negara-negara lain seperti di Australia, di Canada, di Eastern dan Western Europe tetapi Malaysia yang jadi pelopor di dalam kemajuan ICT di wilayah ini masih lagi belum memikirkan perkara ini walaupun *electronic commerce* sedang menghadapi satu ledakan.

Di samping *electronic commerce* kita juga harus memikirkan satu rang undang-undang berkaitan dengan *electronic banking*. Saya telahpun mengemukakan satu soalan di dalam Dewan yang mulia ini dan jawapannya hanya satu paragraph sahaja daripada pihak yang berkenaan. Beginikah seriusnya kerajaan melihat perkembangan *electronic banking*.

Sekarang ini banyak perkhidmatan *electronic banking* kalau kita masuk Internet Tuan Yang di-Pertua, kita hendak menyimpan duit banyak orang yang *offer services* sama ada dia berpangkalan di Cayman Island, berpangkalan di Bermuda, berpangkalan di Hong Kong, di mana-mana kawasan *offshore*. Tetapi kita tidak mempunyai keyakinan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan ini kerana kita tidak mempunyai perlindungan undang-undang untuk berurus niaga sedemikian. Perkhidmatan-perkhidmatannya adalah menarik tetapi bagaimanakah kita hendak berurus niaga, menyimpan wang, membuat pindaan wang dan sebagainya menerusi *on line banking* sekiranya negara kita sendiri tidak mempunyai undang-undang mengenai hal ini.

Kalau ada undang-undang pun tidak ada keseragaman undang-undang ini di seluruh dunia. Ini bahayanya *electronic banking*. Telahpun diperkatakan sebagai polemik di majalah-majalah antarabangsa, kalau umpamanya seseorang individu dari Malaysia menggunakan perkhidmatan *electronic banking* yang berpangkalan di Cayman Island, bagaimanakah sistem sekuritinya. Adakah transaksi itu dilindungi oleh undang-undang yang berada di Cayman Island ataupun bagi pihak pencarum ataupun undang-undang di Malaysia ini adalah satu dilema perkembangan-perkembangan perniagaan menggunakan Internet. Dilemanya berpunca kerana tidak ada *uniformity*, tidak ada *standardization* undang-undang.

Kalau di peringkat dunia kita mempunyai undang-undang antarabangsa mengenai lautan tetapi apabila kita berhadapan dengan perniagaan Internet base business dealing yang juga global, kita tidak mempunyai satu undang-undang yang bercorak global, tidak mempunyai undang-undang yang mempunyai inisiatif global tidak mempunyai kaitan, tidak mempunyai perlindungan dan sebagainya.

Perkara ini bahaya kepada kita, oleh itu kita harus memikirkan cara yang sebaik-baiknya bagaimana Malaysia harus memunculkan undang-undang mengenai perkara ini, sekurang-kurangnya melindungi *transaction* elektronik kewangan di dalam negara sahaja. Sekarang ini tadi diperkatakan oleh Santubong, *electronic commerce* tidak mempunyai sistem *e-payment* iaitu pembayaran secara elektronik.

Oleh kerana tidak ada perlindungannya, saya mengenali seorang anak bumiputera, sekarang ini sedang *develop e-payment portal, e-payment gateway* tetapi dia kata tidak ada orang mahu menggunakan sistem itu oleh kerana tidak ada infrastruktur undang-undangnya.

Walaupun dari segi teknikalnya, dari segi teknologinya sistem ini memang selamat. Dia punya *firewall, security*, berapa lapis dan sebagainya, menggunakan sistem apa tetapi dari segi undang-undang itu sendiri tidak ada. Jadi kalau tidak ada menanamkan *confidence* pengguna dengan perlindungan undang-undang, perkara ini tidak akan berkembang di negara kita. Saya harap perkara ini dilihat secara serius. Oleh kerana *electronic purchasing, order* barang dan sebagainya boleh digunakan secara elektronik, saya boleh *order* tayar Michelin umpamanya, saiz apa, untuk kereta apa secara *online*. Saya boleh tengok dia punya gambar, saya boleh tengok dia punya *specification*, saya boleh tengok dia punya harga dan boleh banding dengan *services* yang diedarkan oleh orang lain. Tetapi kalau saya hendak bayar, masih lagi manual, umpamanya. Masih lagi menggunakan *credit card* yang tidak terlindung dan sebagainya. Tidak ada satu sistem yang boleh kita *enhance the progress* ataupun mengembangkan perkembangan *electronic commerce* di dalam negara ini.

Kalau Malaysia mahu ke hadapan, mahu berada di hadapan, lihatlah perkara ini secara serius. Dua tiga minggu yang lalu telahpun diadakan satu seminar mengenai *cyber laws*, anjuran MSC soal undang-undang e-commerce dan e-banking juga dibangkitkan kerana inilah asasnya yang diperlukan untuk memperkembangkan dan melindungi urusan niaga *electronic commerce, electronic banking* dan *electronic payment*

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangkitkan soal *data protection* dan *data privacy* iaitu perlindungan dan juga kerahsiaan data. Perlindungan dan kerahsiaan data ini penting kerana apa yang kita katakan, kita sekarang *dealing* dengan teknologi maklumat. Data adalah satu daripada asas utamanya. Di Amerika Syarikat, ada seorang pensyarah dan juga seorang usahawan membelanjakan wang ringgitnya sendiri, kalau tidak silap saya pensyarah itu membelanjakan ASD3 juta, berkempen supaya kerajaan Amerika Syarikat menyeragamkan Undang-undang *Data Protection, Data Security* dan *Data Privacy* kerana perkara inilah yang menjadi asas kepada banyak transaksi *non-commercial*. Contohnya *telemedicine*. Malaysia telah pun menceburi aplikasi *telemedicine*.

Umpamanya yang saya katakan, penggunaan Kad Pelbagai Guna, data-data peribadi rakyat terhimpun di dalam satu pangkalan komputer. Pihak yang berkuasa mengatakan mempunyai sistem *firewall* dan *security manual* yang rapi tetapi bagaimana data ini boleh dibocorkan ataupun dicerobohi oleh manusia lain untuk kegunaan lain.

Umpamanya, saya ini seorang penghidap penyakit Aids. Saya *top leading politicians* in Malaysia. Tetapi tidak ada orang yang tahu apabila diceroboh pangkalan data mengenai kesihatan saya, perkara ini disiarkan oleh akhbar, siapa yang akan melindungi saya. Kalau dari segi tindakan offline undang-undang yang biasa boleh melindungi saya. Kalau menerusi operasi *online electronic*, saya tidak terlindung langsung. Umpamanya saya ini seorang jutawan. Saya mempunyai simpanan di Cayman Island. Kalau sistem bank itu kena ceroboh dan simpana saya dia cari-cari, dia korek-korek, saya mempunyai satu simpanan *off shore account* di Cayman Island, didedahkan di surat khabar di Malaysia, siapa yang akan melindungi saya? Undang-undang mana yang boleh melindungi saya, tidak ada.

Umpamanya sekarang ini ada satu syarikat melaksanakan kajian pasaran, semua maklumat kajian yang disimpan oleh syarikat yang menjalankan kajian itu. Tetapi siapa boleh melindungi kita sekiranya data yang disimpan oleh *marketing survey agency* itu diniagakan, data kita disebar kepada syarikat-syarikat di mana tadi Bachok menimbulkan banyak *junk mail* dan sebagainya. Siapa yang boleh melindungi kita daripada *harassment* ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membawa wawasan, gagasan, dan perancangan untuk menjadikan Malaysia sebuah pangkalan, perkembangan pembangunan ICT dari segi perniagaan dan sebagainya tetapi mengapa terlalu lembab dari segi pembinaan dan penyediaan infrastruktur undang-undangnya. Kalau tidak faham, pejabat Attorney-General, pihak penggubal undang-undang ambillah expertise IT untuk menasihatinya. Sekarang ini ada seorang warganegara Malaysia yang pakar mengenai *cyber law*. Dia memberi khidmat sehinggakan di Dubai Internet City, ke Ireland, dan Amerika Syarikat. Mengapa Kerajaan Malaysia tidak mahu menggunakan pemikirannya dan kepakarannya. Orang-orang seperti ini, *the brain is being tapped by International communitiest*.

Saya tidak mahu menyoal mengapa pihak penyedia infrastruktur undang-undang bergerak terlalu perlahan tetapi yang saya katakan, pihak penggubal undang-undang harus menjajarkan kegiatannya dan tumpuannya supaya seiring

dengan perkembangan ekonomi dan perniagaan dalam negara. Ini mesti dilakukan. Jangan kita hanya terkedepan dari segi *transaction* perniagaan dan teknologi tetapi undang-undangnya kita masih lagi terkebelakang. Ini tidak *conducive* dan ini tidak membawa satu *situation* yang progresif kepada kita. Saya harap, lihatlah perkara ini dengan serius.

Dan seterusnya mengenai *data protection and data security* ini. Banyak lagi Tun sekarang ini kalau kita baca kadang-kadang kita naik takut mengenai *surveillance*, mengenai pengintipan. Malam tadi kalau sesiapa yang tengok Astro sudah repeat beberapa kali cerita Enemy of the Spade umpamanya. Bagaimana seorang manusia yang tidak berdosa, oleh kerana satu insiden *being at the wrong place, at the wrong time* berada di satu tempat pada waktu yang salah, satu anak patung mungkin berisi dengan cip jatuh ke tangan dia, dia sudah jadi musuh seluruh negara. Dia punya *surveillance system*, dengan Geographic Positioning System (GPS) dan sebagainya.

Kalau saya hendak jadikan Tun ini ialah musuh saya, saya boleh *trace* Tun hendak pergi mana, saya hendak cakap apapun boleh, tidak ada undang-undang yang boleh melindungi peribadi itu, individu itu terbebas dari ancaman-ancaman *surveillance* yang sedemikian. Ini bahaya. Saya takut umpamanya, pihak-pihak yang tidak suka dengan kita. Sekarang ini kita dapati pihak-pihak media yang mengecam kepimpinan kita, ekonomi kita dan dasar-dasar kita ini memang terlalu jelas. Bagaimanakah kalau pengintipan moden digunakan untuk mengintip kita, untuk mengintip apa yang diperkatakan dalam satu bilik mesyuarat kecil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa yang diperbincangkan oleh Menteri Pertahanan dan sebagainya. Apa yang dibincangkan oleh Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman umpamanya.

Perkara ini saya melihat memang tidak waras. Amerika boleh mendakwa bahawa mereka adalah jaguh kebebasan tetapi sebenarnya dalam hal ini, Amerikalah yang paling melanggar *privacy individual* dan sebaliknya yang paling besar. Kita lihatlah perkara-perkara ini dan bagaimana dia punya implikasi dan kesannya amat menggerunkan kepada kita. Suatu hari nanti, saya bimbang kita tidak langsung mempunyai kebebasan dalam konteks kebebasan walaupun sekecil-kecilnya atau sesempit-sempitnya kalau perkara ini tidak difikirkan dengan baik.

Seterusnya tadi saya bertanya kepada sahabat saya daripada Batang Lupar mengenai penyebaran maklumat menerusi Internet. Ini saya kaitkan dengan soal

cyber freedom, cyber politics dan *cyber democracy*, kebebasan siber, politik siber dan demokrasi siber. Ada seorang penulis telah pun menulis apabila perkembangan ICT ini meledak serius, demokrasi akan menjadi lebih baik daripada demokrasi *Roman Step*. Sahabat saya bagi Kuala Krai tahu apa dia *Roman Step Democracy* oleh kerana dahulu masa kita menuntut di ITM, kita selalu menyelesaikan masalah *The Roman Step*. *Roman Step Democracy* adalah direct interaction di antara yang diperintah dengan yang memerintah. Dalam hal Internet, siber demokrasi mengizinkan rakyat dari mana mereka berada untuk berinteraksi dengan pemimpin secara direct tanpa menggunakan *private secretary*, tanpa menggunakan orang tengah tetapi hanya menggunakan e-mel.

Direct Democracy ini memang baik iaitu dia mengelakkan karenah birokrasi untuk orang berhubung. Umpamanya kalau saya mempunyai *web site* yang saya takut pun oleh kerana takut kena ceroboh, kalau saya mempunyai *web site*, rakyat saya, saya bagi alamat web site saya. Bagi orang Parit Sulong, dia boleh direct. Sekarang ini mereka berurusan dengan saya e-mel, senang, *direct*. Tidak payah gunakan *private secretary* dan sebagainya. Itu satu aspek siber demokrasi yang positif. Tetapi satu aspek siber demokrasi yang negatif adalah apabila *freedom*, kebebasan, demokrasi dan politik digunakan menerusi Internet secara sembrono, secara berleluasa.

Contoh-contohnya adalah di Malaysia. Orang mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah *advocator*, pelopor sistem ICT tetapi pihak pembangkang yang mengaut keuntungan menggunakan ICT. Mengapa? Sekarang ini adalah satu dua parti pembangkang dalam negara ini dia menjadikan Internet sebagai wadah *political outreach* dia iaitu menggunakan Internet, menyebarkan apa sahaja sama ada fitnah palsu menerusi Internet dan mempunyai *audience*. Saya tahu beberapa puluh *web site* sama ada *web hostnya* adalah berasas di Malaysia, di New Zealand, di Australia mahu pun di Amerika Syarikat yang menyebarkan perkembangan-perkembangan politik tanah air yang kesannya negatif kepada kestabilan politik di tanah air.

Inilah bentuk *web freedom, web democracy, cyber freedom, cyber democracy, cyber politic*, untuk menyebarkan apa sahaja sewenang-wenangnya secara sembrono. Berapa puluh pula artikel dan makalah yang ditulis oleh orang-orang luar mengenai Malaysia yang negatif, ada dalam web site. Kita memang tak boleh tapis. Sebagaimana saya katakan saya pun setuju Internet tidak boleh ditapis. Just pure

impossible! Tak boleh langsung! Hendak guna apa cara pun tak boleh. Oleh itu, saya cadang kalau web hostnya menggunakan address website Malaysia, sekurang-kurangnya kita beri pihak itu garis panduan secara bertulis untuk bertindak secara bertanggungjawab.

Ini akan mendorong saringan atau tapisan secara sendiri, self restraint, self censorship kepada orang-orang ini. Saya senang, saya ada menubuhkan website mengenai benda lain. Alamat saya daftar dengan Jaring, dua hari baru dapat, ataupun satu hari saya dapat web address.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya melihat Yang Berhormat begitu bimbang bahawa sebegitu banyak website yang menyalurkan maklumat-maklumat yang mengikut pandangan Yang Berhormat tidak menguntungkan pihak kerajaan. Tetapi apakah Yang Berhormat meletakkan rakyat Malaysia sebegitu dangkal dan sebegitu kurang cerdas sehingga tidak dapat menilaikan antara batu dan permata? Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih. Saya tidak bimbang Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mengatakan perkembangannya. Kalau saya memimpin negara ini saya wujudkan banyak website, flood the cyberspace supaya tenggelam semuanya. Ini yang dia kata dangkal semuanya tenggelam. Saya akan gunakan seluruh agensi kerajaan, upload dasar-dasarnya kepada website. Ini tak ada, sesetengah kementerian - I think you should take note Setiausaha Parlimen - sesetengah kementerian bila kita pergi web sitenya, tak ada. Kalau yang ada maklumatnya mungkin setahun dahulu lamanya. Tidak ada yang current. Yang current ialah website kepunyaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yes. Ucapan dia semalam, hari ini kita boleh ikuti. Yang current, *Harakah* online mungkin - *Harakah DailyDotCom*. Selepas itu *Malaysia Kini*, kalau buka sekejap sahaja timbul. Kenapa?

Oleh itu, sementara pihak pembangkang menggunakan website untuk meracuni rakyat Malaysia, mengapa tidak ada pihak-pihak yang berkenaan menggunakan website, banjir website ini dengan dasar-dasar kerajaan yang diperlekeh-lekehkan oleh pihak pembangkang. Tidak ada. Kita bercakap sahaja tetapi tidak buat. Ini yang saya hairan. Janganlah! Saya ada banyak. Saya hendak cari maklumat mengenai penagih dadah di dalam negara, saya pergi website Pemadam, saya pergi lain-lain, tapi tidak jumpa. Tidak jumpa. Tidak jumpa.

Penagih dadah bukan rahsia kerajaan, tapi tidak jumpa. Itu ibarat bukan saya hendak mempercilkan KDN punya web site, tidak. Itu sebagai contoh, terkeluar.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak payahlah! Sudah tinggal sikit masa. Nanti, I give you later, sekejap.

Oleh itu, kita carilah jalan supaya penyebaran-penyebaran maklumat yang boleh meracuni rakyat dari segi akidah politik itu boleh kita kurangkandan hapuskan. Mungkin Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang bertanggungjawab mengenai contents boleh mencari strateginya. Saya rasa ini boleh dibuat supaya ada cyber freedom, kebebasan cyber, kebebasan demokrasi cyber dan juga politik cyber yang bertanggungjawab. Ini memang satu cara yang trendnya begitu, tidak pula menimbulkan satu fenomena keracunan politik di kalangan rakyat negara kita.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya minta.... Silakan.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, saya memang setuju dengan sahabat saya dari Parit Sulong bahawa sukar untuk kita menapis cyber news. Tetapi adakah Yang Berhormat bagi Parit Sulong sedar bahawa masalah cyber democracy yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu memang wujud juga di negara-negara lain seperti di Amerika? Saya difahamkan bahawa Ku Klux Klan (*Triple-K*) juga mempunyai cyber web site, tetapi Kerajaan Amerika tidak begitu bimbang oleh kerana apa berita rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan itu mempunyai kredibiliti dan tidak akan senang dinafikan atau disangkal oleh perkara-perkara yang boleh meracuni fikiran rakyat. Maka pada pendapat saya ialah bahawa di Malaysia wujudnya begitu ramai orang mencari alternatif news di website adalah oleh kerana kerajaan sendiri tidak mempunyai kredibiliti, iaitu apa yang kita baca itu kekurangan kredibiliti. Jadi, masalah di Malaysia ini bukan masalah bagaimana kita hendak kontrol Internet freedom tetapi bagaimana mempertingkatkan kredibiliti akhbar-akhbar arus utama.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya harap pihak akhbar akan mengambil ingatan mengenai kredibiliti akhbar-akhbar yang dipersoalkan oleh Kota Melaka. Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, di Amerika lain. Amerika budaya dia lain, politik dia lain, orang Amerika politiknya matang. Dia boleh berlaga secara profesional tetapi luar dia tak kata orang ini kafir, orang ini apa, orang ini sembelih, makan, tak ada.

Saya dengar satu hari Yang Berhormat daripada mana semasa isu Akta Pemakanan, dia cuma minta supaya soal halal-haram, dia tak kata soal haram UMNO sembelih atau PAS sembelih, tak ada. Tetapi realitinya ada. Di Malaysia yang

saya mahu ialah jangan cyber freedom, cyber demokrasi dan cyber politik itu digunakan sebagai subversion. Jangan dijadikan subversion iaitu satu gerakan yang subversif, kita tak mahu.

Kalau Yang Berhormat mengatakan *why in America it is allowed*, saya kata Amerika orangnya matang. Mereka tahu *what is good*, mereka tahu apa gambaran yang besar. *What is the greater picture of the nation*, tetapi di sini tidak. Mereka hanya tahu *what is the greater picture of their boss, the secretary-general* umpamanya - dahululah. Sekarang dia secretary general [*Ketawa*] umpamanya.

Jadi, ini pebezaan Amerika Syarikat dengan Malaysia. *The technology is the same*, teknologinya sama tetapi budayanya lain, kematangan dia lain, tahapnya lain. Jadi, jangan samakan semberono sahaja, jangan. Jadi, itulah harapan saya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya kata mengenai contents. Kadang-kadang kalau saya menengok televisyen saya tidak tahu kita ini berada di mana, dan budaya apa yang kita pegang. Dahulu kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading menegur iklan BCB yang hendak akad nikah tak cukup emas kahwin dia kata: "Tak apa, relax, BCB dekat sahaja.", hari ini kita tengok satu iklan telefon TM-Touch atau TM-Net - apa hal pun iklan ini milik Telekom - macam orang gila! Tak tahu budaya mana yang dia ikut. Macam mana boleh iklan serupa ini, produced in this country, diizinkan untuk mencemari suasana politik culture tanah air kita? Saya tidak izin, langsung tidak izin Tuan Yang di-Pertua.

Satu perkara lagi adalah rancangan Senario betul-betul macam di zaman gua batu. Tetapi rancangan ini popular. Satu hari saya dengar, saya tengah memancing - saya suka memancing - saya tengah memancing....

Seorang Ahli: Yang Berhormat mancing apa?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau memancing takkanlah mancing kucing, mancing ikanlah! [*Ketawa*] Saya tengah memancing selepas Asar, jadi mak cik itu panggil anak dia. Anak dia tengah memancing di hujung kolam. Dia kata: "Amin, Amin mari, Senario!" Panggil anak umur lapan tahun suruh menghadap TV tengok Senario, tengok orang gila! Tengok orang pakaiannya macam zaman gua batu!

Saya tidak tahulah macam mana TV3 boleh melepaskan rancangan seperti itu, walaupun popular kita harus kaji populariti rancangan itu dari aspek tertentu, adakah ini membuktikan generasi muda Malaysia telah pun gila, telah pun terbawa-bawa dengan kebudayaan gua batu ataupun apa ataupun mengapa rancangan ini

menarik terlalu banyak iklan, kalau pengiklan-pengiklan itu orang luar, kita kaji mungkin dia mahu menggalakkan kegilaan di kalangan kita.

Ini serius Tuan Yang di-Pertua, saya kata. Iklan-iklansilakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat, jika populariti menentukan politik, maka arah tuju sesebuah negara, apakah salahnya populariti menentukan arah tuju perkembangan budaya. Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya bersetuju kalau populariti menjadi asas kepada arah budaya asalkan Malaysia tidak mengarah kepada budaya gila, tidak mengarah kepada budaya gua batu, *we are not in the stone age era anymore*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Kita sekarang ini berada dalam era ICT. Dahulu saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyiaran, siapa bertanggungjawab mengenai content, dia kata secara tidak rasmi Kementerian Penyiaran, secara rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Macam mana rasmi dan tidak rasmi?

Saya kata siapa yang bertanggungjawab. Dalam hal ini, saya tahu siapa yang bertanggungjawab mengenai content di dalam televisyen adalah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Jadi, tolonglah jangan heret kita ke gua batu.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Soalan saya ...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Siapa Tuan Yang di-Pertua?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: ... jika popular.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tebrau dahulu ya. Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Hai, yang suruh Tuan Yang di-Pertua, bukan Yang Berhormat Tan Sri. *[Ketawa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat agak-agaklah kalau ada satu siaran malam itu Senario, ramai anak-anak kita di rumah termasuk sayalah. Dan satu lagi ceramah PAS, agak-agak Yang Berhormatlah, mana baik, kalau saya Senario ini menghiburkan hati okay, kalau ada pun tidak mengapalah, tetapi kalau dengar ceramah PAS ini, dia tidak ada kerja lain, dia banyak mengata orang, fitnah orang, mengumpat orang, mana lebih baik dosa menonton Senario ataupun dosa pergi dengar ceramah PAS? Terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kepada saya, kedua-duanya tidak sihat, Tuan Yang di-Pertua, kedua-duanya tidak sihat, saya tidak mahu mengulas lebih lamalah perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang saya mohon adalah jika sesuatu itu popular, walaupun dalam penilaian Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong ianya adalah negatif, tetapi ianya popular dan populariti itulah yang menentukan arah hala sesuatu, maka apa salahnya jika kita dijuruskan kepada tamadun zaman purba, zaman gua batu yang diungkapkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun popular, saya kata salah, tidak boleh. Itu pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau orang lain tidak bersetuju, saya boleh mempertahankan pandangan saya. Saya kata tidak boleh, oleh kerana saya tidak mahu anak-anak saya, cucu-cucu saya kelak jadi orang gua batu. Ya, silakan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Satu soalan saya ingin tahu mengenai konsep gila yang diguna oleh Ahli Yang Berhormat tadi sebab kalau kita lihat dalam TV Malaysia, selain dari Senario banyak lagi tayangan-tayangan bersifat gila sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Apakah Senario sahaja gila ataupun ada gila-gila lain yang dibawa masuk ke dalam TV kita. Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada, tetapi yang amat menonjol dan menjlok mata saya pada waktu ini itulah dua aspek yang saya nampak sangatlah, saya tidak mahulah mengkaji lebih lanjut oleh kerana ini forumnya bukan untuk mempersoalkan masalah program televisyen, cuma saya kata kebetulan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia ini bertanggungjawab mengenai content.

Jadi, untuk fasa pertama saya kata tengoklah benda ini, buatlah kajian, kalau Suruhanjaya Komunikasi Multimedia yang pakar profesional mengenai contents dan boleh dihalalkan, halalkanlah, tetapi sebagai seorang rakyat Malaysia, saya bertanggungjawab untuk bersuara dan minta perkara ini diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, mengenai syarikat-syarikat MSC yang berstatus MSC. Sekarang ini kita tahu bahawa banyak syarikat Dot.com berhadapan dengan keruntuhan, umpamanya Dot.com di US, ini Dot.com yang di Hong Kong anak Tom Dot.com, itu pun sudah rosak, di Malaysia pun banyak yang terjejas, termasuk syarikat bertaraf MSC telah pun berhadapan dengan masalah-masalah, adakah ini benar dan berapa banyak syarikat-syarikat bertaraf MSC yang telah pun

tutup operasinya berikutan dengan gejala keruntuhan syarikat-syarikat Dot.com di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tebrau.

12.52 tgh.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya mengambil masa singkat dalam lapan minit untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Akta untuk meminda Akta Tandatangan Digital 1997 pada Fasal 1, 2, 3, 5, 17 dan 19.

Fasal 5 memasukkan seksyen 3 Akta 5 Suruhanjaya dan juga Akta seksyen 75A membolehkan mana-mana polis yang berpangkat tidak rendah dipaksa menjalankan penguatkuasaan. Saya mohon kepada kerajaan apa juga pindaan yang dibuat, apa juga nama yang disebut yang penting ialah ia bertujuan untuk kebaikan dan juga keselamatan pengguna kerana pengguna adalah orang yang banyak terlibat dalam menggunakan alat-alat elektronik, Internet, telefon dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh beberapa sahaja bagi diambil perhatian dan tindakan oleh kerajaan. Yang pertama, masalah gangguan telefon. Saya tidak tahu sejauh mana kerajaan membuat penyiasatan dan kajian ini banyak telefon yang digunakan tetapi sekarang ini suara dan juga pendengaran tidak begitu jelas. Adakah ia tidak mempunyai satu kawalan, maknanya membebaskan semua pihak boleh menerbitkan apa juga bentuk telefon dan akhirnya kita hendak bercakap pun asyik berputus tidak dengar kerana mungkin telah terlampau banyak talian atau sambungan telefon yang dibenarkan atau diluluskan oleh pihak kerajaan.

Kalau beginilah berterusan, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya pengguna akan rugi kerana untuk menyampaikan sesuatu perkara atau masalah telefonnya terganggu kerana suara yang agak banyak berbunyi-bunyi lain macam, kerana rasa saya banyak dibuat panggilan telefon dengan tidak ada pengawalan. Jadi, saya harap kerajaan dapat melihatkan sejauh mana pengawalan penggunaan telefon ini supaya dapat memuaskan pengguna menggunakan telefon itu.

Yang kedua, berhubung dengan kerajaan hendak menurunkan harga bayaran pendahuluan RM60 ini, tetapi sehingga hari ini pun tidak ada apa-apa pun keputusan dibuat, pengguna-pengguna semua menunggu, itu telah disebut dalam perbahasan belanjawan dahulu hendak menghapuskan bayaran, tetapi sehingga hari

ini belum lagi, sejauh mana ini dah kerajaan buat? Ini hendak dekat pilihan raya. Tolong turunkanlah, hapuskan terus.

Yang ketiga, pencerobohan penggunaan telefon, ini pun sudah ada penguatkuasaan ini. Kadang-kadang saya tidak pakai telefon, tetapi bil telefon itu datang tinggi, sampai menghantar kompelin macam mana telefon yang tidak digunakan tetapi bil telah diceroboh termasuk telefon radio. Ada sahabat kompelin, dia tak pakai, tanya anak tidak ada, tetapi tengah buat bantahan, telefon itu ada datang, bil menggunakan telefon minta lagukah apa lain-lainlah, jadi menggunakan bayaran bil telefon orang lain. Yang ini saya tidak tahu macam mana ini boleh berlaku. Dahulu ada pernah juga telefon kereta tak pernah pakai tetapi bercakap sampai luar negara Malaysia pun digunakan dan bila tuan punya telefon itu kena bayar. Tetapi selepas buat siasatan dia tidak menggunakan, dapatlah juga pihak yang berkenaan menghapuskan atau mengurangkan.

Jadi, dalam perkara pencerobohan telefon ini, kata saya Tuan Yang di-Pertua, telefon sudah banyak, sudah semua boleh guna dah, macam-macam harga, RM100 lebih ada, RM200 lebih, sudah murah telefon macam tidak ada kawalan. Saya telah katakan tadi kawalan mestilah ada supaya pengguna dapat kebebasan, dapat mendengar dengan baik, kedua, pencerobohan digunakan oleh orang lain pun tidak berlaku. Ini sudah banyak telefon tidak la gu ini, kita boleh kalau tengah-tengah risau minta lagu Siti Nurhaliza ha dengar kita bayar, tetapi tuan rumah itu tidak dengar, tak tau bil datang ke rumah dia, seolah-olah dia mendengar lagu Siti Nurhaliza. Ini pun ada berlaku.

Jadi saya harap diambil perhatian.

Yang ketiganya, dari segi kesihatan juga ialah saya tidak tahu dari segi kesihatan pengguna ini, sudah banyak sangat sudah tidak terkawal telefon, adakah boleh merosakkan pendengaran kita dan sebagainya. Saya ingat dari segi kesihatan, pengguna ini juga perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan supaya tidak akan berlaku masalah dari segi kesihatan kepada pengguna kerana telefon ini dipakai daripada kanak-kanak pun dah pakai dah, sudah umur 7, 8, 9 tahun sudah pandai menggunakan telefon ini, boleh dial sendiri dan dia pun pandai menyimpan nombor macam-macam. Kita pun saya pun kadang terlupa, hendak dengar mesej balik tetapi anak-anak kita sudah pandai menggunakannya.

Jadi, dari segi masalah kesihatan penggunaan, pendengaran anak-anak pun perlu kerana yang barang kali alat pendengarannya telah tinggi, budak-budak jangan dirosakkan kerana penggunaan alat-alat ini kalau tidak diambil perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah, saya ada tiga perkara hendak bangkit dan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah lain kali Tuan Yang di-Pertua beri laluan lagi kepada saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jeli selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.57 tgh.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Sehubungan dengan pindaan kepada akta ini, izinkan saya merujuk kepada Firmah Allah S.W.T. dalam Surah Al-Iqra' [*Membaca Surah Al-Iqra'*] Kira-kira bermaksud 'Belajarlah, membacalah kamu dengan nama Tuhan kamu yang Maha Pemurah, yang mengajar kamu dengan kaedah membaca dan menulis dan Dia mengajar apa-apa manusia yang tidak mengetahui.'

Ini bermaksud bahawa ilmu berkembang dari sehari ke sehari, ilmu sentiasa berkembang. Kalau 20 tahun dahulu kita tidak pernah memikirkan bahawa inilah dunia yang bakal kita tempoh seperti mana yang kita tempoh sekarang ini, sebab itu akta itu tidak pernah difikirkan 20 tahun yang lalu, tetapi masalah itu sentiasa datang. Kita tidak boleh lari dari pembaharuan, umpamanya dalam kes-kes kita semasa di mana bidang ICT ini suatu bidang yang semua orang sudah tidak boleh tolak, begitu juga dengan globalisasi.

Globalisasi ini suatu perkara yang kita tidak boleh tolak, kalau kita hendak tolak bermakna kita terpaksa kembali ke zaman batu seperti mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi. Sebab itu kita melihat bahawa akta ini, walaupun telah pun digubal pada tahun 1997 saya percaya bahawa akta ini jauh daripada menepati sasaran untuk memantau segala perkembangan yang terlibat dengan tandatangan digital ataupun dengan lebih besar lagi dengan aspek-aspek ICT itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada Akta Digital ini diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1997 sudah ada, mungkin tidak begitu meluas di mana tandatangan digital ini digunakan kepada kad-kad kredit dan juga pada sektor-sektor perniagaan tertentu. Tetapi bilamana tandatangan digital ini mula meluas, yakni bilamana segala dokumentasi, segala arahan, segala perkara transaksi, transaction

telah menggunakan komputer, e-mail dan sebagainya, maka kita perhatikan banyak daripada transaksi ini menggunakan tanda tangan.

Maka mungkin disebabkan itulah maka pihak yang menerima hendak mengesahkan bahawa penerimaan itu adalah sah daripada mereka pihak yang menghantarnya. Tetapi kita perlu perhatikan bahawa saya belum jelas sama ada segala dokumen yang dihantar melalui fax apakah sudah dikira sebagai dokumen rasmi ataupun masih tidak dikira sebagai dokumen rasmi.

Kalau yang menggunakan fax masih tidak dikirakan dokumen rasmi, maka saya bimbang yang penggunaan melalui komputer, penggunaan melalui e-mail dan sebagainya ini mungkin lebih banyak disalahgunakan berbanding dengan fax itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya perhatikan kalau banyak tadinya dicakap apa yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lular dan Parit Sulong lebih banyak mencakupi hal-hal ICT secara umumnya tetapi mungkin tidak secara khusus kepada Akta Tandatanganan Digital itu sendiri.

Sebab itu sekarang ini kita lihat bahawa di dalam Persidangan Parlimen kali ini, Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Parlimen sekalian, seolah-olah keseluruhan kita perhatikan daripada hari pertama kita bermesyuarat sehingga sekarang ini, seolah-olah apa yang kita bincangkan ini ialah lebih kepada hendak memperkemas dan hendak menjelaskan suruhanjaya-suruhanjaya yang dibentuk, umpamanya Suruhanjaya Syarikat, umpamanya suruhanjaya-suruhanjaya tenaga dan pada kali ini Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia.

Jadi, saya yang bimbangnyalah sekiranya bila mana diluluskan rang undang-undang ini, yang kita bimbang ialah masalah suruhanjaya ini sudah tidak dijawab oleh kementerian-kementerian tersebut secara langsung kepada Ahli Parlimen, ia bentuk laporan sahaja, yang kita bimbangkan kerana kalau sebelum ini hal-hal di bawah kementerian akan dijawab oleh kementerian tersebut, tetapi bila mana diletakkan di bawah suruhanjaya maka kementerian kemungkinan boleh melepaskan diri daripada menjawab masalah-masalah yang berlaku di dalam suruhanjaya-suruhanjaya tersebut. Kerana kemungkinan suruhanjaya itu sudah cukup dengan kita circulate kepada Ahli-ahli Parlimen secara makalah-makalah yang lain tetapi tidak dalam bentuk peruntukan-peruntukan khusus, perbelanjaan-perbelanjaan yang khusus kerana

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah pukul 1.00, ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat majlis kita sambung semula, dijemput Jeli menyambung ucapan.

2.30 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Menyambung daripada sesi pagi tadi, kita perlu akur bahawa di antara akta-akta yang kita akan saksikan, akta yang memerlukan pindaan secara regular, secara kerap kemungkinan ialah akta yang bersangkutan dengan ICT itu sendiri dan ia juga terlibat dengan Akta Tandatanganan Digital kerana perubahannya berlaku begitu cepat sehingga menyebabkan kita akan perhatikan bahawa kadang-kadang penggubal rang undang-undang tersebut ataupun yang melibatkan dengan pindaan akta tersebut tidak sempat untuk mengejar perubahan dari segi ICT yang begitu cepat.

Tambahan pula kita perhatikan bahawa, ini secara umum, ini satu perkara yang tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak. Yang menjadi jaguh dan juara kepada bidang-bidang ICT ni di dunia, bukan hanya di India, di Malaysia ialah mereka yang berumur 46 tahun dan ke bawah. Di antaranya Bill Gate, Steve Jobs, Masayosi San dan juga mereka dari India. Kalau adapun yang terlebih sedikit umurnya daripada 46 tahun mungkin Sam Elliot dari Oracles. Yang lainnya semua 46 tahun dan ke bawah.

Jadi, kita perhatikan bahawa yang benar-benar memahami ICT ini ialah mereka yang berusia masih muda dan sangat jarang kedengaran mereka yang berumur 70 malahan yang sudah berumur 76 tahun jarang sekali. Sebab itu kita bimbang kerana rata-rata hakim kita ini berumur, terutama hakim-hakim Mahkamah Tinggi, berumur 55 tahun dan ke atas. Saya bimbang kefahaman mereka dan juga malah penggunaan mereka itu sendiri terhadap ICT pun belum begitu kerap, belum

begitu regular. Ini menyebabkan apa yang saya bimbang ialah suruhanjaya yang kita lantik ini, yang menggantikan pengawal untuk urusan pentadbiran, penguatkuasaan, perjalanan dan pelaksanaan akta ini, yakni termasuk mengawasi dan menyelia aktiviti-aktiviti pihak berkuasa pemerakuan ini, persoalan yang kita kena tanya ialah apakah suruhanjaya ini mempunyai kekuatan kakitangan yang cukup dan terlatih serta berkepakaran untuk memantau hal-hal yang canggih ini kerana banyak pihak yang terlibat dengan jenayah ini sudah tentu ialah penjenayah-penjenayah yang mempunyai kepakaran dan otak yang geliga kerana kita kena kategorikan jenayah ini dalam jenayah siber.

Sudah tentulah mereka yang melakukan itu mereka menggunakan teknologi yang tinggi, tambahan pula tidak menjadi kepelikan kepada kita sekiranya jenayah ini tidak, dengan izin, originated, tidak bermula daripada dalam negara kita tetapi bermula dari luar negara. Jadi, apakah akta kita sudah merangkumi hal-hal untuk memantau, untuk mendakwa, untuk mengenakan tindakan bagi mereka yang memulakan jenayah ini bukan daripada dalam negara kita tetapi bermula daripada luar negara kerana perlu kita ingat sekarang dunia tanpa sempadan. Sekarang dunia yang tidak boleh lari daripada perkataan globalisasi.

Walaupun akhir-akhir ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah menampakkan kebimbangan kepada perkataan globalisasi, walaupun dulu Yang Amat Berhormat kita merupakan juara dari sudut berkempen untuk globalisasi tetapi akhir-akhir ini bila mana globalisasi yang tidak dipantau secara halus akan memakan diri kita sendiri. Oleh kerana mereka yang bertarung di alam globalisasi sudah lama dan jauh mendahului kita terutama dalam hal-hal dan sektor-sektor ICT itu sendiri. Sebab itu kita perhatikan umpamanya, multimedia super corridor merupakan ilham Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kira-kira awal 1990-an tetapi yang menghairankan MSC itu sampai sekarang ini masih meraba-raba, masih belum mempunyai kedudukan yang teguh tetapi lima tahun selepas 1990, Dubai, sebuah negara Arab dikelilingi oleh syeikh-syeikh Arab yang mempunyai wang yang banyak, lima tahun kemudian pada tahun 1995 memperkenalkan Dubai.net jauh meninggalkan multimedia super corridor, walhal, kelonggaran untuk melabur di multimedia super corridor jauh lebih bebas berbanding dengan apa yang terdapat di Dubai.net.

Tetapi makalah-makalah ICT antarabangsa, secara terang mengaku bahawa Dubai.net sudah jauh mendahului multimedia super corridor – ilham Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kita. Sebab itu kita perhatikan bahawa kita boleh berbangga dengan pencapaian kita setakat tahap tertentu...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

[Yang Berhormat bagi Jeli memberi isyarat supaya tunggu sekejap]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, tunggu sekejap.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kita boleh berbangga setakat tahap tertentu, yakni kita cepat menggunakan kepakaran ini tetapi bila mana kita perhatikan perisian perisiannya bukanlah perisian yang kita bina. Perisian-perisiannya diimport, kalau perisian-perisiannya banyak yang diimport sudah tentulah banyak maklumat dan rahsia kita akan terdedah di peringkat antarabangsa. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin agak kurang adil untuk membezakan MSC dengan Dubai Internet City oleh kerana kedua-dua entity ini mempunyai emphasis dan fokus yang berbeza. Dubai Internet City saya tahu, konsultannya pun anak Malaysia. Jadi, kalau hendak mengatakan bahawa Dubai Internet City lebih mengatasi MSC saya rasa tidak betul kerana banyak syarikat yang berada di Dubai Internet City juga berada di MSC. Ini hakikatnya. Jadi, atas perbezaan apa maka Jeli mengatakan bahawa Dubai Internet City mengatasi MSC. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Sulong dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Umpamanya, walaupun mereka agak kemudian memulakan program nett mereka tetapi kita perhatikan bahawa di Dubai, mereka sudah membina jaluran broadband yang banyak sedangkan kita, penggunaan broadband kita, jaluran lebar kita masih di tahap yang rendah di multimedia super corridor tetapi di Dubai, begitu meluas. Jadi, bila broadband, maknanya jaluran lebar sudah meluas di Dubai, bermakna tahap kepenggunaannya tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, *broadband technology* adalah teknologi yang baru. Kalau hendak bandingkan Dubai dengan MSC, Abu Dhabi dengan Malaysia, jauh sekali kerana Dubai is a city state. Malaysia kita mempunyai Sabah dan Sarawak. Sebab itu kita katakan jangan bandingkan perkara ini dengan MSC. Kita tidak boleh juga banding Singapura One dengan MSC, tidak boleh kerana *environmentnya* berbeza. Dalam konteks *broadband technology*, teknologi ini baru. Sekarang ini teknologi baru datang ke Malaysia untuk memberi the *extra mileage* dari segi pemancaran gunaan telefon supaya lebih mudah untuk menerima penggunaan Internet – sedang dibawa. Saya tahu *broadband technology* telah pun berada di Malaysia dan saya yakin pelaksanaan di Malaysia tidak lama lagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Sulong dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Persoalannya kita yang memulakan dulu tetapi kenapa kepakaran yang terancang digunakan oleh orang lain dulu. Jadi, persoalannya kita agak terkemudian walaupun kita mencetuskan idea tetapi dimanfaatkan oleh orang lain dulu. Umpamanya, saya ambil satu contoh, kita sudah war-warkan multimedia super corridor. Sudah beberapa kali – dalam bentuk pertemuan yang gigantic, dengan izin, melibatkan semua tokoh ICT dunia. Pertemuan pertama digembargemburkan secara meluas. Semua dalam akhbar-akhbar negara, headline, yang pertama headline, yang kedua headline, yang ketiga dan keempat entah ke mana, bila tarikh pun anak Malaysia sudah tidak tahu lagi bila tarikh tersebut. Menggambarkan bahawa sambutan terhadap MSC itu, bahkan saya telah membuat pertanyaan-pertanyaan bertulis beberapa kali kepada pihak kementerian, jawapannya yang datang melabur ke tempat kita cukup memalukan. Umpamanya, Microsoft yang terlibat secara langsung hanya melabur USD1 juta di multimedia super corridor tetapi beberapa minggu selepas itu melabur beratus-ratus juta dollar, malah lebih daripada seribu juta dollar di India. Ini kita kena faham, sedangkan kelonggaran dari sudut perundangan di multimedia super corridor jauh lebih bebas berbanding dengan tempat-tempat lain. Sebab itu kita mesti perhatikan kenapa jadi begitu. Kenapa sekarang ini pertemuan-pertemuan tokoh-tokoh ICT dunia sudah tidak mendapat liputan yang meluas, kenapa pelaburan-pelaburan – bila ditanya pelaburan daripada luar negara hanya sekitar tidak sampai USD200 juta. Sudah 10 tahun dah, lebih daripada 10 tahun. Ini persoalan yang kita kena tanya,

walhal kita memberikan satu gelanggang cukup baik. Tidak ada mana-mana negara memberi kebebasan seperti mana negara kita tetapi kenapa orang tidak datang?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Beri jalan lagi? Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, MSC melaksanakan *7 flagship application*. Adakah aplikasi yang dilaksanakan menerusi MSC juga berada di Dubai Internet City. Umpamanya, *telemedicine, electronic government*. Tidak ada! Bermakna kita mempunyai fokus yang berbeza. Di India yang eksport pakar IT, dia eksport ke US atau ke mana belum ada lagi *application telemedicine*, belum ada! Belum lagi mampu membuat aplikasi *electronic government*, belum ada.

Jadi, kita jangan ambil satu aspek maka mengatakan yang kita ini lemah. Tidak boleh! Kita harus melihat apa aplikasi kita berjaya sampai peringkat mana. Bagaimanakah penyertaan anak-anak bumiputera dan penyertaan syarikat-syarikat tempatan. Bagaimana syarikat-syarikat tempatan ada setengah-setengah telah pun menembusi perniagaan antarabangsa secara global. Ini juga kita kena ambil kira. Jangan kita kira, oleh kerana ada write-up dalam website Harakah Daily mengenai Dubai Internet City, saya baca. Saya baca seorang anak Malaysia pergi ke Dubai, balik contribute article dalam Dubai Internet City, kalau tidak mungkin Jeli pun tidak tahu. Saya tahu! Kalau kita masuk website Dubai Internet City, warna apa? Dengan merah saga. You pernah masuk?

Kita hanya membaca daripada Harakah Daily. Saya baca tulisan seorang anak Malaysia mengatakan MSC jauh ketinggalan kalau dibanding dengan Dubai Internet City, maka Jeli pun masuk dalam Dewan mengatakan MSC ketinggalan kalau dibandingkan dengan Dubai Internet City, ini burung kakak tua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan Ahli-ahli Dewan sekalian, saya cukup hairan Yang Berhormat bagi Parit Sulong dia memperkecil-kecilkan kekuatan dan kecerdikan rakyat Malaysia. Tadinya dia mengatakan bahawa rakyat Malaysia mudah terpengaruh dengan segala maklumat-maklumat Internet sudah terpengaruh, takkanlah rakyat Malaysia tidak dan kurang cerdik macam itu, rakyat Malaysia ini cerdik-cerdik.

Jadi, umpamanya dengan membuat tuduhan saya hanya terdedah kepada *Harakah Daily* itu satu tuduhan yang agak melulu, kita baca bukan hanya *Harakah Daily* kita pun baca *Asia Wall Street Journal*, baca *Asia Week* baca segala-galanya dan maklumat-maklumat yang kita perolehi tidak hanya terbatas kepada *Harakah Daily*. Maknanya, kalau begitu persoalan sekarang ini kita mesti meluaskan pembacaan kita kepada semua bacaan yang terbuka.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:Kalau tidak teruskanlah Yang Berhormat ya . *[Disampuk]* Ha, teruskan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:tetapi saya akur

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskanlah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya teruskanlah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya melahirkan kebimbangan juga mengenai akta ini walaupun dilakukan pindaan pada kali ini ialah kerana negara-negara yang maju sendiri pun mengaku sukar untuk membanteras jenayah dalam kategori ini. Umpamanya, Parlimen baru-baru ini telah memperkenalkan kad identifikasi pelbagai guna yang kemungkinan kesemua Ahli-ahli Parlimen telah memperolehinya tetapi kita perhatikan bahawa kad identifikasi pelbagai guna tersebut banyak mempunyai kesilapan dan kesilapan tersebut amat ketara. Sekiranya sebasic itu boleh kita melakukan kesilapan, kita perhatikan boleh dikatakan tiap-tiap orang ada mempunyai kesilapan dalam kad identifikasi pelbagai guna. Kalau yang itu kita boleh buat silap, bayangkan bagaimana kita hendak berdepan dengan penjenayah-penjenayah cyber yang hebathebat.

Jadi, saya bimbang dan kita perlu beri perhatian dan beri peringatan, hatta satu badan yang meluluskan rang undang-undang website Parlimen sendiri pun diceroboh, menunjukkan betapa rapuhnya sistem pertahanan kita. Jadi, dalam kes ini kita bukan hanya perlu menyerang tetapi kita juga perlu bijak bertahan. Sebab itu

saya bimbang, ini kebimbangan yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Kita bimbang bahawa akta kita ini dan apa yang kita buat ini tanpa pengawasan yang teliti, tanpa kajian yang mendalam akan hanya sekadar jadi *punching bag* kepada penjenayah-penjenayah cyber. Ha, itu saya melahirkan kebimbangan. Tadi Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Yang Berhormat bagi Batang Lupa melahirkan cerita-cerita ICT, menceritakan tentang kelemahan-kelemahan yang ada, sekarang ini saya dedahkan. Kita bimbang takut-takut kita ini menjadi *punching bag* kepada orang lain, orang lain hendak masuk gelanggang lebih besar, kita jadi *punching bag*. Jadi, itu perlu kita beri perhatian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, dalam Seksyen 75A yang baru dalam kes-kes yang lain, dalam jenayah-jenayah yang lain kita perhatikan *ranking*, dengan izin, pegawai polis yang dibenarkan untuk membuat penyiasatan paling rendah ialah Penolong Penguasa tetapi kenapa dalam kes secanggih ini, sekompleks ini pegawai polis yang dibenarkan untuk membuat penyiasatan rankingnya ialah inspektor. Saya dengan maaf bukan saya hendak memperlekehkan jawatan inspektor tetapi kalau jenayah lain yang *complexity*nya kurang - Penolong Penguasa, yang ini *complexity*nya lebih teruk, lebih sukar, lebih parah tiba-tiba kita beri *ranking*, dengan izin, pegawai polis lebih rendah daripada kes-kes biasa.

Jadi, saya tidak faham sama ada kita faham atau tidak faham perkara ini. Sepatutnya rankingnya lebih tinggi. Oleh sebab itulah kita lihat kelemahan yang ada di dalam negara kita walaupun pelbagai akta diperkenalkan tetapi bila sampai ke tahap pelaksanaan, penguatkuasaan cukup-cukup memalukan. Umpamanya, dalam satu notis signboard besar, papan iklan yang besar, '*Dilarang Membuang Sampah Denda RM500*' tetapi tengok-tengok dalam negara kita bawah daripada papan tanda yang besar itulah yang mereka pakat-pakat buang sampah. [Ketawa] Tempat macam itu dia orang boleh buang sampah. Umpamanya '*Dilarang Merokok*' tempat itulah paling ramai termasuk Ahli-ahli Parlimen merokok, umpamanya. Begitu juga di bawah umur 18 tahun tidak boleh beli rokok – tidak boleh beli rokok umur 18 tahun, cuba pergi tengok di kedai-kedai yang dok beli itu bawah daripada umur 18 tahun.

Jadi, inilah yang kita bimbang bila sampai kepada penguatkuasaan kita lemah, akta cukup bagus kita berbahas sampai beberapa jam, bila mana ada berlaku sesi Parlimen, sesi perbahasan Parlimen tetapi bila sampai penguatkuasaan kita cukup lemah. Sebab itu saya memohon supaya kali ini dalam kes-kes seperti ini

yang paling orang Arab kata – ‘afdhal’ oleh kerana Timbalan Yang di-Pertua kita ini pun ustaz juga, yang paling utama, yang paling priority ialah untuk membuat tangkapan dan serbuan kepada penjenayah-penjenayah di daerah-daerah tertentu adalah wajar melibatkan kakitangan-kakitangan daripada tempat yang lain kerana bila mana kita perhatikan dalam banyak kes, ini diakui sendiri oleh pemilik premis, diakui sendiri oleh pegawai-pegawai polis, diakui sendiri oleh banyak pihak bila mana hendak dilakukan serbuan, maklumat sudah diketahui oleh pemilik-pemilik premis. Kerana apa, kerana yang hendak melakukan itu adalah pihak-pihak berkuasa tempatan, sebab itu kita mencadangkan daripada tempat lain buat serbuan mengejut barulah boleh berjaya.

Umpamanya, beberapa tangkapan kes dadah kalau dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan sudah diketahui bila, tarikh dan di mana tetapi kalau dilakukan oleh pihak daripada Kuala Lumpur, insya-Allah, tangkapan dapat dibuat. Sebab itu saya mencadangkan dalam kes-kes seperti ini janganlah hanya melibatkan seorang inspektor polis sahaja, hendaklah melibatkan inspektor polis dan kalau boleh lebih besar daripada inspektor polis, kita kena pinda ini jangan inspektor polis tetapi lebih besar daripada inspektor polis dan beberapa kakitangan jabatan polis dan jabatan-jabatan lain dan daripada daerah yang lain, daripada kawasan yang lain supaya membuat serbuan dengan harapan undang-undang, akta-akta yang kita bentangkan di Parlimen, diluluskan di Parlimen benar-benar mencapai maksudnya. Kalau tidak kata orang ‘berkokok’ sahajalah kita ini, bila sampai penguatkuasaan apa-apa pun semua orang terlepas belaka.

Jadi, saya rasa dengan itu saya sudahi dengan Wabilahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiausaha Parlimen sila jawab. Sudah diputuskan Yang Berhormat.

2.55 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ...ha, sudah diputuskan tadi sebelum itu. Minta maaf ya.

Tuan Chia Kwang Chye:saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Yang Berhormat bagi Bachok, Yang Berhormat bagi

Parit Sulong, Yang Berhormat bagi Tebrau dan Yang Berhormat bagi Jeli yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Tandatanganan Digital (Pindaan) 2001.

Walaupun secara langsung banyak perkara atau isu-isu yang dibangkitkan tidak secara langsung berkaitan dengan Rang Undang-undang Tandatanganan Digital yang dibahaskan sekarang, walau bagaimanapun dengan sedaya upaya saya akan cuba menjawab yang mana dapat dijawab dalam masa yang singkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah membangkitkan tentang pengambilalihan kuasa daripada pengawal pihak berkuasa pemerakuan yang sekarang ialah Pos Malaysia dan diambil alih oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan yang mustahak sekali ialah dalam Fasal 19 iaitu berkenaan dengan pengecualian dan peralihan ini ialah untuk memudahkan dan transfer di antara dokumen-dokumen serta lain-lain perintah yang dikeluarkan oleh Controller yang sekarang diambil oleh Suruhanjaya dan semua dokumen yang berkaitan dengan atau dikeluarkan oleh Controller dalam jangka transisi ini adalah sah di bawah pindaan ini.

Berkenaan dengan pasukan polis yang akan diminta dalam siasatan atau penguatkuasaan, saya setuju bahawa pihak polis patutlah diberi latihan dan masuk skim upgrading dan saya yakin bahawa sebelum tindakan akan diambil taklimat atau perbincangan ataupun latihan akan diadakan sebelum tindakan akan dijalankan. Yang lain yang tidak berkenaan dengan pindaan Tandatanganan Digital ini adalah berkenaan dengan *infrastructure rolled out* di mana isu jurang digital atau *digital divide* telah dikemukakan. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak hampir RM1 bilion telah diperuntukkan untuk menangani masalah jurang digital ini khasnya untuk mengadakan satu rangkaian untuk sekolah-sekolah khasnya sekolah-sekolah di luar bandar. Selain daripada ini sekarang masih ada satu program yang dikatakan tanggungjawab perkhidmatan sejagat atau *universe service*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong berdiri Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye:yang telah dijalankan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.....

Tuan Chia Kwang Chye:dan ini akan terus dijalankan untuk mengurangkan jurang digital ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Malangnya, saya tidak ada masa tetapi saya akan minta penjelasan sedikit mengenai jurang digital. Walaupun dari satu segi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dengan RM1 bilion untuk menyelesaikan masalah ini adakah Yang Berhormat sedar bahawa jurang digital ini bukan sahaja apa yang disebutkan bahkan juga apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan, jurang digital boleh timbul kerana ada syarikat-syarikat tidak gunakan tandatangan digital ini dan mereka akan dicaj dengan lebih. Ini merupakan satu jurang digital yang baru dan di dalam rang undang-undang ini tidak disebutkan apakah masalah jurang digital ini bukan sahaja biasa yang dianggapkan jurang digital di antara yang mempunyai komputer dan yang tidak mempunyai komputer.

Ada juga jurang kerana orang yang tidak mahu menggunakan tandatangan digital kerana aplikasinya belum ditentukan dan sebab itulah saya hendak tanya dan penjelasan lagi apakah penggunaan tandatangan digital ini di Malaysia, aplikasinya adakah ini luas, bilangan yang menggunakan tandatangan digital ini. Sebenarnya di dalam rang undang-undang ini juga tidak disebutkan teknologi yang digunakan, pada awalnya tahun 1997 kita tahu tidak ada teknologi yang lebih canggih, yang lebih sofistikated kerana teknologi yang digunakan untuk tandatangan digital ini berbeza. Kita mesti sebutkan mana teknologi yang digunakan untuk maksud rang undang-undang ini, hal ini tidak disebutkan, ini satu kelemahan lagi.

Di dalam akta-akta yang pokok, akta utama misalnya Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ada kelemahan-kelemahan yang belum lagi dikemaskinikan. Kita perlu mengemaskinikan dari masa ke semasa dan hari ini saya tidak bantah diadakan satu pindaan, itu perlu dibuat cuma beberapa perkara yang belum lagi dijawab termasuk standard yang digunakan dan juga jurang digital yang saya sebutkan tadi dan bilangan yang terlibat dengan aplikasi tandatangan digital ini dan juga apakah fenomena penjenayahan mengenai tandatangan digital ini kerana walaupun canggih, kompleks dan rumit teknologi yang digunakan, ada juga kerana tabii dan tabiat manusia ini memang ada penjenayah yang menyalahgunakan tandatangan digital ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dapat berucap juga Yang Berhormat ya. *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat bagi Kepong bukan tidak ada masa. Sememangnya, dia datang lewat. Selepas itu, tidak ada peluang untuk berbahas.

Tetapi, sebelum saya jawab berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Kepong, nampaknya tadi macam hendak mengadakan perbahasan jugalah, ada peluang lagi.

Tetapi, sebelum saya jawab isu yang dibangkitkan tadi itu, saya hendak habiskan apa yang saya katakan itu di mana usaha kerajaan mengurangkan jurang digital selain daripada apa yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan juga apa yang diperuntukkan di bawah Program Tanggungjawab Perkhidmatan Sejahtera. Lain-lain projek yang dijalankan ialah info-desa, pusat Internet desa dan desa digital. Itulah berkenaan dengan jurang digital. Walaupun secara langsungnya tidak berkenaan dengan jawapan.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen pakar mengenai jurang digital. Saya hendak tahu, dari segi kefahaman beliau, apakah itu jurang digital? Adakah kerana tiada komputer desa sahaja yang dimaksudkan jurang digital? Yang paling pokok dalam negara, adalah telefon *accessibility*, telefon *rate* yang murah untuk menggalakkan orang membuat *connectivity*, harga *hardware* yang harus lebih murah, supaya menambahkan lebih ramai orang berkemampuan membeli komputer tersendiri dan sebagainya, itu yang paling asas.

Bukan hanya membekal komputer di kawasan desa. Itu bukannya satu langkah jurang digital yang ikut *priority*. Kalau ikut saya, *priority* saya adalah bagaimanakah kita mahu merendahkan kadar telefon? Bagaimanakah kerajaan boleh membuat satu *intervention* supaya harga *hardware* komputer itu lebih murah? Bagaimanakah harus dikawal yuran-yuran untuk orang mendapat *Internet literacy*,

computer literacy? Ini harus dikawal. Sekarang ini, kalau perkara berkaitan dengan komputer dan Internet dan juga digital, dia punya harga *skyrocketing*, dengan izin - tidak ada kawalan. Ini perkara *basic* untuk rakyat. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, hanya dua juta manusia dalam negara kita mempunyai *Internet connectivity*, mengapa? Saya pernah tanya soalan ini dalam Dewan, adakah kerajaan mahu mengkaji tarif telefon supaya menjadi penggalak atau *booster* kepada *Internet literacy*? Jawapannya, sekarang sudah rendah. Saya pernah tanya di dalam Dewan Rakyat, adakah kerajaan mahu membuat satu *intervention*, supaya harga *hardware* komputer lebih rendah? Dia kata, sekarang sudah rendah. Saya rasa tidak. Ini oleh kerana jurang digital yang paling asas adalah deprivation, bermakna kita tidak diberi peluang untuk mendapat *connectivity*.

Yang kedua, adalah *literacy*. Sama ada kita *computer literate* ataupun kita *Internet literate*? Kalau *literacy computer*, *literacy Internet*, bergantung kepada harga hendak belajar supaya jadi *literate* komputer dan Internet dan kalau tidak dikawal, tidak banyak orang yang akan *literate* komputer dan *literate* Internet. Kalau mereka sudah *literate Internet dan literate komputer*, tetapi, mereka tidak mampu untuk membeli *hardware* dan juga tidak mampu membuat *connectivity*, akan terus berada di dalam kepompong jurang digital juga. Jadi, ini perkara *basic* saya minta Yang Berhormat dan kementerian Yang Berhormat, betulkan perspektif mengenai jurang digital. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, adalah berkenaan dengan jurang digital juga, tetapi saya akan menerangkan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong berkenaan jurang digital sebelum saya kembali ke isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, jurang digital ini adalah berdasarkan daripada revolusi-revolusi dan sejarah yang telah diadakan bermula pada abad ke 15, adalah apa yang dikatakan revolusi agrarian atau pertanian, di mana sesiapa pada waktu itu mempunyai tanah, adalah boleh dikira orang yang kaya. Dalam abad yang ke 18 itu, yang dikatakan ada *industrial revolution*, sesiapa yang mempunyai modal atau kilang-kilang, boleh dikatakan orang yang kaya. Tetapi, dalam revolusi maklumat atau *information revolution*, orang yang kaya biasanya yang boleh menguasai informasi dan informasi sehingga hari ini, orang yang terkaya sekali ialah Bill Gates. Itu yang dalam industri informasi ini. Oleh sebab ini, sesiapa yang ada *access* atau

kuasa kepada maklumat ini, adalah boleh dikatakan yang ada *access*, yang mempunyai informasi, boleh dikatakan orang yang kaya atau kemungkinan menjadi kaya.

Jadi, jurang digital dalam konteks ini dan yang dibangkitkan itu, jurang digital di mana *access* kepada maklumat atau informasi yang terkini sama ada di buku atau di Internet, adalah yang besar sekali. Jadi, untuk mengurangkan jurang digital ini, walaupun yang besar adalah *content*, yang besar sekali adalah berkenaan dengan *access* sama ada melalui telefon atau *access* kepada komputer atau sama ada orang itu boleh menggunakan komputer untuk ada *access* kepada maklumat yang biasanya yang kandungannya ada dalam Internet ini.

Jadi, usaha kerajaan setakat ini, selain daripada isi kandungan yang di bawah Rancangan Malaysia Kelapan adalah peruntukan sebanyak RM10 juta tetapi, yang terutama sekali adalah apa yang *physical* iaitu, mempunyai talian telefon yang besar sekali di mana kalau anda katakan di luar bandar, *penetration* cuma 11% dan di bandar *penetration* telefon ialah 22%. Jadi, kalau kita mengira jurang digital dari *penetration* telekomunikasi, ini boleh dikatakan satu daripada bidang aspek jurang digital. Yang lain ialah komputer atau *cyber cafe* atau yang lain-lain.

Jadi, *cyber cafe* memberi *access* Internet, kepada orang umum biasanya yang terdapat di bandar-bandar. Oleh sebab itu, kerajaan dan khasnya Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia mengadakan satu projek yang mengadakan pusat Internet desa melalui pejabat pos yang selalunya terletak di kawasan luar bandar.

Itulah secara ringkas berkenaan dengan jurang digital. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Kepong, apakah kegunaan atau apakah tandatangan digital ini? Saya hendak menjelaskan di sini, bahawa Akta Tandatangan Digital yang asal bertujuan untuk memastikan keselamatan dan integriti transaksi data dalam persekitaran rangkaian sistem yang termasuk antara 10 objektif utama di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan di dalam akta itu, fungsi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ada meliputi pelaksanaan Akta Digital atau Akta Tandatangan Digital ini.

Saya hendak menerangkan bahawa semasa Akta Tandatangan Digital dikuatkuasakan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia belum diwujudkan lagi. Oleh sebab itu, dalam dua tahun ini, adalah wujudnya satu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, kuasa ini dipinda kepada Suruhanjaya Komunikasi tetapi, yang

besar sekali di bawah Akta Tandatangani Digital ini, kita membolehkan penggunaan yang lebih luas berkenaan dengan dokumen-dokumen elektronik sebagai satu barang bukti di mahkamah. Oleh itu, ini bermakna tandatangan digital tidak boleh dinafikan sebab, bila dihantar melalui satu tandatangan digital, dokumen itu tidak boleh dinafikan oleh orang yang menghantar kerana kunci persendirian atau *private key* adalah dalam simpanan orang yang memperolehi kunci persendirian itu.

Di bawah akta ini, penubuhan badan perakuan atau *certification authority* yang bertanggungjawab mengeluarkan kunci-kunci awam dan peribadi, *warranties* dan *liabilities*. Tetapi, yang saya ingin menplaskan ialah bahawa *digital signature* atau tandatangan digital bukanlah secara elektronik switching atau secara *imaging*. Ini menggunakan dua kunci. Satu, kunci persendirian, satu kunci awam dan bila-bila kedua-dua kunci ini selepas dokumen dihantar dan *match*, barulah dokumen yang sah boleh digunakan.

Jadi, apakah kegunaan tandatangan digital ini? Yang mustahak sekali ialah dalam transaksi-transaksi elektronik.....[Disampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong berdiri lagi, Yang Berhormat. Kepong. Hendak beri jalan?

Tuan Chia Kwang Chye: Penjelasankah?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun jawapan tadi itu bukan salah, itu betul juga. Kita mesti hendak *authentication*, *non-repudiation* dan *data integrity* itu, semua penting. Saya anggap penting juga. Cuma, soalan saya yang minta dijelaskan ialah teknologi untuk *encryption*, satu *key*, dua *key*, tiga *key*, itu tidak kiralah. Kita hendak tahu, apakah teknologi yang digunakan untuk maksud rang undang-undang ini. Itu yang penting kerana teknologi itu berubah dan walaupun begitu *sophisticated*, canggih, ia boleh disalahgunakan, itu yang pertama.

Yang kedua, adakah bilangan orang yang menggunakan tandatangan digital di Malaysia ini, dan juga termasuk jurang digital yang - saya pun setuju dengan Parit Sulong yang baru sahaja bercakap dengan bernas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haah....

Dr. Tan Seng Giaw: Jurang digital ini, banyak definisi penakrifannya. Banyak, termasuklah apabila kita ada MSC, *Multimedia Super Corridor* dan harga tanah di kawasan itu lebih murah dan sekarang dia melambung sampai langit. Itu

satu jurang juga - jurang harga. Jadi, sebelah sini pun bolehlah masuk roket, itu pun betul juga. Janganlah harga tanah di situ jadi jurang lagi, jurang digital itu banyak jenis, jurang harga tambah pula. Ini satu perkara yang tidak baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, teknologi untuk *encryption* yang digunakan dalam sistem yang terkini sekali ialah yang dapat diperolehi iaitu menggunakan saiznya 128 byte, untuk mengadakan *encryption* tetapi, untuk kunci-kunci yang dia ada, saiznya ialah 1,024 byte dan ini digunakan untuk menjadi satu *feature security* untuk rancangan digital ini dan untuk tandatangan digital di Malaysia, kedua-dua *certificate authority* ini ialah Digicert yang diperolehi oleh Pos Malaysia dan MIMOS dan kedua ialah MSC *Trust Gate* yang diberi oleh MDC dan Verisign...

Di bawah kedua-dua certification authority ini sebanyak 70,942 sijil-sijil telah dikeluarkan. Tandatangan digital ini boleh digunakan dalam beberapa bidang. Yang pertama ialah dalam bidang e-perolehan atau e-procurement yang di bawah e-government. Yang kedua ialah internet banking. Yang dalam bidang insurans pun boleh digunakan. Yang lain ialah kalau dilaksanakan di mana di bawah MEPS. M-e-p-s, untuk cara secure electronic transaction untuk andai kata transaksi di bawah Visa Card atau Master Card, tandatangan digital pun boleh digunakan untuk memastikan bahawa transaksi yang ditandatangani oleh tandatangan digital ini adalah satu transaksi yang sah yang tidak boleh dinafikan. Jadi,....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong berdiri lagi Yang Berhormat. Parit Sulong, hendak bagi jalan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua certification audits ini iaitu Digicert dengan MSC Trust Gate. Saya dengar Digicert. dia berhadapan dengan masalah akibat agihan ekuiti antara MIMOS, Pos Malaysia dan sebagainya sehingga Digicert ini kurang efektif. Jadi, saya minta dalam Dewan ini, Setiausaha Parlimen memperjelaskan bagaimanakah effectiveness kedua-dua certification authorities ini – Digicert dan juga Trust Gate.

Adakah kerajaan mempunyai satu dasar supaya digital signatures certification bodies ini diperbanyakkan supaya boleh merendahkan service fee dan lebih menggalakkan pengguna. Berkait dengan ini oleh kerana, digital signature ini berkaitan dengan procurement dan electronic banking macam saya cakap tadi adakah sudah cukup undang-undang digital signature ini melindungi sebarang fraud

ataukah kita memerlukan satu lagi undang-undang yang lebih mengenai elektronik banking dan juga mengenai electronic commerce di negara ini. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, walaupun lebih kurang 70,000 sijil-sijil dikeluarkan oleh Digicert dan MSC Trust Gate. Kalau sebagai satu tanda keberkesanan ini lebih kurang 20,000 sijil atau pemegang sijil ini adalah secara aktif menggunakannya. Jadi, ini sebagai satu tanda sahaja. Jadi apa yang diperuntukkan di bawah tandatangan digital 1997 saya hendak baca seksyen 62(2) di mana menyatakan dengan izin,

- (i) *notwithstanding any written law to the contrary a document signed with a digital signature in accordance with this act shall be as legally binding as a document signed with a handwritten signature in a fixed thumbprint or any other mark.*
- (ii) *A digital signature created in accordance with this act shall be deemed to be a legally binding signature.*

Inilah dalam akta asal di mana ada peruntukan yang mengatakan bahawa tandatangan ini adalah sah di sisi undang-undang dan tidak boleh dapat dinafikan. Yuran yang perlu dibayar adalah dalam lingkungan RM20.00 seorang sehingga dengan security yang lebih baik ialah sehingga RM100 satu sijil.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin nyatakan berkenaan dengan crime phenomena yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan lain-lain Yang Berhormat tadi ialah sehingga sekarang pihak kami tiada terima sebarang kompelin berkenaan dengan tandatangan digital yang telah digunakan setakat ini. Belum ada apa-apa kes berkenaan dengan fraud melalui tandatangan digital sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bachok tadi ada bangkitkan tentang...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Ruhanie bin Ahmad: Saya tanya adakah kerajaan mempunyai dasar supaya lebih banyak lagi syarikat diberi peluang mengendalikan digital certification tadi supaya bermakna the fee bayarannya itu kepada pengguna akan menjadi lebih murah ataupun kerajaan mempunyai satu dasar supaya fee untuk mendapatkan digital's certification ini dalam keadaan yang paling reasonable, dengan izin.

Tuan Chia Kwang Chye: Berkenaan dengan yuran yang perlu dibayar. Setakat ini oleh kerana ini adalah satu industri atau satu ciri yang baru mungkin tiada

banyak alasan berkenaan dengan fee sebab fee sekarang ini cuma RM20 setahun untuk setakat ini. Kerajaan setakat ini tidak ada rancangan untuk mengadakan lebih certification authority selain daripada Digicert dan MSC Trust Gate kerana ini adalah satu industri yang baru dalam permulaannya dan segala masalah mungkin belum diselesaikan sebelum kita memperluaskan certification authority. Walau bagaimanapun di bawah Digicert mempunyai registration authority di mana sijil-sijil boleh dikeluarkan melalui RA (Research on Authority) atau ejen-ejen mereka di bawah certificate authority iaitu MSC Trust Gate atau Digicert. Dan RA seperti ini ialah Pos Malaysia, MIMOS termasuk Sains Sarawak dan satu KKIP di Sabah dan MOL (Malaysia Online) dan sebagainya. Melalui RA ini lebih ramai dapat access untuk mengadakan sijil. Dan kalau tidak silap saya boleh melalui internet untuk mengadakan online registration kalau hendak mendapatkan sijil yang berkenaan.

Tadi Yang Berhormat bagi Bachok ada membangkitkan berkenaan dengan pencerobohan tetapi yang seperti saya kata tadi tiada laporan berkenaan dengan pencerobohan berkenaan dengan kes-kes tandatangan digital setakat ini. Dan yang lain yang dibangkitkan tidak ada mengenai tandatangan digital yang selanjutnya tetapi kalau berkenaan dengan pencerobohan e-mail peribadi atau e-mail pejabat kalau hendak mengurangkan pencerobohan atau menghapuskan pencerobohan pengguna itu sebelum menghantar e-mail ini dan melalui satu *encryption* ini boleh dikatakan bahawa e-mail adalah secara secure dan tidak boleh dicerobohi oleh sesiapa pun kalau hendak menghantar e-mail yang dikatakan yang tidak boleh dicerobohi oleh sesiapa pun. Tetapi berkenaan dengan pencerobohan atau kes keselamatan sejak Ogos 1997 sehingga Jun tahun ini sebanyak 2,305 kes telah dilaporkan. Kes pencerobohan ini adalah seperti hacking atau berkenaan dengan serangan virus atau yang lain-lain pencerobohan yang dilaporkan ataupun dikumpul Malaysian Computer Emergency Responding. Tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa ini mungkin bukanlah jumlah yang boleh dikatakan komprehensif kerana kadang-kadang ada pencerobohan atau hacking yang tidak dilaporkan kepada Malaysian Computer Emergency Responding

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tebrau membangkitkan berkenaan dengan kualiti of service, access fee RM60 sebulan dan pencerobohan telefon dan sebagainya. Saya ingin maklumkan bahawa melalui ...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, Kepong. Hendak bagi jalan. Ha, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekalilah. Penjelasan, tadi Yang Berhormat belum lagi jawab soalan saya mengenai satu jenis jurang digital iaitu sekiranya pelanggan-pelanggan enggan menggunakan tandatangan digital dan mereka dikenakan caj yang lebih ini merupakan satu jurang digital juga. Apakah pendapat kementerian ini satu jenis jurang digital bagi orang-orang yang enggan menggunakan tandatangan digital ini. Memang satu perkara yang wujud kerana dengan teknologi maklumat yang bertambah canggih maka ada orang yang tidak percaya kepada tandatangan seumpama ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kepong memang konsisten dengan soalan yang dibangkit itu. Tetapi setakat ini belum dipastikan bahawa tandatangan digital atau tandatangan biasa akan mengakibatkan suatu kos yang lebih tinggi sebab transaksi berkenaan dengan tanda tangan digital yang diadakan setakat ini belum sampai satu tahap yang matang jadi belum pasti lagi sama ada lebih mahal atau lebih murah. Mungkin lebih murah. Jadi, ini memang satu soalan akademik yang belum pasti lagi setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia baru-baru ini telah menjalankan satu kajian untuk menentukan mutu perkhidmatan atau kualiti of service di kalangan industri-industri multimedia iaitu industri broadcasting atau elektronik dan industri komunikasi termasuk telefon bimbit dan telefon talian. Dan keputusan yang telah dikeluarkan adalah kebanyakan adalah dalam tahap boleh dikatakan memuaskan dalam indeks lebih kurang 7 yang boleh kata memuaskan walaupun ada beberapa bidang yang mana mutunya boleh dapat mempertingkatkan lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dfato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Sri Aman, beri jalan.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya berterima kasih atas penjelasan tentang industri standard tetapi Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini saya masih menggunakan telefon ini, *[menunjukkan sebuah telefon bimbit]* 010, oleh kerana di Sarawak hanya 010 lah *coverage* yang luas sekali tetapi di tempat-tempat seperti di Semenanjung ini di mana jurang digital tidak begitu ketara, pelanggan telah beralih kepada sistem-sistem lain.

Jadi, yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bilakah kementerian beliau akan mengadakan satu sistem yang dapat menukar sistem 010, oleh kerana 010 ini begitu banyak yang tidak memuaskan dalam sistem ini tetapi kita tidak ada pilihan oleh kerana sistem-sistem yang lain yang diperkenalkan di Semenanjung tidak dapat hingga sekarang mengatasi *coverage* 010. Sekian.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, pendekatan kementerian berkenaan dengan industri telekomunikasi adalah secara liberal di mana dahulu ada monopoli berkenaan dengan perkhidmatan telekomunikasi, sekarang diliberalisasikan di mana lebih kurang 7 lesen telekomunikasi telah dikeluarkan di mana melalui liberalisasi ini, kita berharap bahawa dengan persaingan di antara syarikat, satu perkhidmatan atau mutu perkhidmatan yang lebih baik dapat diadakan. Yang mustahak sekali ialah dalam situasi yang bukan monopoli, pengguna (consumer) mempunyai satu pilihan di mana sistem yang terbaik untuk perisian atau sistem yang terbaik untuk satu-satu kawasan adalah boleh dipilih oleh mana-mana consumer.

Cuma, pihak kementerian melalui kajian atau melalui lain-lain cara dapat menggalakkan bahawa mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan dan kos kepada pengguna dapat diturunkan. Ini adalah pendekatan yang dibuat. Melalui ini, negeri Sarawak dapat perkhidmatan lain yang lebih memuaskan untuk permintaan atau keperluan Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah pun menjalankan satu kajian industri, standard industri multimedia dan juga komunikasi dan ini termasuk dalam bidang televisyen dan juga penyiaran.

Tadi saya membangkitkan soal ketidakpuasan mengenai sesetengah *content* yang disampaikan ataupun disalurkan menerusi televisyen-televisyen tempatan. Adakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bertanggungjawab sepenuhnya secara rasmi terhadap kawalan mutu perisian yang dihidangkan menerusi Televisyen Malaysia.

Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat kerana saya tidak mahu lagi jawapan, Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi menjalankan tugas rasmi, Kementerian Penerangan menjalankan tugas tidak rasmi. Saya hendak tahu siapa

yang bertanggungjawab terhadap pengawalan *content*, mutu *content* atau perisian yang disebarkan menerusi televisyen dan juga radio di negara ini. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai satu dasar kandungan yang meliputi beberapa garis panduan dasar-dasar. Di bawah dasar kandungan ini meliputi pembangunan kandungan sama ada *digital technology* ataupun melalui *electronic network*. Yang lagi satu ialah di mana penggunaan Bahasa Malaysia sebagai satu media yang digalakkan. Yang ketiga ialah segala kandungan patutlah mencerminkan kebudayaan tempatan. Yang keempat ialah yang menggalakkan atau mempertahankan *public morality* dan yang mustahak sekali jangan mengadakan kandungan yang *offensive* dan sebagainya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Tuan Chia Kwang Chye: Saya hendak jawab yang tanggungjawab tadi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, siapakah yang bertanggungjawab? Saya teringat sewaktu kita membincangkan Telecommunication Convergence Act, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bertanggung kepada seluruh *contents* yang disebarkan melalui *multimedia system*. Ini termasuk televisyen dan juga radio tetapi ada satu pandangan lain pula, a *different clout thought*. Jadi, saya minta hitam putih supaya senang kalau ada masalah. Jadi, kita rujuk kepada badan itu, tidak payah kita teraba-raba. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya hendak jawab tadi, *diinterrupt* oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Okay, di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia, segala industri elektronik dan lesennya adalah di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, kecuali RTM1 dan RTM2, dari segi lesen yang berlainan tetapi stesen-stesen termasuk stesen radio dan televisyen swasta iaitu ntv7 dan TV3 dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Melalui pandangan ini di mana lesen yang dikeluarkan, akhirnya tanggungjawab adalah di bawah Suruhanjaya atau di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, selain daripada RTM1 dan RTM2. Jadi, oleh sebab Radio Televisyen Malaysia mempunyai segala kemudahan atau peralatan untuk memantau program-program termasuk ASTRO, lesennya melalui Suruhanjaya.

Selain daripada itu, oleh sebab RTM mempunyai peralatan atau mempunyai kemudahan dan juga *ability* untuk memantau atau monitor program-program itu, jadi tugas-tugas untuk pemantauan setakat ini terus dijalankan oleh Kementerian Penerangan dan dari Suruhanjaya pun ada pemantauan tetapi cara yang dijalankan berlainan daripada Radio Televisyen Malaysia. Oleh sebab itu, apa yang dikatakan tadi secara rasmi ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan secara tidak rasmi ialah Kementerian Penerangan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bertanya lagi, siapakah yang bertanggungjawab mengenai kualiti atau standard mutu sebaran itu? Adakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang bertanggungjawab menentukan mutu ataupun RTM yang bertanggungjawab menentukan soal mutu. Menurut kefahaman saya, RTM tidak mempunyai *locus standi* untuk menentukan mutu kerana lesen dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Berbangkit dalam soal ini, adakah apabila dilakukan kajian terhadap *content* oleh radio, baik oleh TV, sekarang ini radio swasta, banyak di seluruh negara, adakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia berpuas hati dengan *content* yang disalurkan menerusi radio-radio swasta dan juga televisyen-televisyen swasta. Ini termasuklah apabila saya kata *content*, termasuk iklan dan sebagainya. Tidakkah saudara berpendapat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia juga perlu merasa sensitif sedikit terhadap setengah iklan yang *offensive in nature*. Setengah-setengah *content* itu *insulting to the intelligence of the Malaysian public*.

Tidakkah mereka merasa tersinggung atau tidak tersindir dengan perkara-perkara seperti ini? Kalau tidak ada kepakaran, saya minta biar wujudkan kepakaran di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Kita tahu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini badan yang baru tetapi membeban tugas yang berterusan yang harus disambung daripada RTM.

Jadi, saya hendak tanya, adakah perkara ini dilakukan, audit terhadap kualiti, mutu, perisian yang disebarkan menerusi radio-radio swasta, televisyen swasta termasuk juga iklan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia? Adakah itu yang dikatakan tadi indeksnya 7, bermakna memuaskan. Adakah ini merangkumi perkara-perkara ini? Saya minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan, tugas-tugas untuk pemantauan (monitoring) dan kepakaran setakat ini adalah di

bawah Kementerian Penerangan. Oleh sebab itu, kerja pun terus dijalankan, walaupun segala kompelin-kompelin yang diterima akan disampaikan kepada Suruhanjaya dan tindakan adalah diambil oleh Suruhanjaya melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Apa yang dikatakan tadi iaitu oleh kerana lesen dikeluarkan oleh Suruhanjaya, tanggungjawab yang akhir dijalankan oleh Suruhanjaya tetapi ada hubungan erat dan kerjasama yang erat di antara Kementerian Penerangan dan Suruhanjaya di mana bersama-sama dapat memastikan bahawa isi-isi kandungan yang sedia ada adalah di bawah garis panduan yang dikeluarkan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan oleh Setiausaha Parlimen. Tetapi saya rasa sebagai wakil rakyat, saya tidak puas hati dengan perkara yang berlaku kerana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, ia kata *in the final*, pada peringkat akhirnya yang bertanggungjawab tetapi serahkan kepada RTM, RTM yang tidak mempunyai skop peruntukan yang dia mesti buat.

Jadi, bermakna sama ada RTM sendiri mesti buat bagi pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ataupun kalau RTM tidak mahu buat, macam mana? Apa yang boleh menyekat kalau RTM kata, "itu bukan tugas saya" dan dalam proses kita tidak ada satu komitmen yang dalam hal ini, maka merosotlah mutu persembahan-persembahan, maka radio-radio swasta pun ikut suka, dia hendak cakap, ikut suka bahasa apa yang terlintas pada hari dan detik itu, dia cakap, dia campur, bermakna dia menonjolkan "kerojakan" *character* bahasa Melayu, umpamanya. Ini rosak akhirnya.

Jadi, saya minta satu tanggungjawab yang jelas, satu komitmen yang dalam hal ini. Siapa yang bertanggungjawab? Yang Berhormat tidak boleh cakap pun. Yang Berhormat kata Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang bertanggungjawab tetapi RTM yang memantau. RTM tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk melaksanakan tugas itu. Adakah saya betul?

Saya minta perkara ini, oleh kerana ini telah menjejaskan mutu production, pengeluaran-pengeluaran yang dihidangkan kepada kita sama ada dalam RTM sendiri. Apabila saya cakap dalam Dewan Rakyat dahulu, saya terima satu surat daripada RTM, bukannya secara rasmi. Mungkin salah seorang pegawai RTM yang tidak suka, dia minit atas siaran surat khabar, dia kata "Yang Berhormat apa tahu".

Kita di dalam Dewan Rakyat bertanggungjawab terhadap mutu yang kita hidangkan kepada rakyat, sama ada rakyat masa depan bermutu atau tidak, RTM dan juga televisyen dan radio juga menyumbang. Kita menyumbang kepada bentuk masyarakat masa akan datang. Kalau kerajaan tidak serius dalam hal ini, saya kata cari jalan supaya kita bertindak lebih serius, supaya kita mempunyai komitmen yang lebih dalam, supaya pembahagian tugas itu lebih jelas.

Saya minta Yang Berhormat tidak payahlah jawab perkara ini lagi. Selepas ini, siapa-siapa yang bertanggungjawab dalam Dewan Rakyat ini, ambil ingatan supaya jangan sekali lagi kita timbulkan masalah ini dalam Dewan yang mulia ini.
[Ahli-ahli Pembangkang menepuk meja]

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kita jangan pandang masalah atau satu isu dari segi apa yang dikatakan sempit kerana tugas yang ada adalah memang luas. Andai kata iklan-iklan yang dikeluarkan, garis panduan sudah pun dikeluarkan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan masih dipatuhi atau digunakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan kalau iklan-iklan tidak mematuhi, ada satu lagi garis panduan yang berkenaan dengan *Made in Malaysia* yang di bawah FINAS pun telah digunakan.

Tetapi yang mustahak sekali ialah maklum balas yang diberi sama ada kepada Kementerian Penerangan atau kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, boleh diterima kerana walaupun garis panduan telah diwujudkan, kadang-kadang dari pandangan ada berlainan. Jadi, kalau ada maklum balas atau yang lain-lain, kementerian atau Suruhanjaya dapat mengkaji berkenaan dengan maklum balas daripada itu supaya satu tindakan, kalau wajarnya dapat diambil ataupun untuk masa hadapan, andai kata ada kesilapan bahawa kesilapan tidak akan berulang lagi.

Lain-lain cara ialah melalui satu forum, forum kandungan atau content forum yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia di mana badan kandungan atau badan forum kandungan ini adalah secara sukarela mewujudkan satu kod kandungan atau content code dan secara sukarela mereka akan mematuhi kod-kod ini. Melalui cara yang lain ini berharap bahawa satu produk yang lebih memuaskan yang boleh meliputi segala industri dan meliputi segala sensitiviti dapat diwujudkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi kekecewaan Yang Berhormat bagi Parit Sulong tentang iklan TM Touch. Saya berharap perkara ini secara spesifik dikaji fasal memang iklan itu pada hemat saya mengikut semua standard adalah teruk dan boleh menyebabkan berlakunya gejala semacam "Black Meta" dan lain-lain. Jadi, tidak payahlah kementerian ini bercakap kementerian itu, kementerian ini, tetapi kementerian Yang Berhormat ambil ingatan untuk mengkaji semula secara spesifik iklan-iklan TM Touch.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi pun telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya sokong Yang Berhormat bagi Parit Sulong. *[Ketawa]* Sebab itu saya cakap. Saya sokong sekali fasal nampak tidak terang tadi. Hendak mengambil tindakan, baharu hendak dikaji maklum balas. Maklum balas sudah ada dan tidak payah menunggu maklum balas, sebenarnya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kementerian ini kena sensitif asyik tunggu orang complain di dalam Parlimen ini baru hendak buat, itu tidak kena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup, cukup.

Tuan Chia Kwang Chye: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Chia Kwang Chye: Kalau tidak ada gangguan pendek, kalau ada gangguan panjanglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cuba jaga masa sedikit, ha.

Tuan Chia Kwang Chye: Okay. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menghabiskan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau berkenaan dengan yuran access yang RM60.00 ini. Saya memang setuju bahawa ada banyak kekeliruan berkenaan RM60.00 ini sebab pada permulaannya sebelum Akta Komunikasi dan Multimedia dikuatkuasakan, semua telefon bimbit atau alat memerlukan lesen untuk bayaran equipment sebanyak RM60.00 setahun. Selepas Akta Komunikasi dikuatkuasakan lesen untuk telefon bimbit tidak diperlukan, oleh sebab itu RM60.00 setahun dimansuhkan.

Yang kedua berkenaan dengan access fee RM60.00 sebulan untuk telefon bimbit ini. Ini adalah legacy dari masa Atur 011 di mana had ceiling untuk access

yuran atau access fee sebulan ialah RM60.00. Itulah satu had di mana syarikat telekomunikasi untuk telefon bimbit tidak boleh mengenakan atau charge access fee ini melebihi RM60.00 itu. Dengan pemansuhan peraturan Atur 1986 pada 1 Ogos 2000, had ceiling ini telah dimansuhkan dan syarikat telekomunikasi diberi kelonggaran untuk menentukan charge access ini.

Setakat ini boleh dikatakan tiada syarikat telekomunikasi yang mengenakan lebih daripada RM40.00 sebulan dan kebanyakan mengenakan charge yang rendah daripada RM60.00 sebulan. Ada yang mengatakan prepaid itu dianggap sebagai satu zero access dan sebagainya. Saya berharap dengan keterangan ini tidak adalah kekeliruan berkaitan dengan access fee yang bermakna zero ini kerana ini dalam liberalisasi industri telekomunikasi ini diserahkan kepada syarikat telekomunikasi melalui persaingan di mana charge yuran ini boleh diberi sedikit kelonggaran bahawa kebanyakan mengenakan access fee kurang daripada RM60.00 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang dibangkitkan ialah berkenaan dengan MSC yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan Yang Berhormat bagi Jeli. MSC mempunyai beberapa sasaran yang dikeluarkan semasa MSC projek ini dilancarkan. Di antaranya ialah pada akhir Fasa I ini iaitu pada tahun 2003 diharapkan bahawa jumlah syarikat yang bertaraf MSC ialah 500 buah syarikat. Tetapi pada hari ini atau pada 20 Julai jumlah syarikat yang diberi taraf MSC ialah lebih daripada 500 iaitu 535 syarikat yang diberi taraf MSC. Ini bermakna bahawa sasaran sejumlah 500 syarikat MSC atau bertaraf MSC telah dicapai dan kemungkinan bahawa sasaran yang baru akan dikeluarkan untuk fasa yang pertama.

Yang kedua ialah sasaran untuk syarikat bertaraf antarabangsa yang mempunyai MSC status atau taraf MSC dan sasaran untuk Fasa I ialah untuk 50 buah syarikat yang bertaraf antarabangsa. Pada 20 Julai tahun ini 45 syarikat bertaraf antarabangsa telah diberi taraf MSC dan ada kemungkinan besar bahawa sasaran ini pun akan dicapai. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong adalah berapa syarikat yang beroperasi dan sebagainya. Setakat ini 475 syarikat dalam operasi dan 10 buah belum di incorporate lagi, tetapi yang menjadi dormant ialah 15 buah, telah ditutup ialah 2 buah syarikat dan 9 buah syarikat yang bertaraf MSC ditarik balik atau jangka masanya dilanjutkan, yang 24 buah syarikat yang bertaraf MSC di mana ditarik balik tarafnya.

Tetapi saya memang tidak faham berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Jeli yang sengaja atau selalu membangkitkan berkenaan MSC dan kegagalan MSC dan selalu membangkitkan kawasan lain seperti Dubai dan sebagainya. Jadi, saya tidak mahu menafikan bahawa memang ada di beberapa bidang di mana MSC mungkin tidak mencapai keputusan atau pencapaian yang cemerlang tetapi seperti yang saya katakan tadi dari segi sasaran dan dari segi lain-lain bidang memang MSC adalah satu projek yang mencapai sasarannya. Yang mustahak sekali ialah MSC projek adalah satu projek yang diterima oleh pemimpin-pemimpin antarabangsa sebagai satu projek yang baik dan ditiru oleh negara-negara lain. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jeli berkenaan dengan Dubai itu tidak melalui satu kajian yang teliti atau satu kajian yang sempurna. sebab ini cuma satu pandangan seseorang atau beberapa orang dan menggunakan laporan yang negatif itu untuk menghina projek atau pencapaian MSC. Ini bukanlah satu sikap yang positif, bukan satu sikap yang baik.

Ada banyak kekhawatiran berkenaan dengan perlindungan data peribadi dan dalam suasana transaksi elektronik ini Kerajaan memang sedar berkenaan dengan kemungkinan bahawa dalam keadaan transaksi elektronik mempunyai lain-lain masa yang boleh berbangkit. Jadi, kita sedang mengubahkan satu rang undang-undang perlindungan data peribadi atau personal data protection. Ini khasnya apabila government multi-purpose card dilaksanakan secara meluas dan di mana data-data peribadi seperti passport, lesen memandu dan data-data berkenaan dengan e-kesihatan ada dalam kad ini dan rang undang-undang perlindungan data peribadi akan memberi satu perlindungan yang luas di mana data adalah terjamin, bahawa data yang khasnya andai kata kesihatan tidak boleh dikeluarkan atau diberi oleh sesiapa pun tanpa kebenaran daripada pesakit itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya setakat ini sahaja beberapa isu yang dibangkitkan oleh kelima-lima Yang Berhormat ini. Apa yang saya katakan walaupun tidak banyak membangkitkan berkenaan tandatangan digital tetapi yang tidak dapat dijawab saya memastikan bahawa kementerian kami atau pegawai kami akan mengambil perhatian dan segala cadangan yang baik akan ditimbang apabila membuat keputusan atau dasar dalam kementerian saya.

Sekian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Bachok, Parit Sulong, Tebrau, Jeli dan termasuk Kepong yang mengeluarkan beberapa cadangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DUTI HIBURAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.59 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Saya mohon Menteri mencadangkan satu Rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hiburan 1993.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Duti Hiburan (Pindaan) 2001 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Duti Hiburan 1993 selepas ini disebut Akta 103 dengan tujuan memperluaskan skop untuk mengenakan duti hiburan, mengkaji semula kadar kompaun dan denda dan memperbaiki lagi pentadbiran duti hiburan bagi menambahkan hasil kerajaan negeri. Rang undang-undang ini melibatkan 12 pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Fasal 1 adalah tajuk ringkas akta iaitu Akta Duti Hiburan (Pindaan) 2001 dan penetapan tarikh kuat kuasa pindaan di dalam rang undang-undang ini iaitu 1 Oktober 2001.

Fasal 2 adalah pindaan kepada Seksyen 2 di mana Seksyen 2 itu telah dinomborkan semula sebagai Subseksyen 2(1) dan memasukkan peruntukan baru di bawah Subseksyen 2(2). Pindaan Subseksyen 2(1) bertujuan untuk meminda takrif 'admission' supaya kemasukan ke tempat hiburan adalah juga meliputi pengguna sesuatu kemudahan di tempat hiburan. Di samping itu takrif '*admission to entertainment*' juga dipinda untuk meliputi seseorang yang telah diberi kebenaran untuk mengguna kemudahan yang disediakan di tempat-tempat hiburan. Melalui pindaan tersebut, skop pengenaan duti hiburan yang kini terhad kepada bayaran tiket kemasukan sahaja dapat diperluaskan ke atas caj atau bayaran yang dikenakan kepada pengunjung bagi menggunakan kemudahan yang terdapat di tempat-tempat hiburan. Takrif '*entertainment*' pula dipinda untuk diperluaskan supaya meliputi juga mana-mana aktiviti yang diisytiharkan sebagai hiburan melalui suatu warta oleh Menteri Kewangan. Pindaan Subseksyen 2(2) bertujuan supaya duti hiburan dapat dikenakan ke atas jenis-jenis hiburan baru selaras dengan perkembangan semasa teknologi hiburan.

Fasal 3 adalah pindaan kepada Seksyen 3 yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan selaku pemungut duti hiburan untuk melantik Timbalan Pemungut Duti Hiburan. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sesuatu hiburan yang diadakan bagi tujuan pendidikan, khairat atau derma layak diberikan pengecualian duti hiburan dengan syarat perbelanjaan untuk menganjurkan hiburan berkenaan adalah tidak melebihi 20% daripada jumlah kutipan duti hiburan.

Fasal 4 adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 11 supaya peratusan perbelanjaan maksimum yang dibenarkan dinaikkan dari 20% kepada 30%.

Fasal 5 adalah pindaan kepada Seksyen 12 di mana Subseksyen 12(1) bertujuan meminda supaya Wilayah Persekutuan dipakai secara am bagi meliputi semua kawasan yang diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada masa hadapan. Di bawah peruntukan sedia ada hanya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sahaja dinyatakan secara khusus sementara pindaan Subseksyen 12(2) pula adalah untuk menyebut secara khusus pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa mengecualikan duti hiburan sepenuhnya atau sebahagiannya sahaja.

Pindaan Subseksyen 12(3) pula menaikkan kadar pengecualian duti yang boleh diluluskan oleh pemungut duti hiburan daripada RM500 kepada RM2,000.

Fasal 6 adalah pindaan kepada Seksyen 18 bertujuan meningkatkan kadar kompaun bagi kesalahan di bawah Akta daripada tidak melebihi RM1,000 kepada tidak melebihi RM3,000.

Fasal 7 adalah pindaan kepada Seksyen 20 di mana Subseksyen 20(1) bertujuan meningkatkan kadar penalti di bawah akta ini sebanyak tiga kali ganda iaitu dari RM2,000 kepada RM6,000 untuk kesalahan pertama, dari RM5,000 kepada RM15,000 untuk kesalahan kedua atau selanjutnya. Sementara itu Subseksyen 20(3) bertujuan menaikkan denda yang boleh dikenakan kepada pengunjung sesuatu hiburan yang melakukan kesalahan di bawah akta dari RM200 kepada RM600.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa sokong?

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bukit Mertajam, sila.

4.07 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai Akta Duti Hiburan (Pindaan) ini, saya ingin memberi beberapa pandangan dari segi sosial. Saya berpendapat bahawa perbezaan perlu diadakan di antara jenis hiburan yang disebut dalam akta ini. Di dalam akta ini, hiburan dibezakan kepada persembahan yang diadakan oleh profesional dan *amateur* dan juga *profit oriental* dan bukan *profit oriental*. Tetapi saya berpendapat bahawa ada satu kategori lagi perlu diadakan, satu jenis lagi perlu dibezakan iaitu hiburan untuk orang dewasa dan hiburan untuk umum, semua lapisan masyarakat seperti yang seperti yang diadakan di atas program TV. Ini kerana dalam masyarakat Cina apabila ada apa-apa perayaan, selalunya ada pentas persembahan dan selalunya ada penyanyi untuk menghiburkan para *audience*. Kadang-kadang pakaian yang dipakai itu sangat

menjolokkan dan tidak sesuai untuk budak-budak yang ada di tempat itu. Jadi saya berpendapat bahawa adalah perlu apabila mengeluarkan permit untuk hiburan jenis ini perlu diberi garis panduan ataupun nasihat supaya pakaian dan apa-apa acara yang dipersembahkan itu bersesuaian dengan tempat dan *audience* pada masa itu.

Saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai Fasal 6 kerana Fasal 6 dan Fasal 7 ialah untuk meningkatkan hukuman. Adakah ini berkesan untuk mencegah apa-apa kesalahan dan adakah ini akan dikuatkuasakan dengan berkesan kerana pada masa sekarang dilihatnya penguatkuasaan dijalankan oleh beberapa pihak iaitu pejabat DO, majlis perbandaran dan pihak polis mengenai tempat-tempat hiburan ini seperti di karaoke. Kalau karaoke itu di tengah-tengah di kawasan kediaman dan ia mengganggu jirannya selepas jam 12 malam, pihak manakah yang perlu menjalankan penguatkuasaan. Penduduk-penduduk yang terlibat itu selalunya menghadapi kesulitan untuk mendapat penguatkuasaan sama ada daripada pihak polis ataupun pejabat DO ataupun majlis perbandaran.

Di dalam perkara ini ada banyak tempat hiburan yang kononnya karaoke ataupun *night club* mahupun *disco*. Mereka beroperasi tanpa permit, dengan haram dan penduduk-penduduk atau jirannya susah hendak mendapatkan penguatkuasaan dari pihak-pihak yang bertanggungjawab kerana masing-masing katakan tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan.

Jadi saya berpendapat, dalam perkara ini bukan sahaja pihak kerajaan tidak dapat mengutip cukai hiburan dan jenis-jenis hiburan ini mendatangkan masalah kepada masyarakat berdekatan. Ini perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan. Ada juga tempat-tempat hiburan yang diambil tindakan, orang yang pergi ke sana diambil tindakan seperti mereka yang di bawah umur dan mereka akan diambil tindakan tetapi operator, orang yang menjalankan *business* ini tidak perlu bertanggungjawab. Ini telah merumitkan masalah kerana kalau *operator* tidak perlu bertanggungjawab ke atas undang-undang ini, maka mereka tidak hirau seperti cyber café atau *video game center*.

Adakah *video game center* dikatakan murid-murid yang di bawah 18 tahun tidak boleh masuk tetapi siapakah yang akan menjalankan penguatkuasaan, hanya sekali sekala sahaja dan apakah *video game center* ini pada masa sekarang, adakah dia masih dilihat sebagai satu hiburan yang tidak sesuai untuk mereka yang di bawah umur dan cyber café, adakah cyber café ini satu tempat hiburan atau satu tempat mendapat pengetahuan. Pada pendapat saya, cyber café ini adalah satu

tempat hiburan kerana semua budak-budak pergi ke sana ialah untuk bermain video game dan bukan untuk *go on Internet*.

Kalau kita tanya budak-budak, mereka akan beritahu, *cyber café* ialah *to play games*. *Internet café is to go on net*, adalah perbezaan. Saya rasa kita perlu mengadakan kawalan ke atas *cyber café* kerana ramai budak-budak ataupun pelajar-pelajar yang spend a lot time di dalam *cyber café* ini dan mereka seperti ketagih kepada video game dan walaupun itu bukan dadah tetapi kesannya lebih kurang macam itulah. Mereka tidak boleh mengawal diri sendiri untuk tidak pergi ke sana.

Oleh sebab itu saya lebih suka kalau kita boleh melihat semula takrifan hiburan pada masa sekarang kerana Akta Hiburan ini adalah digubal pada 1953, banyak tahun yang lalu dan masa dahulu dan masa sekarang adalah berlainan dan saya sekali lagi mengatakan kita perlu menjalankan penguatkuasaan. Kalau penguatkuasaan tidak dijalankan dengan berkesan apa sahaja undang-undang yang terbaik pun tidak guna seperti kita ada undang-undang untuk mencegah *pornography*, bahan-bahan lucah tetapi hari ini kita berpendapat selepas beberapa kes yang serius sudah berlaku barulah kita mengakui bahawa ini telah menjadikan satu masalah. Apabila kita hendak menjalankan penguatkuasaan pegawai-pegawai pula diancam dengan *death threat* kerana sindiket ini telah lama beroperasi secara haram, secara bebas dan mereka sangat berkuasa. Jadi, saya harap tempat-tempat hiburan ini jangan kita biarkan sampai keadaan seperti *pornography* barulah kita hendak mengambil tindakan. Ini menunjukkan...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sedar setelah pihak kerajaan terutamanya MCA mengheboh-hebohkan mengenai tempat-tempat, pusat-pusat hiburan mesin kuda tetapi sekarang termasuk *ecstasy*. Mereka jadi begitu ghairah *ecstasy*, kemudian berapa bulan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah perkara ini berkaitan dengan akta yang kita....

Dr. Tan Seng Giaw: Kita memang Akta Duti Hiburan. Ini panas-panas tahi ayam. Ini hangat-hangat tahi angsa sekarang. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa selepas kehairahan ada pusat-pusat yang kembali beroperasi dengan mesin-mesin yang lebih canggih, berkomputer sekarang. Itulah ma salah berterusan.

Puan Chong Eng: Ya. Yang Berhormat bagi Kepong, terima kasih. Memang tak patut untuk penguatkuasaan ini ataupun hendak lawan perang dengan mesin kuda dan juga video game centre ini. Sepatutnya ia dijalankan oleh pihak polis dan bukan oleh pihak mana-mana parti. Walaupun intention bagus tetapi itu bukan kerja parti politik. Parti politik ialah untuk datang ke Dewan ini supaya mengadakan polisi yang baik, mengadakan penguatkuasaan yang baik. Saya rasa itu tidak berjaya dan itu telah dijangka tak boleh berjaya kerana itu bukan kerja yang dijalankan oleh pihak itu. Kerja penguatkuasaan perlu dijalankan oleh pihak yang menguatkuasakan iaitu pihak polis dan juga dalam tempat-tempat hiburan ialah pejabat DO, majlis perbandaran dan bersama dengan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa duti hiburan ini perlu berlainan ke atas jenis hiburan yang berlainan. Kalau kita hendak menggalakkan hiburan yang sihat untuk semua yang sesuai, jenis hiburan itu mungkin tidak dikenakan cukai. Tetapi hiburan yang kita tidak mahu galakkan seperti *Black Metal* itu ataupun disko ataupun seperti pertunjukan pentas Michael Jackson dan lain-lain lagi yang kita tidak mahu galakkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Puan Chong Eng:mungkin itu dikenakan cukai yang lebih tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya baca satu surat khabar *The Sun* kalau tak silap saya, ada tiga orang paderi memberi komen tentang gejala *Black Metal*. Mengikut ketiga-tiga paderi ini gejala ini berlaku kerana orientasi pembangunan kita yang telah menimbulkan kekosongan dalam jiwa remaja. Saya rasa adakah pada pandangan Yang Berhormat pandangan tiga paderi ini patut ditimbang sama oleh kerajaan kerana Perdana Menteri dalam komennya berbeza sedikit. Dia kata pasal gejala ini berlaku kerana orang ini mungkin anti establishment dan anti religion. Tetapi sebenarnya mengikut pandangan paderi, gejala ini biasa berlaku kerana sebab-sebab kekosongan jiwa dan ini satu gejala yang serius.

Sekali lagi kita lihat pandangan yang dicampak oleh pihak kerajaan adalah tergesa-gesa, terburu-buru. Hari ini keluar berita, esok sudah komen. Macam

kebakaran DTC esok sudah bercakap ini perbuatan student. Bomba belum siasat, polis belum siasat, jabatan agama belum siasat, apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya memang mengesyaki pihak kerajaan hendak membesar-besarkan gejala *Black Metal* ini untuk mengaitkan dengan politik pembangkang. Ini saya rasa satu tingkah laku yang kurang bertanggungjawab. Seperti apa jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi ini saya rasa kecewa kerana itu tidak setanding dengan standard seorang Perdana Menteri. *[Tepuk]* Beliau berkata sebagai seorang Pengerusi Barisan Nasional dan Pengerusi UMNO dan bukan seorang Perdana Menteri untuk Malaysia. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Kalau Yang Berhormat mempunyai standard yang lebih tinggi bagaimana bekas Setiausaha Agung Yang Berhormat, sekarang Pengerusi sudah tidak ada dalam Dewan. Maknanya, masyarakat telah memberikan penentuan yang diterima oleh dunia, Perdana Menteri sebagai Presiden Barisan Nasional dan Presiden UMNO berjaya. Baru-baru ini dalam pilihan raya pun tunjuk lagi sehinggakan nyaris-nyaris hilang deposit. I think kita mesti bercakap atas kenyataan, Yang Berhormat. Kalau kita tidak berasas kepada kenyataan rakyat akan dapat menilai kita dalam pilihan raya. Dalam pilihan raya kecil jelas bahawa rakyat menolak apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang disokong oleh Kubang Kerian. Kubang Kerian terpaksa membela sebab dia Setiausaha Politik kepada Menteri Besar. Saya ingat DAP tak sepatutnya mengikut PAS sebab kalau apa yang dia ikut yang untungnya PAS, DAP akan rugi. Ini dijelas oleh Penolong Setiausaha Agung menimbulkan bahawa Yang Berhormat tak sepatut tidur sebantol, satu katil dengan PAS lagi sekarang. Adakah Yang Berhormat dengar sangat saranan Kubang Kerian ini, besok masuk lagi dalam, lagi susah, lagi teruk.

Puan Chong Eng: Perdana Menteri mengadakan satu contoh yang tidak baik, maka konco-konco dia pun ikut juga. Apa masalah di sini perlu dijawab sebagai jawatan yang dia pegang dalam Dewan ini dan bukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Puan Chong Eng:ahli politiknya. Maka segala perkara dipolitikkan dan dia mengatakan orang lain yang mempolitikkan. Ini mungkin memang satu gejala yang tidak baik untuk negara ini.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta penjelasan. Saya begitu kecewa dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa kenyataan Perdana Menteri seperti orang biasa bukan Perdana Menteri. Itu adalah pandangan beliau dalam isu itu sebagai Perdana Menteri dan beberapa pandangan sebelum ini memang diterima. Apakah Yang Berhormat tidak mahu menerima kenyataan Perdana Menteri kerana kenyataan itu tidak memihak kepada pembangkang. Banyak kenyataan Menteri Besar misalnya Menteri Besar Kelantan lebih kebudak-budakan tetapi Yang Berhormat tidak mengatakan bahawa kenyataan Menteri Besar Kelantan itu merupakan kebudak-budakan kerana dia memihak kepada pembangkang.

Jadi, dalam hal ini saya minta Yang Berhormat secara telus, secara adil dan seimbang memberi pandangan, bukan bila kenyataan tidak memihak kepada diri kita dia kata kenyataan yang tidak baik.

Puan Chong Eng: Okay. Tuan Yang di-Pertua, bukan kenyataan itu berpihak dengan pembangkang atau tidak. Kalau ada gaya Perdana Menteri mesti ada caranya. Seperti soalan nombor 3 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong hari ini mengenai politik wang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta adakah bahan-bahan yang lain yang berkaitan dengan Akta Duti Hiburan?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat bagi Sipitang. Yang Berhormat tidak faham mengapa saya katakan itu. Saya hendak jelaskan bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlu Yang Berhormat, teruskan kepada tajuklah.

Puan Chong Eng: Saya rasa perlu kerana beliau meminta saya menjelaskan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua hendak dengar hujah Yang Berhormat terhadap Akta Duti Hiburan.

Puan Chong Eng: Ya, Tuan Yang di-Pertua, kalau apa yang saya hendak jawab ini bukan mengenai dengan Akta Hiburan, apa yang beliau tanya tadi pun

bukan Akta Hiburan tetapi Tuan Yang di-Pertua membenarkan, maka saya patut diberi supaya saya dapat menjawab apa yang Yang Berhormat timbul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah, teruskan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Saya jawab.

Puan Chong Eng: Jadi, saya hendak katakan politik wang merupakan satu masalah yang begitu penting sampai Perdana Menteri beberapa kali telah menangis. Tetapi hari dia jawab di dalam Dewan ini tidak jawab dengan secara serius tetapi berpolitik dengan soalan ini.

Saya hendak balik kepada Akta Duti Hiburan. Hendak menyeru supaya pihak kerajaan dan juga pihak penguatkuasaan mengambil tindakan ke atas hiburan-hiburan yang tidak sesuai yang menjolok mata ataupun kalau hiburan dewasa dibenarkan dia perlu....

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah, ada berkaitan dengan hiburan?

Puan Chong Eng: Nanti, nanti, nanti.

Tuan Chang See Ten: Hiburan sahaja.

Puan Chong Eng: Dia perlu berada di tempat yang bersesuaian yang haya untuk orang dewasa dan duti hiburan itu mesti dikenakan dengan lebih tinggi kerana hiburan-hiburan jenis ini ia akan mendatangkan *cost social*, ia akan ada kesan-kesan negatif sosial dan sumber-sumber kerajaan perlu digunakan untuk membanteraskan kesan-kesan ini. Kalau jenis hiburan ini dibenarkan ia mesti dikenakan dengan cukai hiburan yang tinggi.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya tentang tindakan yang dijalankan oleh Kerajaan PAS di Kelantan yang mana Menteri Besar Kelantan ada mencadangkan dan mereka ada jalankan polisi yang mana seperti di panggung wayang, lelaki kalau beli tiket tidak boleh campur dengan perempuan dan dalam panggung wayang pun sama, pun berasingan. Di mini market atau pasar raya pun buat sama, dan cadangan ini kita dari kaum Cina adalah sangat keliru bagaimana cara ini boleh berada di Malaysia. Adakah pihak DAP setuju dengan cara pentadbiran PAS di Kelantan.

Puan Chong Eng: Sebelum saya jawab, saya hendak minta Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga tengok apabila ada majlis jamuan makan di association Cina

tengok adakah juga, kadang-kadang ada wanita dan lelaki juga diasingkan. Ini bukan kata walaupun saya tidak bersetuju [*Disampuk*] dengan polisi bahawa perbezaan atau berasingan membayar di kaunter itu boleh mencegah apa-apa yang boleh berlaku. Tetapi kalau seperti di atas bas ekspres long distance, saya boleh bersetuju kerana itu boleh mengelakkan daripada banyak perkara yang boleh berlaku.

Jadi, pada pendapat saya, kita jangan melihat dari segi adakah ini diadakan oleh PAS atau oleh UMNO tetapi adakah tindakan atau polisi ini betul-betul berfaedah kepada masyarakat semua dan bukan khasnya dari segi PAS atau bukan PAS. Itu adalah pandangan yang sangat sempit. Yang kita perlu ialah melihat dari pandangan yang lebih luas, adakah ia berfaedah kepada lelaki dan wanita dan kepada semua masyarakat.

Hiburan ini adalah satu perkara yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah bangun sekali lagi.

Tuan Chang See Ten: Boleh bertanya lagi? Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat kata kaum Cina bila ada jamuan makan, lelaki dengan perempuan diasingkan. Bagi saya ini kali yang pertama saya dengar. Tidak pernah begini, kalau begini suami isteri kalau pergi satu majlis, kena diasingkan, tak pernah, saya sentiasa hadir di majlis jamuan makan dianjurkan oleh persatuan kaum Cina atau jamuan perkahwinan, memang suami isteri boleh bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Isteri Yang Berhormat sentiasa di sebelah Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Memang sentiasa mengikut. Bagaimana ini boleh terjadi? Bahkan DAP selama ini sudah dipengaruhi oleh PAS dengan sudah ada cara begini yang mana tidak boleh diterima oleh pihak kaum Cina tentang adat ini. Saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ini menunjukkan beliau cuba berpolitik. Kalau Gelang Patah tidak lupa, satu nilai Confucious ialah [*bercakap dalam bahasa Cina*]. Itu memang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Puan Chong Eng: [*Bertutur dalam bahasa Cina*] daripada zaman Confucious dan masih sampai sekarang ada, saya tidak kata semua, ada kadang-kadang di jamuan, bukan selalunya tetapi ada jamuan Barisan Nasional juga yang

kerajaan atau yang EXCOnya duduk setempat, yang isteri mereka di meja yang lain. Ini biasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di kuil-kuil Hindu, apabila bersembahyang juga di sebelahnya lelaki dan di sebelahnya perempuan.

Saya hendak katakan ini bukan kena mengena dengan PAS atau tidak PAS. Ini adalah satu amalan tradition yang selalu diamalkan oleh ramai dan banyak agama dan juga banyak bangsa, hanya pada masa sekarang ada yang lebih advanced ataupun lebih open, ada yang masih di dalam amalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Terengganu bangun ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya baru-baru ini pergi ke negeri Jepun dan yang mengejutkan saya bila saya menaiki kereta api bawah tanah di negeri Jepun, dengan izin, during peak hours, di mana didapati kereta api bawah tanah itu memisahkan lelaki dan perempuan - during peak hours - di mana di waktu pergi ke pejabat dan juga pulang dari pejabat, mereka mempunyai koc-koc yang tertentu, yang hanya dibenarkan wanita sahaja dan terpisah dari lelaki.

Jadi, saya bertanya kepada kawan daripada Jepun itu, dia menyatakan oleh kerana masalah sosial yang begitu berat - minta maaf - masalah meraba di dalam kereta api itu menjadi suatu fenomena yang begitu berat, yang begitu besar di Jepun. Salah satu pendekatan yang mereka ambil adalah mengadakan koc yang berlainan antara lelaki dan perempuan.

Jadi, ini bukan berlaku di Afghanistan tetapi di sebuah negara yang begitu advanced dan mereka mengambil ini dari sudut akhlak, dari segi morality. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Yang keduanya, ada satu lagi, yang keduanya cadangan yang telah dibuat oleh Presiden Persatuan-persatuan Hotel di Pulau Pinang - saya lupa namanya, dia mencadangkan supaya hotel-hotel di Pulau Pinang mengambil pandangan supaya mengadakan swimming pool yang berasingan di antara lelaki dan perempuan oleh kerana bertambahnya bilangan pelancong-pelancong daripada negara-negara Timur Tengah. Ia adalah seorang yang berbangsa Cina dan dia kata, kita kena menghormati adat resam dan pegangan agama daripada tetamu-tetamu kita terutamanya bilangan pelancong-pelancong daripada Timur Tengah yang begitu ramai, yang datang ke Pulau Pinang sekarang ini, yang menginap di hotel-hotel yang

mahukan supaya diadakan swimming pool yang berasingan di antara lelaki dan perempuan. Dan ini juga bukan pandangan seorang pimpinan Taliban daripada Afghanistan. Minta pandangan.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya sebagai wanita, saya memang bersetuju dengan apa yang dilakukan di Jepun kerana ia untuk mengelakkan sexual harassment di atas train itu dan bukan sahaja di Jepun ada juga di negara lain di mana teksi juga dikhaskan untuk perempuan sahaja, ini untuk keselamatan dan bukan kerana agama. Dan apa yang dilakukan saya tidak hairan kalau di masa depan apabila kita mendapatkan ramai pengunjung atau pelancong dari Middle East, kita akan mengadakan swimming pool yang berasingan. Ini adalah market forces - permintaan - dan kalau ada market forces ia akan ada supply dan kepada saya asasnya ia tidak memaksakan saya juga berbuat demikian.

Kalau saya diberi pilihan di mana swimming pool yang saya hendak guna, itu saya boleh terima dan juga kalau kita katakan perempuan dan lelaki berasingan, sudah lama diamalkan apabila membeli tiket di panggung wayang di Pulau Pinang dan di Kuala Lumpur. Saya rasa pun dipisahkan. Sudah lama diamalkan, adil ini bukan katakan ada PAS atau dilakukan oleh PAS atau tidak hanya kita perlu melihat dengan pandangan yang lebih luas terutama dengan pertimbangan yang lain dan bukan hanya agama sahaja. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan.

4.36 ptg.

Tuan Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin turut melontar pandangan saya berhubung dengan pindaan Akta Duti Hiburan 2001 di mana kita semua maklum pada satu ketika di Dewan yang mulia ini juga kita telah membahaskan satu perkara iaitu berhubung dengan permainan video terbuka di seluruh negara dan alhamdulillah dengan pandangan-pandangan bernas daripada rakyat dan semua masyarakat, maka video terbuka kepada seluruh masyarakat ini telah ditutup sehinggalah pada hari ini.

Dengan kesan daripada penutupan itu banyak mendatangkan manfaat sama ada kepada ibu bapa dan juga murid-murid sekolah. Walau bagaimanapun, satu fenomena baru berlaku di mana satu lesen dinamakan lesen cyber café, pada kita ia bertujuan sebagai hiburan untuk pendidikan tetapi malangnya cyber café ini

digunakan pula pada hari ini secara terbuka beroperasi hampir-hampir 24 jam, kalau di Kota Kinabalu hampir semua pekan dan bandar-bandar baru ada cyber café, dia punya operasi berjudi haram secara terbuka iaitu bermain roulette, kuda dan sebagainya. Yang menghairankan saya, tidak ada satu pun enforcement ataupun mana-mana pihak yang cuba menghalang permainan ini. Ianya bukan sahaja melibatkan orang-orang profesional dan sebagainya tetapi juga murid-murid sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, ini penggunaan wang terlalu banyak, kita beranggapan setelah penutupan video game ini pada satu ketika dahulu, kita sudah selamat daripada elemen-elemen yang negatif ini, tetapi malangnya perkara ini masih berterusan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, selain daripada penguatkuasaan daripada pihak polis, tidakkah kerajaan berhasrat menubuhkan satu pasukan khas untuk memantau perkembangan ini sekali gus? Kalau didapati operasi ini berjalan, maka lesen-lesen yang dikeluarkan hendaklah ditutup serta merta kerana ini merugikan bukan sahaja kerajaan tetapi kebanyakan rakyat dan juga anak-anak sekolah yang terdedah dan begitu terbuka kepada elemen-elemen yang tidak sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, demikian jugalah pada saya elemen-elemen seperti kumpulan *Black Metal* yang telah diperdebatkan di semua sudut, sama ada di Dewan ini, di kedai kopi, di kaki lima dan sebagainya kerana konon-kononnya *Black Metal* ini telah mencetuskan satu unsur negatif kepada sasarannya iaitu budak-budak remaja. Dan bagi pihak pembangkang pula, mereka telah menuduh kerajaan kononnya memperbesar-besarkan isu aktiviti *Black Metal* ini seperti wakil daripada Bukit Mertajam kerana menuduh kerajaan sengaja memperbesar-besarkan isu ini.

Jadi, inilah buktinya pembangkang sudah tidak relevan kerana apabila kerajaan menyatakan ada unsur-unsur seperti ini, mereka mengatakan kita memperbesar-besarkan isu ini, sedangkan perkara ini berlaku. Pembangkang harus berterima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan tidak ada hiding ataupun tidak melindungi aktiviti ini, bahkan pihak polis pun telah membuat perakuan bahawa memang wujud unsur-unsur sebegini.

Justeru itu, saya memintalah kepada semua kita wakil rakyat, harus ada pertanggungjawaban walaupun sama ada di pihak pembangkang mahupun di pihak kerajaan, mana-mana isu yang boleh mengheret masyarakat dan negara kita ke satu arah yang memusnahkan masa depan negara kita, kita sama-sama berdiri

mempertahankan kebenaran. Jangan sengaja menuding jari kepada pihak yang lain, semata-mata ingin mendapat keuntungan politik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kubang Kerian minta penjelasan Yang Berhormat. Ada yang minta penjelasan.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Saya ingin penjelasan daripada Kinabatangan, gejala *Black Metal* ini yang telah berlaku terutama sekali di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis dan terutama sekali di kawasan perindustrian, Sungai Petani pun ada terlibat, banyak di situ. Bolehkah tidak Yang Berhormat dapat sedikit gambaran, fasal apakah negeri-negeri yang saya rasa telah diperintahkan oleh Barisan Nasional begitu lama, wujud gejala kekosongan jiwa sehingga *Black Metal* ini begitu berakar umbi di tempat-tempat ini?

Tuan Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat Kubang Kerian, kekosongan jiwa ini bukan disebabkan Barisan Nasional yang memerintah kerana kalau kita lihat siapa kerajaan yang memerintah, di Kelantan apa kurangnya, yang tukang rogol kebanyakan dari Kelantan, pengedar dadah dari Kelantan, pesakit AIDS dari Kelantan, tetapi ini soalnya kerana negara sudah terbuka, dunia global. Jadi, exists seluruh masyarakat itu ada, kadang-kadang nelayan pun di perahunya ada komputer, ada Internet.

Oleh kerana itu, kita harus terbuka, itu sebabnya saya katakan tadi kita harus membincang secara relevan, secara rasional kerana perkara ini mungkin boleh melanda keluarga kita, atau anak kita mungkin. Tidak dapat kita nafikan kalau kita tidak bendung sama-sama, gejala ini akan menular bukan sahaja di bandar bahkan sasaran kumpulan-kumpulan ini adalah pelajar-pelajar daripada kampung kerana mereka tidak ada agenda, mereka cuma ingin syok sendiri, ingin menikmati hiburan secara terbuka.

Puncanya bukan sebab Kelantan itu PAS ataupun di negara ini BN. Sebabnya adalah keadaan, dunia terbuka ini dan kemudian belia-belia kita sama ada daripada luar bandar berhijrah ke bandar jiwa mereka kosong. Mungkin ibu bapa mereka memberi mereka pengajaran tetapi mereka memang sudah tidak mahu menerima pengajaran-pengajaran yang telah diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun lagi.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak bincang secara rasional, tetapi cara Yang Berhormat jawab tadi macam kurang rasional.

Adakah ini juga kerana kegagalan sistem pendidikan kita sehingga sistem pendidikan kita bukan sahaja tidak berkesan untuk mengisi kekosongan jiwa dan inilah sebahagian daripada akibatnya, ataupun gejala-gejala negatif yang begitu kuat melanda sehingga kita tidak ada satu kawalan yang boleh menyekat belia-belia ini terlibat dengan kedua-dua unsur ini, kekosongan jiwa kerana kegagalan sistem kita dan juga abainya kerajaan sehingga ancaman-ancaman dan kuasa-kuasa negatif berleluasa dalam masyarakat, begitu lama kerana pembangunan negara kita berorientasikan kepada pembangunan material semata-mata.

Adakah ini menjadi sebahagian daripada sebab gejala *Black Metal* ini wujud dengan agak berleluasa di negeri-negeri di utara Semenanjung.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ha, ini yang jadi masalah. Kita bercakap benar dikatakan kita tidak rasional. Sebetulnya sistem itu tidak ada salahnya. Apa juga sistem dalam dunia ini sama sahaja. Yang masalahnya perilaku manusia itu di mana saya ingin menyatakan, Yang Berhormat mengatakan bahawa sistem di Malaysia ini cuma mengutamakan material. Kalau kita negara Malaysia ini mengutamakan material semata-mata, tidak akan adalah negara-negara Islam datang ke sini ingin melihat, ingin meninjau perkembangan pentadbiran Malaysia walaupun kita bukan seperti yang PAS mahukan iaitu berlandaskan hukum hudud ataupun Islam dan sebagainya tetapi negara Malaysia menjadi contoh dan teladan kepada negara-negara yang seratus peratus Islam. Orang belajar dengan kita.

Itu sebabnya pada hari ini saya mengajak Ahli-ahli Parlimen pembangkang kita sama-sama rasional, sama-sama relevan, kita bagi kerajaan apa yang patut kerajaan lakukan iaitu mengisi jiwa, minda anak-anak muda kita. Ini kerja kita semua. Kalau ini dapat kita lakukan saya rasa negara kita akan aman dan tenteram. Tetapi di pihak sana lain pula, bukan mengisi minda dengan pendidikan yang baik, menghasut, memfitnah dan sebagainya. Jadi, ini akan melemahkan sistem kerajaan. Tetapi insya-Allah, apa pun cara daripada sana sistem kerajaan di bawah Barisan Nasional tidak akan lemah, bahkan kita akan terus memperkukuhkan sistem ini kerana kita yakin sistem ini berkesan untuk membantu dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, tidak kira Cina – Cina dari DAPkah, MCAkah apakah, bagi kita, asal kita di negara Malaysia, kita akan jaga rakyat kita ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat berpandangan bahawa ceramah-ceramah politik dan ceramah agama mesti tidak dihalang daripada diperbanyakkan dengan alasan permit polis dan

sebagainya dan ceramah agama dalam televisyen mesti lebih menarik dengan tidak ada digam tokoh-tokoh agama berkaliber dan tidak diambil daripada satu-satu kumpulan sahaja dan siaran televisyen juga akan menjadi lebih disusun semula dengan cara yang lebih baik, berpendidikan dan juga menarik. Lebih penting lagi saya rasa ceramah agama adalah satu cara untuk mengisi kekosongan jiwa dan tidak patut polis menyekat ceramah ini dengan menghalang permit dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya ini sudah keluar tajuk, bukan lagi dalam Akta Hiburan. Pada saya sebetulnya tidak ada ceramah-ceramah yang terlampau diperketatkan kerana pada saya, daripada statistik yang ada menunjukkan kebanyakan ceramah yang diadakan di Malaysia ini dimonopoli oleh parti pembangkang. Kerajaan sedikit sahaja ceramahnya kalau dibandingkan dengan pembangkang tetapi ceramah yang berbentuk ekstrem polis akan memantau segala ceramah. Kalau ceramah untuk kebaikan, saya rasa kita ini sama-sama rasional, tidak akan ada orang menentang kebaikan. Jadi, setakat di situ ya.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soal pokok. Jadi, pada sayalah....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: Sini dululah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, Tuan Yang di-Pertua, ini soal ceramah agama sebenarnya satu kegiatan yang baik tetapi yang menjadi masalah ialah apabila namanya ceramah agama tetapi pengisiannya fitnah, pembohongan, putar belit yang tidak ada kaitan dengan Islam. Jadi, menggunakan Islam sebagai kulitnya tetapi dalamannya yang jauh berbeza, itu sebabnya kawalan harus dibuat kerana kalau tidak kita takut akidah orang Islam akan menjadi kucar-kacir ataupun akidah orang Islam boleh dipesongkan. Sebab itu kawalan-kawalan tertentu mesti diadakan untuk menentukan pengajaran Islam yang sebenarnya mengikut Islam yang sebenarnya dapat disampaikan kepada rakyat.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Itu pandangan dia, kita terima. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal pokok.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada seorang lagi ya.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ha, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Kinabatangan. Tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa sepatutnya kita memikirkan soal pengisian kekosongan jiwa di kalangan masyarakat anak-anak muda kita untuk menghindari permasalahan gejala sosial khususnya yang terbaru yang menyerang, itulah budaya dan ajaran Black Metal.

Saya bersetuju dengan saranan tersebut tetapi dalam masa yang sama kita melihat bahawa kita menghadapi masalah, pertama, dari sudut pengisian tersebut, dari sudut jumlah waktu dan bentuk pengisian yang tidak mencukupi dan dalam masa yang sama juga kita menghadapi ancaman-ancaman pengaliran budaya-budaya liar dalam masyarakat kita yang memperlihatkan tidak seriusnya kerajaan dalam menangani masalah ini.

Saya mengakui bahawa ada di kalangan pemimpin kerajaan berkata bahawa ini harus ditangani secara yang bijak tetapi dalam masa yang sama kerajaan masih lagi, khususnya Kementerian Kewangan dan juga kementerian-kementerian yang lain yang terlibat dalam soal hiburan ini. Umpamanya, baru-baru ini, semalam saya lihat ada iklan satu konsert Scorpion yang akan diadakan dalam masa dua, tiga hari ini. Walaupun ia bukan daripada aliran Black Metal tetapi saya kira kumpulan ini, dia membawa kepada budaya yang asing daripada masyarakat kita. Apatah lagi iklan-iklan di TV memperlihatkan waktu pertunjukan Scorpion dengan keadaan penonton menari dalam keadaan yang khayal dan sebagainya dan ini boleh menambah-parah lagi masalah kehidupan masyarakat anak-anak muda yang kita katakan bahawa mereka mengalami kekosongan jiwa. Apakah ini menunjukkan bahawa kerajaan hendak mengisi kekosongan jiwa itu dengan perkara yang boleh mendatangkan masalah keburukan kepada anak-anak mu da kita.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih daripada Pokok Sena. Saya memang bersetuju dengan pandangan Pokok Sena bahawa bukan mudah untuk kerajaan secara total memberi pendidikan rohani ini kepada semua masyarakat terutama sekali golongan belia atau remaja. Justeru itu, saya katakan adalah juga menjadi tanggungjawab kita bersama, sama ada daripada pembangkang mahupun dari kerajaan, sama ada yang berjawatan menteri dan sebagainya untuk sama-sama memperbincangkan ke arah mana kita hendak meletakkan generasi masa depan ini dengan cara apa.

Kerajaan sebetulnya memang serius kalau boleh untuk menyekat ataupun membendung segala gejala sosial seumpama ini kerana kita semua sedar bahawa

mana-mana negara kalau generasi mudanya akhlaknya rendah, moralnya tidak ada, jiwanya kosong, maka masa hadapan negara tersebut akan menjadi runtuh dan musnah. Jadi, adakah kita semua, wakil-wakil rakyat ini khususnya bersedia untuk menanti masa hadapan negara kita 40 tahun yang akan datang, melihat negara kita sebuah negara yang musnah kerana ketiadaan moralnya generasi masa hadapan kita. Jadi, pada saya.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hah, hendak bagi pada siapa?

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ha, ini dulu. Ganti-ganti, satu-satu..

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap?

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ha, Padang Terap.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kinabatangan. Saya tertarik dengan saranan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat mengenai dengan masalah bersama. Maknanya, pembangkang ataupun pihak kerajaan melihat bersama-sama tentang masalah akhlak ini dan di antara yang menyebabkan keruntuhan akhlak ini ialah setengah-setengah daripada acara hiburan yang ada di dalam negara kita dan di negara-negara lain. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan Kelantan cuba mengambil satu pendekatan Islam berasaskan kepada ayat Al-Quran *[Membaca ayat tersebut]* “*Hendaklah memberitahu kepada orang Mukmin supaya sentiasa memelihara pandangan mereka*” terhadap perkara yang seumpama ini.

Jadi, pendekatan yang dibuat oleh kerajaan Kelantan itu berasaskan kepada ayat Quran, jadi kita sebagai orang Islam – orang PAS Islam, orang UMNO Islam, apakah tidak bersetuju dengan cara ini. Kadang-kadang saya nampak, macam tadi ada dua, tiga orang wakil daripada UMNO menunjukkan kejahatan mereka tentang perkara ini. Dia seolah-olah memandang sinis kita hendak melaksanakan dengan cara Islam. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cara itu?

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ini sebetulnya tidak ada penentangan. Cara Islam itu sebagai orang Islam kita bersetuju, cuma melihat pokok negara kita ini. Apabila kita laksanakan satu sistem yang boleh menguntungkan satu kaum sahaja, maka negara kita mungkin akan menjadi porak-peranda kerana ketidakpuasan di

antara kaum-kaum yang lain. Justeru itu, di samping mengutamakan sistem negara Islam walaupun bukan seratus peratus negara ini penduduknya orang Islam kerana kita negara majmuk – bercampur-campur tetapi alhamdulillah, sistem yang kita tampilkan kepada masyarakat lain boleh diterima kerana kita tidak ekstrem.

Saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Padang Terap kerana sebagai orang Islam kalau boleh saya lebih suka sistem ini dapat kita laksanakan tetapi tidak bolehlah kita laksanakan secara mengejut kerana kita masih ada faktor-faktor lain yang harus dipertimbangkan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...Yang Berhormat...mintalah bercakap berkenaan dengan Akta Duti Hiburan ini ya. Yang lain itu mintalah dipendekkan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ya. Saya ingat saya mahu sambung sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat ya. Sila berucap di atas rang undang-undang ini.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ya, ini saya berucaplah ini Tuan Yang di-Pertua. Jeli, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua sudah tegur. Jadi, apa yang dapat kita lihat bahawa.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: ...*[Ketawa]*....okay.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi ada Yang Berhormat menyebut bahawa masalah-masalah gejala sosial kesan daripada pusat-pusat hiburan ini sebab daripada pusat-pusat hiburan ini wujud pelbagai gejala – pil ecstasynya, dadah, masalah kemalangan jalan rayanya kerana orang mabuk kerana minum di pusat hiburan dan sebagainya cukup banyak.

Sebab itu Yang Berhormat kata tadi bahawa masalah gejala ini bukan masalah PAS, bukan masalah UMNO, semua rakyat harus bersatu untuk menanganinya. Saya bersetuju bahawa kita tidak seharusnya menyalahkan sesiapa tetapi dalam masa yang sama sebagai sebuah kerajaan dia seharusnya mengambil tanggungjawab yang lebih untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada.

Apa yang saya lihat pada hari ini bahawa walaupun kita ada akta, kita ada undang-undang dan sebagainya kadang-kadang pengawalan terhadap kewujudan

pengoperasian pusat-pusat hiburan ini tidak serius ditangani oleh pihak kerajaan. Umpamanya, umur di bawah 18 tidak boleh masuk tetapi daripada satu kajian yang dibuat oleh satu pihak khususnya di Pulau Pinang, kebanyakan penghuni dan pengunjung kepada pusat hiburan, disko, disko dut dan sebagainya terdiri daripada mereka yang di bawah umur, sama ada mereka yang mengunjung ataupun mereka yang bekerja. Sehingga ada wanita-wanita yang bekerja yang merupakan antara umur 15 hingga 16 bukan sahaja bekerja untuk *serve* minuman keras dan sebagainya tetapi untuk *serve* tubuh badan mereka kepada pengunjung-pengunjung secara yang bertentangan dengan agama dan juga undang-undang yang terdapat. Ini berlaku dalam negara kita.

Sebab itu saya kira bahawa memperlihatkan di sini serius ataupun tidak kerajaan itu sangat dipersoalkan, menunjukkan bahawa walaupun kita wujudkan undang-undang, kita bahas di sini tetapi penguatkuasaannya, kita akan berhadapan dengan masalah penguatkuasaan undang-undang itu sendiri.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih. Ini saya amat bersetuju. Saya sokong seratus peratus. Sebab itu saya berdiri di sini, saya ingin berkongsi dengan Pokok Sena, ingin menyarankan kepada kerajaan supaya kalau boleh, bukan sahaja di masa hadapan akta sebegini dipinda. Kalau boleh *enforcement* atau penguatkuasaan itu sendiri kerana pada saya terdapat laporan-laporan di mana terdapat beberapa pusat hiburan, lesen mereka diberi untuk tujuan yang baik tetapi apabila diberi lesen mereka menjalankan operasi yang berlainan seperti tarian bogel dan sebagainya, show dan sebagainya. Apabila dibuat laporan datang *enforcement*, show itu sudah tidak ada, dia balik kepada sedia kala.

Oleh itu, saya meminta, itu sebab saya kata sistem kita tidak salah tetapi manusia yang menjalankan kerja-kerja itu yang salah. Justeru itu, kita pendokong, pengamal, pembuat dasar di sini membuat cadangan khususnya kepada kerajaan, sama-sama kita meminta kerajaan supaya penguatkuasaan ini bukan sahaja bergantung kepada polis ataupun pihak-pihak kerajaan tempatan tetapi menubuhkan satu pasukan khas ataupun penguatkuasaan khas untuk memantau aktiviti-aktiviti di semua lesen hiburan kerana kalau tidak dilakukan ini, maka kita rugi dalam banyak perkara. Rugi dari segi masyarakat, rugi dari segi akidah, akhlak dan sebagainya, kerajaan juga mungkin akan bertembung dengan pelbagai masalah di hadapan kalau kita tidak bendung gejala-gejala negatif ini. Ya, silakan Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih. *[Disampuk]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Nampaknya kita sependapat dan sepakat bahawa yang penting ialah penguatkuasaan (*enforcement*) yang paling penting untuk mengatasi masalah yang berlaku ini. Tetapi tidakkah Yang Berhormat bagi Kinabatangan melihat bahawa dua insiden yang lepas, yang berlaku umpamanya telah ditetapkan oleh Enakmen Negeri Selangor wanita-wanita Islam tidak dibenarkan untuk menyertai ratu cantik, maka Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, pihak polis dan juga jabatan-jabatan penguat kuasa yang lain telah bersama-sama secara sepakat menyerbu tempat diadakan pertandingan ratu cantik, lalu ditangkap wanita-wanita Melayu, wanita-wanita Islam yang memasuki pertandingan ratu cantik. Tetapi apabila tangkapan dibuat, bila pendakwaan dibuat tiba-tiba mereka ini diperlekeh dan mereka dipersalahkan sebelum dihukum yakni pihak-pihak penguatkuasaan yang diketuai oleh Sahibul Samahah bekas Mufti Negeri Selangor, itu insiden pertama.

Insiden kedua, banyak jabatan yang terlibat - polis, majlis perbandaran dan juga Jabatan Agama Islam sekali lagi di Selangor terlibat dari segi hendak menyasiat kegiatan di The Ship, Damansara dan mereka secara terang-terang menangkap mereka yang terlibat dengan gejala-gejala akhlak tidak sihat tetapi sekali lagi mereka dibuat pelbagai tuduhan sehingga mereka dijatuhkan hukuman sebelum pengadilan, ini menyebabkan jabatan-jabatan yang terlibat dengan penguatkuasaan takut dan bimbang untuk melakukan serbuan-serbuan berikutnya.

Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan supaya selepas daripada ini serbuan-serbuan berani dilakukan oleh jabatan-jabatan yang diberi tanggungjawab oleh rakyat untuk melakukan serbuan tersebut. Minta penjelasan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Sebetulnya ini pada saya bukan salah siapa kerana ini selalu berlaku, mereka yang diberi kuasa untuk meng*enforce* atau melakukan penguatkuasaan mereka merasa diri mereka adalah hakim, apabila mereka dapat authority daripada pihak atasan mereka terus serbu orang tanpa ada peri kemanusiaan.

Yang diserbu inipun manusia juga, mereka pun ada hak untuk dipertahankan. Jadi, persoalan yang berlaku ialah timbul kekeliruan di antara penguat kuasa dan juga orang yang didakwa, mungkin manusia itu berada di sana tetapi dia dengan urusan lain, dia pun turut ditangkap dengan kekerasan.

Sebab selaku manusia, kita juga manusia dan selagi kita manusia kita bukan orang-orang yang maksum, kita bukan orang yang baik-baik kerana banyak lagi kes contoh tetapi saya tidak mahulah kerana ini melibatkan Ahli Parlimen kita yang lain. Macam Ahli Parlimen kita yang ditangkap khalwat tetapi bebas, lepas, tidak ada bukti jadi bererti tidak ada buktilah, kita ikut apa yang telah diperakui oleh pihak-pihak yang diberi *authorize* mengatakan bahawa tidak ada bukti.

Jadi, saya ingin menyambung, Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin penggulungan yang terakhir di mana saya meminta supaya kementerian kalau boleh memperketatkan pemantauan dan juga penguatkuasaan. Kalau boleh lesen-lesen *cyber café* yang merata-rata tempat seperti cendawan tumbuh di negeri Sabah khususnya dapatlah ditutup lesen ini serta -merta kerana ianya merugikan masyarakat, rakyat dan kerajaan itu sendiri.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. [Ketawa] Ada yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Beri.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Berilah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia kawan baik saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Soal penguatkuasaan seperti tadi yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jeli tentang ada pegawai daripada Majlis Agama ataupun Jabatan Agama Islam khususnya di Damansara di pusat hiburan The Ship.

Walaupun tadi disebut oleh Yang Berhormat mengatakan bahawa mereka tidak didakwa kerana salah tangkap tetapi bagi saya bahawa itu bukan soal salah tangkap tetapi soal kerana ada *interfere* daripada luar untuk menghalang pendakwaan itu dibuat sedangkan disiar dalam akhbar tempatan gambar secara jelas mereka sedang meminum arak, meminum minuman keras, itu bukan salah tangkap. Gambar secara jelas yang dibuktikan ada pegawai daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sendiri yang sedang menangkap mereka, mereka sedang berada dalam keadaan meminum minuman keras, ini menunjukkan bahawa kerajaan sendiri tidak serius saya katakan bahawa dalam soal penguatkuasaan, sepatutnya dalam hal-hal yang sebegini rupa kerajaan seharusnya bertindak secara yang lebih serius.

Pernah suatu ketika dahulu dalam Daerah Polis Dang Wangi pada waktu itu Ketua Polis Dang Wangi, di Jalan Campbell ialah Encik Fauzi – kalau tidak silap ingatan saya, apabila polis membuat serbuan ke pusat-pusat hiburan ini pada waktu itu keluar kenyataan daripada bekas Menteri Pelancongan kita macam menempelak pasukan polis yang membuat serbuan di pusat-pusat hiburan kerana ini akan menyebabkan pelancong-pelancong takut untuk datang ke negara kita sedangkan dalam masa yang sama terus kita mengizinkan dan membiarkan budaya-budaya seperti ini menjalar dalam kehidupan masyarakat kita, merosak dan memberi ancaman kepada kehidupan anak-anak muda kita.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut di sini ialah minta pertanyaan daripada Yang Berhormat bahawa kita bukan sekadar untuk hendak kuat kuasa undang-undang tetapi dalam masa yang sama kita tidak seharusnya menimbulkan kecelaruan di kalangan anak-anak muda ni sehinggakan mereka pun tidak tahu pilih, kami hendak pilih perkara-perkara yang berkaitan dengan agamakah ataupun kami hendak pilih jalan-jalan yang boleh merosakkan kehidupan beragama kami.

Contohnya, kadang-kadang masyarakat menjadi keliru kerana kenyataan-kenyataan di kalangan kita sendiri, di kalangan pemimpin-pemimpin masyarakat yang berhubung kait dengan soal hidup beribadah sebagai seorang Islam. Umpamanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah di suatu ketika di Sekolah Menengah Agama Irshad cuba menyalahkan pencapaian akademik anak-anak Melayu Islam ini menurun disebabkan oleh kerana mereka lebih banyak terlibat dalam program-program Qiamullail, bangun buat ibadah di tengah malam, program kuliah subuh sehingga menjadikan pelajar-pelajar dan anak-anak berfikir yang itu salah, yang ini salah, apa yang harus kami buat. Akhirnya, timbullah budaya-budaya *Black Metal* yang menjadi anutan mereka sebab mereka merasai bahawa hidup beragama salah, hidup beribadah pun salah, akan dikritik, akan ditegur, itu salah, ini salah

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi, tidak seharusnya

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...kenyataan-kenyataan seperti ini dikeluarkan oleh....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukan minta penjelasan itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:oleh pemimpin-pemimpin utama dalam negara kita.

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Okay. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan penjelasan, ini berhujah. Jadi, ada sedikitlah yang saya tangkap tempias-tempiasnya. Sebetulnya apa yang berlaku di The Ship, Damansara di mana banyak yang ditangkap dan kita juga dapat melihat banyak yang dihukum tetapi yang tidak bersalah dilepaslah, yang betul-betul bersalah dia memang dihukum dan ditangkap. Ini masalah Yang Berhormat bagi Pokok Sena *[Yang Berhormat bagi Pokok Sena sedang menelefon]* saya cakap dan dia menelefon. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena kita sama-sama mencari jalan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: ...jangan kita apa ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat kita memakan masa panjang sangat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Beri sedikit sahaja, beri sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Bung Moktar bin Radin:ha, sedikit penghabisanlah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya minta Yang Berhormat bagi Kinabatangan betulkan sedikitlah kenyataan Yang Berhormat bagi Pokok Sena sebenarnya apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila merosotnya pelajaran kerana setengah anak-anak diberatkan Qiamullail daripada pelajaran, bukan dia menentang kegiatan-kegiatan yang lain tetapi kegiatan yang utama bagi penuntut ialah belajar dan menelaah kerana menelaah dan belajar itu juga sebahagian daripada ibadat.

Jadi, itu tanggungjawab seorang penuntut dan ini yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kadang-kadang inilah putar-belit parti pembangkang yang kadang-kadang ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak difahami contentnya dalam isu ucapan itu. Ini yang menjadikan bercelarnya masyarakat kerana parti pembangkang amat mudah memutar-belitkan kerana mereka mungkin sengaja tidak mahu faham, bukan tidak faham.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, itulah seperti yang saya perelaskan bahawa kita semua harus mencari satu formula atau kaedah yang baik, jangan hanya menuding jari di antara satu dengan yang lain.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading, tidak ada salahnya dan kerajaan tidak pernah menghalang mana-mana sekolah atau pelajar-pelajar menelaah apa juga ilmu pendidikan sama ada dunia dan akhirat kerana amalan ini kedua-duanya harus diseirinkan. Cuma mungkin dalam dunia sekarang ini kita kena memperlengkapkan diri kita dengan kedua-dua elemen, ilmu pendidikan dunia dan akhir. Kalau kedua-dua ini ada saya percaya negara kita, masyarakat kita akan menjadi maju.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang terakhir saya sudah mahu menggulung, nanti lain kali.

Sebagai yang terakhir, memang jelas bahawa unsur-unsur negatif ini memang datangnya daripada pusat-pusat hiburan sama ada pusat hiburan berbentuk apa sekalipun, sama ada video centerkah, cyber cafekah, karaokekah, di skokah, di situlah berpuncanya unsur-unsur negatif ini yang boleh menghancurkan masa depan remaja-remaja kita ini.

Justeru itu, penguatkuasaan harus melaksanakan kewajipan mereka secara rasional jangan diberi kuasa, mereka menyalahgunakan kuasa, jangan diberi mandat, mereka jadi tali barut kerana perkara yang mahu ditangkap setengah jam sudah tidak ada, sudah selesai semuanya. Jadi, penguat kuasa bukan sistem itu tetapi pelaksanaan daripada penguatkuasaan itu. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Kuala Terengganu.

5.10 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin untuk turut berbahas tentang Akta Duti Hiburan (Pindaan) 2001 ini dalam konteks beberapa pindaan yang dibuat yang saya kira paling penting bagi kita di dalam Dewan yang mulia ini dalam membahaskan akta ini adalah dari segi memahami takrif 'entertainment' di bawah pindaan Seksyen 2 ini di mana hiburan (entertainment) itu termasuklah kalau kita mengikut pentafsiran daripada Akta Duti Hiburan ataupun Akta Ibu tahun 1953 dengan pindaan yang ada, "*Hiburan itu termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan, permainan atau sukan yang kepadanya orang-orang dibenarkan masuk dengan bayaran*". Dan

tambahan yang dibuat di dalam pindaan akta ini ialah dengan memasukkan, *“Atau mana-mana pentafsiran seperti yang diwartakan oleh Menteri Kewangan.”*

Jadi, ini juga suatu yang begitu penting dalam kita membuat pentakrifan kepada apa itu yang dimaksudkan tentang *entertainment* ataupun hiburan itu sendiri dan dengan penambahan kuasa yang diberikan kepada Menteri Kewangan ini untuk mentafsirkan tentang hiburan ini sudah barang tentu kita dapat melihat dengan lebih mendalam ataupun dengan lebih jelas tentang permasalahan-permasalahan yang saya kira telah pun banyak diperkatakan oleh rakan-rakan, Ahli Yang Berhormat dalam membahaskan perkara ini terutamanya tentang persoalan *Black Metal* yang tadi pun disebut.

Bagi saya, saya melihat Tuan Yang di-Pertua, permasalahan kita di sini adalah kita seolah-olah mempunyai penyakit ‘sudah terhantuk baru terngadah’ sesudah masalah dalam masyarakat begitu teruk baru kita cuba mencari jalan-jalan penyelesaian dan cara yang terbaik adalah menyalahkan remaja-remaja ataupun anak-anak muda. Saya ingin membaca apa yang disebut ataupun yang ditulis oleh seorang penulis dengan izin, dengan Bahasa Inggerisnya, *“By blaming Black Metal musicians for the existence of cults they are being neither honest, fair, nor realistic. What these people are doing is trying to find a convenient way out.”* These people i.e. kebanyakannya adalah politicians; *“To find a convenient way out to escape having to explain why these youngsters are dissolution enough to turn to forming cults. What we have hear is a simple case of people clutching at straws to solve a problem, the authorities has no idea why these cults has started and so they throw blame in every possible direction to create the illusion that they are trying to solve things.”*

Tuan Yang di-Pertua, inilah realiti di negara kita, dua tiga tahun dahulu kita bercakap masalah remaja dengan bohsiannya, bohjannya, bohdesnya. Kita bercakap tentang masalah dadah dan sebagainya sedangkan statistik-statistik di hadapan kita setiap hari bertambah dari segi permasalahan sosial yang ada di negara kita ini sendiri. Ahli-ahli politik terutamanya di kalangan pemerintah sendiri mencari alasan-alasan yang paling mudah iaitu ‘to blame the youth’ – menyalahkan anak-anak muda terhadap apa yang sedang berlaku ini.

Saya lihat di dalam pindaan yang ada ini sebenarnya kuasa yang besar adalah di tangan pihak pemerintah sendiri ataupun Menteri Kewangan sendiri dengan kuasa yang ada, dengan boleh memberikan pentakrifan-pentakrifan

terhadap apa itu *entertainment* dan apa juga pindaan-pindaan terutamanya di bawah seksyen 18, seksyen 20 yang boleh *reenforce*, dengan izin, undang-undang yang ada di negara kita. Kita tidak mahu melihat persoalan-persoalan ini. Saya yakin mungkin sekarang ini panas dengan apa yang disebut dengan *Black Metal*, lima enam bulan kemudian akan datang perkara baru pula yang akan dibahas pula oleh semua masyarakat dalam Dewan ini juga, semuanya akan berbahas mengenai suatu perkara yang baru.

Kalau kita lihat, kalau kita meninjau balik ke belakang sedikit bagaimana di Dewan ini juga membahas soal bohsia, soal bohjan, soal penagihan dadah dan sebagainya sedangkan persoalan itu tidak dapat kita selesaikan sampai sekarang, semuanya dengan izin, '*sweeping under the carpet*' tentang permasalahan-permasalahan sebenar yang sedang wujud di negara kita.

Saya tetap yakin, Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang ada sekarang adalah di tangan pemerintah kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Kalau dengan izin, mereka *have the will power* untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan ini dengan pindaan yang ada., sudah barang tentu, ianya boleh menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang wujud.

Tadi juga, beberapa orang Ahli Yang Berhormat menyebut tentang penularan *cyber cafe*. Di sini juga, saya ingin memberikan cadangan, Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan ini, dengan kuasa yang ada pada menteri ini, untuk memberikan suatu penakrifan yang sebenarnya kewujudan *cyber cafe* ini. Apakah *cyber cafe* ini suatu pusat memberikan pendidikan yang positif kepada remaja ataupun *cyber cafe* ini satu pusat hiburan yang boleh membawa kepada unsur-unsur yang negatif yang akan menghancurkan generasi muda yang akan datang? Perlu ada penyelarasan di antara negeri-negeri ataupun daerah-daerah di seluruh Malaysia dari segi kewujudan *cyber cafe*. Rakan kita daripada Sabah tadi pun telah menyebut tentang permasalahan yang ada di Sabah sendiri, di kawasan beliau sendiri dari segi penularan *cyber cafe*. Sekarang ini, tidak ada suatu, dengan izin, *stream line* perundangan antara negeri-negeri, yang pertamanya dari segi had umur. Berapa sebenarnya had umur remaja yang boleh dibenarkan untuk masuk ke dalam *cyber cafe* ini?

Ada negeri kata 16 tahun, ada negeri kata 18 tahun, ada negeri kata *below* 12 tidak boleh masuk, dengan izin. Ini yang berlaku. Yang keduanya dari segi perisian yang wujud di dalam *cyber cafe* ini sendiri. Bentuk perisian, adakah ianya

berbentuk *educational* ataupun lebih berbentuk hiburan semata-mata ataupun yang lebih teruk lagi ataupun unsur-unsur pornografi yang wujud di dalam apa yang disebut sebagai *cyber cafe* ini sendiri.

Begitu juga dari sudut jam beroperasi, tidak ada suatu penyelarasan dari segi jam beroperasi. Ada negeri yang menyatakan sampai pukul 10.00 malam, ada negeri yang hanya menyatakan sampai pukul 8.00 malam, ada negeri yang sampai pagi pun, *cyber cafe* ini beroperasi. Dan saya mengharapkan dengan kuasa dan pindaan yang ada pada menteri, boleh memberikan suatu penyelarasan kepada seluruh negara kita, terutamanya kedudukan ataupun penakrifan yang mahu kita wujudkan ke atas *cyber cafe* ini. Adakah ianya pusat hiburan ataupun pusat yang memberikan pendidikan kepada golongan remaja terutamanya.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks kita melihat kekosongan jiwa di kalangan remaja, kalau kita mengambil berkaitan apa yang sedang kita bincangkan di bawah pindaan-pindaan yang ada ini, dari segi hiburan ini sendiri. Saya telahpun menyebut minggu lepas tentang peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat korporat transnasional, syarikat-syarikat yang besar, yang memiliki sumber kewangan yang berbilion-bilion ringgit. Mereka mempunyai kuasa beli yang begitu besar. Syarikat-syarikat rokok terutamanya, British American Tobacco, Philip Morris, Japan Tobacco, mereka mempunyai kuasa beli yang begitu besar dengan sumber kewangan yang ada pada mereka. Sebab itulah, sebagai contoh yang saya berikan Japan Tobacco, mereka menaja apa yang disebut sebagai *Salem Cool Planet* yang berlaku di negara kita.

Jadi, ini kuasa yang ada pada menteri, bagaimana penafsiran mereka terhadap hiburan yang mereka akan benarkan dalam konteks *Salem Cool Planet* ini. Sebagaimana yang disebut oleh Pokok Sena tadi, kebenaran-kebenaran yang kita berikan, apakah kita telahpun melihat, ataupun membuat kajian-kajian yang mendalam terhadap kesan yang boleh dikenakan ataupun yang diberikan kepada golongan remaja kita?

Kita hanya mahu *blame*, ataupun meletakkan kesalahan kepada anak-anak muda, anak muda ini, itu dan sebagainya. Tangan kanan kita menyekat sedangkan dalam masa yang sama, tangan kiri kita melaksanakan ataupun memberikan laluan kepada keruntuhan golongan remaja kita. Saya harap dengan perubahan-perubahan yang ada ini, menteri melihat ataupun memberi suatu keutamaan yang lebih kepada perubahan-perubahan yang sedang berlaku ini dan janganlah kita

mencari jalan mudah meletakkan kesalahan kepada golongan remaja semata-mata. Kuasa sekarang ini, saya sekali lagi ingin pertegaskan bahawa kuasa yang ada sekarang ini, adalah di tangan pemerintah kerajaan UMNO dan Barisan Nasional.

Kalaulah semuanya bercakap tentang betapa negatifnya kesan yang berlaku terhadap golongan remaja dan juga masyarakat sekarang ini, masalah pomografi, kelucahan, masalah *cyber cafe*, yang membawa kepada kelucahan dan keruntuhan akhlak, masalah Heavy Metals dan sebagainya, kita perlu mencari suatu jalan penyelesaian yang segera supaya tidak berulang-ulang kita memperbincangkan perkara yang sama, yang sebenarnya boleh diselesaikan oleh pemerintah ataupun kerajaan UMNO ataupun Barisan Nasional.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Haah, Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya rasa hendak perbetulkan sedikit Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Bila masa kerajaan menyalahkan remaja? Kerajaan tidak pernah menyalahkan remaja di dalam hal-hal keruntuhan akhlak ini. Yang dibuat oleh kerajaan, ialah mencari jalan dan berikhtiar bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja yang rosak akhlaknya.

Jadi, kerajaan tidak menyalahkan remaja. Jadi, saya harap kenyataan itu perlu diubah di mana kerajaan Barisan Nasional yang memang bertanggungjawab sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja, maka itu, kerajaan dengan tanggungjawab yang ada, mengambil peranan untuk memberikan pelbagai panduan dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah. Jadi, bukan kerajaan menyalahkan remaja. Terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi, dalam konteks bila kita meletakkan, ataupun kita meletakkan dalam keadaan di mana remaja yang dikatakan terlibat dengan *Black Metal* ini, gambaran yang diberikan oleh media sendiri ataupun kenyataan-kenyataan oleh pemimpin-pemimpin negara kita sendiri yang meletakkan, kalau kita lihat akhbar dalam tiga, empat hari ini bagaimana gambaran yang diberikan tentang gejala *Black Metal* ini, kita memang tidak bersetuju dengan *Black Metal* ini sendiri, tetapi kita perlu faham bahawa ini bukan satu perkara baru, *nothing new*, di kalangan penggiat-penggiat muzik ataupun orang yang berminat dengan muzik ini. *It's nothing new to them*, dengan izin.

Dari segi *Black Metal* ini, lagu-lagi di dalam *Black Metal* yang membawa ataupun yang memuja sesuatu unsur yang kita kira *superficial*, satu unsur yang memuja kematian dan sebagainya, bukan suatu perkara yang baru. *Nothing new*.

Jadi, bila sahaja digembar-gembur dan dibesar-besarkan suasana ini, yang telahpun wujud di dalam masyarakat ataupun dalam remaja ini, dan seolah-olah menuding jari kepada golongan remaja ini yang terlibat dengan *Black Metal* ini seolah-olah kita mahu mencuci tangan kita, mencuci tangan kita tentang permasalahan yang ada, kita orang-orang yang terutamanya yang mempunyai kuasa pemerintahan ini, yang diberikan kuasa pemerintahan ini, kita mahu mencuci tangan kita terhadap apa yang sedang berlaku.

Saya telahpun memberikan contoh-contoh tadi, bagaimana syarikat-syarikat korporat transnasional, menaja program-program yang kalau kita membuat kajian, kalau kita memberikan sedikit allocation, dengan izin, kepada pusat-pusat pengajian tinggi, pensyarah-pensyarah kita, supaya mereka membuat kajian, apakah tidak konsert-konsert rock yang ditaja oleh *Salem Cool Planet* sebagai contoh, boleh membawa kepada unsur-unsur yang negatif kepada anak-anak muda kita, terutamanya anak-anak muda Melayu. Saya tidak maafiah dalam Dewan yang mulia ini, yang ramai terbabitnya adalah anak-anak muda bangsa Melayu yang beragama Islam. Sedangkan kita, orang Melayu, beragama Islam, kita mempunyai nilai-nilai, kita mempunyai lingkaran yang berbeza dengan bangsa yang lain, orang Cina, orang India.

Kita orang Melayu, yang beragama Islam, kita dilengkari oleh syariat Allah SWT. Kita tidak perlu malu memberitahu kepada rakan-rakan berbangsa Cina, berbangsa India, di dalam Dewan ataupun di luar Dewan, bahawa kita orang Islam, dilengkari oleh syariat Allah SWT. Ada perbezaan dari segi pergaulan, ada perbezaan dari segi gaya kita berpakaian, ada perbezaan dari segi gaya kehidupan kita dengan bangsa lain kerana kita dilengkari oleh syariat Allah SWT.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta penjelasan. Saya ingin membetulkan sedikit kenyataan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Seperti yang dikatakan oleh Sri Gading tadi kita tidak menuding jari kepada remaja-remaja dan memang benda ini berlaku di masa yang lalu dan itulah hakikatnya. Masalah akan sentiasa wujud. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi

Kinabatangan kita perlu menyelesaikan sama ada bagi pembangkang atau kerajaan. Apa yang diberitahu oleh kerajaan sekarang ini bahawa kewujudan perkara ini semakin serius dengan wujudnya penglibatan remaja-remaja dengan *Black Metal* ini sehingga tidak boleh mengucap pun. Ini kita *addressed*, dengan izin, kita nyatakan kepada mereka, kepada remaja yang lain inilah bahaya jikalau mengikuti *Black Metal* ini ataupun aktiviti yang tidak sihat ini. Apakah kita berdiam diri tidak memberitahu masyarakat bahawa kewujudan perkara ini dan kita terus menghalalkan mereka mengikuti kumpulan *Black Metal* atau apa-apa yang menyalahi ini. Jadi, inilah tujuan kerajaan. Dan Yang Berhormat sendiri nyatakan tadi bahawa kita mesti cari penyelesaian dan kita berbahas di Parlimen ini dan kita akan sebut. Apakah kita tidak mahu sebut kalau benda itu tidak berlaku atau menidakkan ketidakwujudan perkara ini. Kita sedia menyebut perkara ini semasa ini dan di masa akan datang untuk mencari penyelesaian masalah ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa permasalahan kita ialah kita seolah-olah mahu lari daripada *the roots of the problem*, dengan izin, akar umbi permasalahan kita yang wujud kalau kita melihat apa yang diperbincangkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi. Masalah remaja kita, masalah kekosongan jiwa yang ada pada mereka dari segi pembangunan yang tidak seimbang yang wujud di negara kita dan yang lebih penting lagi masalah role model. Di negara kita, kita tidak mempunyai suatu *role model* yang baik terutama di kalangan ahli-ahli politik negara kita. Mereka melihat bagaimana rasuah berleluasa di negara kita. Kalau pemimpin boleh rasuah berjuta-juta takkan aku tidak boleh curi duit, takkan aku tidak boleh jadi penagih dadah. Mereka boleh melihat bagaimana penyalahgunaan kuasa di kalangan pemimpin-pemimpin negara. Mereka boleh melihat bagaimana pemimpin-pemimpin negara dengan sewenang-wenang menggunakan kuasa yang ada pada mereka menekan kebebasan, hak-hak kebebasan bersuara dan sebagainya. Ini semua memberi kesan kepada golongan remaja. Mereka merasakan tidak ada jalan. Mungkin mereka terlibat dengan gejala-gejala ini sebagai sebahagian daripada escapism mereka apabila mereka melihat bahawa pemimpin-pemimpin yang ada di hadapan mereka tidak dapat memberikan suatu contoh teladan yang baik di dalam konteks sebagai *role model* di negara kita.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Selalulah apabila benda-benda negatif ini, andaian yang digunakan oleh pembangkang ialah seolah-olah semua pemimpin kerajaan ini buruk. Sebenarnya itu andaian yang dibuat dan digambarkan oleh pembangkang. Tetapi bagi rakyat banyak dia dapat menilai ramai pemimpin-pemimpin kerajaan yang begitu baik kelakuan, *role model* yang boleh dicontohi, banyak. Sebab itu kita lihat bagaimana ketamadunan rakyat negara ini begitu tinggi kalau hendak dibandingkan dengan masa-masa yang lalu kerana ada contoh-contoh yang baik. Tetapi yang ditonjolkan oleh parti pembangkang ialah ada satu dua. Itu biasalah. Setandan kelapa kata orang itu ada satu dua yang komeng tidak dapat dinafikan sebagai manusia yang tidak sempurna.

Tetapi yang harus juga dilihat oleh remaja dan juga golongan muda kita ramai contoh-contoh yang baik yang kalau hendak dipaparkan boleh. Saya pun boleh tunjuk contoh-contoh yang terbaik. Tetapi kalau hendak digambarkan contoh-contoh yang tidak baik di pihak pembangkang pun banyak contoh-contoh yang tidak baik. Rasuah yang berlaku kita tahu di Terengganu di Kelantan kita pun tahu. Contoh-contoh menyalahgunakan kuasa di Terengganu dan Kelantan pun ada kalau hendak sebut. Ini soal hendak sebut soal keruntuhan akhlak, minum arak, khalwat daripada pemimpin dan ahli PAS pun ramai. Kalau kita hendak sebut yang heret kerbau di bulan puasa di Kedah dan di Kelantan dari kalangan ahli PAS pun banyak kalau kita hendak sebut contoh. Tetapi oleh sebab UMNO dalam Barisan Nasional dia tidak mahu benda-benda yang menyentuh tentang maruah manusia hendak kita tonjol tidak hendaklah. Dulu ada satu *role model* bukan main dia orang hendak ikut akhirnya ke mana? Ke mana? Itu soal. Itu sebab tidak usah sebutlah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat esok jawab ya. Ya, ada satu usul ya.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa menurut peraturan mesyuarat 16(3) mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penyokongnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Siasat Pengaruh Militan di Kampus**

5.31 ptg.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pagi 30 Jun 2001, negara dikejutkan dengan insiden kebakaran Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. Turut terbakar adalah sebanyak 1,888 helai jubah dan lebih kurang 200 mortar boards yang berada di Dewan tersebut. Banyak pihak telah meluahkan pandangan mereka terhadap insiden ini. Namun, yang jelas ianya akan memberi kesan yang berpanjangan baik di kalangan masyarakat kampus malah orang awam keseluruhannya. Terdahulu daripada itu dilaporkan bahawa risalah telah disebar di kampus berkenaan. Dan risalah yang bukan sahaja provokatif, malah ada yang menghina pemimpin negara termasuk Perdana Menteri. Terdahulu daripada itu juga dilaporkan bahawa terdapat sebuah majalah yang diberi nama *Varsiti 2001* yang disebar luas di kampus berkenaan. Majalah ini lain daripada yang lain kerana sebahagian besar daripada rencana yang terkandung di dalamnya rata-rata adalah anti kerajaan dan menghina sebilangan pemimpin-pemimpin kerajaan yang ada pada masa kini. Dilaporkan juga bahawa terdapat pula satu lagi kebakaran yang berlaku di Pusat Komputer Universiti Putra Malaysia, tiga hari selepas kebakaran di UM.

Menurut apa yang dilaporkan oleh akhbar tempatan berkemungkinan kebakaran-kebakaran ini dilakukan oleh segelintir penuntut-penuntut universiti berkenaan. *[Disampuk]* Laporan ini amat membimbangkan kerana jika ini adalah realitinya, ianya bukan sahaja menunjukkan ketidakdisiplinan wujud di kalangan penuntut, malah lebih membimbangkan ialah kecenderungan mereka bertindak secara militan. Saya memohon agar Kementerian Pendidikan menyiasat sejauh mana pengaruh militan ini menular di kalangan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi tempatan. Apakah puncanya? Jika sistem pendidikan yang ada merupakan sebahagian daripada penyumbang punca, kementerian tidak harus teragak-agak mengkajinya. Jika unsur negatif ini dihasut oleh mana-mana pihak termasuk parti-parti pembangkang, kerana kerajaan juga tidak harus teragak-agak mengambil

tindakan yang tegas ke atas aktiviti dan parti mereka. Menyiasat sejauh mana penuntut-penuntut IPT kita dipengaruhi oleh gerakan penuntut seperti yang berlaku di Indonesia.

Ketiga, memantau setiap aktiviti politik terutama yang dianjurkan oleh pihak pembangkang sama ada secara langsung atau yang berselindung di sebalik ceramah-ceramah agama. Sejauh mana aktiviti-aktiviti ini mempengaruhi gerakan-gerakan anti kerajaan di kalangan penuntut?

Keempat, sejauh mana keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh pihak universiti untuk memantau segala aktiviti dalam kampus termasuk penerbitan majalah dan risalah?

Kelima, apa tindakan Kementerian terhadap segelintir kakitangan universiti termasuk di kalangan pensyarah-pensyarah yang menunjukkan kecenderungan mereka terhadap aktiviti anti kerajaan? Apakah Kementerian tidak memandang serius golongan ini terutama sekali jika aktiviti antikerajaan ini dilakukan di dalam kampus?

Sifat militan di kalangan penuntut IPT tempatan harus dibendung dengan rapi oleh Kementerian. Insiden kebakaran Dewan Tunku Canselor dan kebakaran yang berlaku di Pusat Komputer UPM tidak harus dipandang ringan oleh Kementerian. Kementerian tidak harus menganggap insiden-insiden ini sebagai insiden yang *isolated*, Kerana kemungkinan kesan militan ini telah menular di kampus-kampus berkenaan. Langkah-langkah awal dan segera harus diambil oleh Kementerian.

Akhir sekali, apakah tindakan pihak Kementerian dan universiti dalam menyahut seruan Perdana Menteri agar kita mampu melahirkan generasi muda terutama di kalangan graduan yang tahu menghayati dan menilai apa yang akan diwarisi oleh mereka hasil peninggalan daripada generasi yang ada sekarang? Kata Perdana Menteri, *"The younger generation will take over. This is a natural process. We have to take care and ensure that what we will take over is in good condition so that we can improve on it."*

Sekian terima kasih.

5.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Beluran meminta Kementerian Pendidikan menyiasat pengaruh militan di kampus.

Kebakaran di Dewan Tunku Canselor telah mengejutkan negara. Lebih-lebih lagi kepada bekas penuntut Universiti Malaya di mana Dewan Tunku Canselor merupakan tempat kenangan yang amat sentimental. Saya ingin menyatakan di sini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia amat berterima kasih kepada *New Straits Times* yang dalam keadaan terkejut dan terpegun itu atas inisiatif Ketua Editornya, Dato' Ahmad Talib telah memperlihatkan keprihatinan yang sangat tinggi menubuhkan Tabung Pemulihan Dewan Tunku Canselor. Hingga kini, derma yang terkumpul sudah melebihi RM1.1 juta dan kita berharap masih ramai lagi yang akan berbuat demikian secara sukarela.

Kebakaran Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya dan Pusat Komputer Universiti Putra Malaysia masih lagi dalam siasatan polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Setakat ini, punca sebenar kebakaran tersebut masih belum diketahui. Walau bagaimanapun, kementerian tidak keberatan untuk mengenakan tindakan yang tegas sekiranya hasil siasatan mendapati perkara tersebut adalah angkara gerakan militan di kampus seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Setakat ini, gerakan penuntut IPTA di negara ini masih lagi terkawal dan mereka tidak dipengaruhi oleh gerakan penuntut seperti yang berlaku di Indonesia. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan senantiasa memantau kegiatan berpolitik pelajar sama ada di Malaysia mahupun di luar negara. Pihak IPTA sentiasa mengadakan program-program yang dapat mendedahkan pelajar kepada dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah mengadakan sesi motivasi, Program Bakti Siswa dan juga seminar kepimpinan di kalangan pelajar supaya pelajar-pelajar menyedari akan peranan dan tanggungjawab mereka di kampus.

Peruntukan yang terkandung di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, sama sekali, saya ulangi, sama sekali tidak menghalang pelajar bergerak aktif di kampus terutama bagi aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada pelajar, malah para pelajar juga bebas untuk menyuarakan pendapat selagi mereka mengikut saluran yang ditetapkan. Di sini kita berharap pihak parti pembangkang janganlah menggembargemburkan untuk menyatakan bahawa AUKU diguna untuk menindas pelajar. Tidak sama sekali. *[Tepuk]*

AUKU diwujudkan bertujuan untuk menyediakan satu peraturan dan garis panduan yang bersesuaian dengan keperluan pelajar dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang kreatif, inovatif dan mampu bersaing dalam mengharungi era

globalisasi. Peruntukan dalam akta tersebut juga adalah bagi memastikan pelajar menunaikan amanah yang telah diberikan oleh kerajaan dengan menumpukan perhatian kepada pelajaran, mempertingkatkan pencapaian akademik dan melibatkan diri dengan aktiviti yang dapat menjana ilmu dan keintelektualan, sesuai dengan kedudukan mereka sebagai pemimpin negara di masa hadapan.

Tindakan yang tegas akan diambil sekiranya pelajar didapati terlibat dengan aktiviti politik partisan, antaranya amaran keras, pergantungan daripada pengajian ataupun dibuang terus dari IPTA. Dan di sini, janganlah salah sangka bahawa AUKU itu, sekali lagi, untuk menyekat kegiatan pelajar. Tidak sebenarnya. Kalau kita lihat daripada segala apa peruntukan dalam AUKU itu ialah mengandungi perkara-perkara yang paling besar ialah *governance of the university*, dengan izin. Jadi, harap bacalah apa perkara-perkara yang terkandung di dalam AUKU sebelum melempar dan membuat tuduhan yang sewenang-wenangnya.

Kementerian Pendidikan juga telah meminta semua IPTA mengambil langkah untuk mengatur aktiviti-aktiviti pelajar dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang akan bertindak sebagai fasilitator untuk membantu pelajar. dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar di kampus terjamin. Pihak IPTA telah mengambil beberapa tindakan seperti mengetatkan kawalan keselamatan di kampus seperti membuat pemeriksaan terhadap orang-orang yang masuk kawasan kampus, terutamanya di waktu malam, mengeluarkan surat pekeliling kepada pelajar dan kakitangan supaya tidak melibatkan diri dengan aktiviti menentang kerajaan.

Di samping itu, pihak IPTA juga menganjurkan sesi taklimat dan dialog di antara pihak pengurusan IPTA, pegawai-pegawai dan agensi kerajaan dengan kumpulan pelajar dan kakitangan. Selain daripada program yang bersifat umum, terdapat juga IPTA yang telah mengambil tindakan yang lebih strategik dengan memberi peluang kepada pelajar untuk mendampingi pihak pengurusan. Di antaranya adalah UIAM dan UTM, telah mengambil langkah untuk mempergiatkan Program Rakan Muda dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, melibatkan pemimpin-pemimpin pelajar dalam aktiviti percambahan fikiran, membuat keputusan yang memerlukan penglibatan pelajar secara langsung serta mengawasi aktiviti pelajar yang menginap di luar kampus melalui pelantikan Pengetua Kolej Luar dan Fellow Kolej Luar seperti yang dilakukan oleh UTM.

Di sini juga termasuk universiti-universiti yang lain, kita juga mengambil langkah-langkah yang tertentu, bukan untuk menyekat pelajar. Tetapi masalahnya

ialah ada pihak-pihak daripada parti pembangkang, terutama sekali, yang mengacau, yang suka menghasut pelajar-pelajar ini. [Disampuk]

Pihak pengurusan IPTA sentiasa diingatkan supaya memberi ingatan kepada kakitangan akademik masing-masing agar memberikan keprihatinan kepada tugas yang telah diamanahkan dengan tidak mencampuradukkan tugas dengan politik kepartian. Mereka sentiasa digesa untuk menggunakan segala kebijaksanaan, oleh kerana mereka ini orang yang berilmu tinggi yang memiliki sikap secara profesional untuk memastikan kecemerlangan IPTA terus dikekalkan dan benar-benar mencerminkan sebagai sebuah universiti dan bukannya satu gelanggang politik partisan.

Sekiranya kakitangan akademik didapati terlibat dengan aktiviti-aktiviti kurang sihat, tindakan yang sewajarnya akan diambil berdasarkan kepada peraturan serta kaedah tatatertib yang terpakai di IPTA. Usaha berterusan telah dan akan diambil untuk mengawal aktiviti yang tidak sihat ini dan terus berleluasa. Antara langkah yang diambil adalah dengan memastikan hubungan baik antara Kementerian Pendidikan dengan IPTA sentiasa terjalin dalam usaha untuk meningkatkan IPTA sebagai sebuah institusi akademik yang cemerlang selaras dengan hasrat kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai, dengan izin, *centre of excellence*.

Kementerian juga sentiasa memberi bantuan kepada IPTA untuk meningkatkan prasarana fizikal dan sosial mereka agar suasana pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan. Akademik yang cemerlang bukan sahaja melalui peningkatan dalam pencapaian prestasi akademik, bahkan juga merangkumi pembentukan sahsiah yang dapat memegang kukuh nilai-nilai murni dan akhlak yang tinggi. Jadi, janganlah buat tuduhan kepada kita bahawa universiti itu kita hanya tekankan kepada soal-soal akademik sahaja. Soal pembentukan manusia itu diambil kira, atau dengan izin, *character building*.

Pada masa ini terdapat ramai pelajar dari luar negara memilih untuk melanjutkan pengajian mereka dalam peringkat ijazah lanjutan di IPTA di dalam negara kita Malaysia. Secara umumnya - ini saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat bagi Beluran sekiranya ada anak - situasi di IPTA negara kita sebagai Pusat Pendidikan Tinggi masih membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Negara-negara di dunia..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Minta sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Negara-negara di dunia memberi pengiktirafan kepada ijazah-ijazah daripada IPTA kita. Begitu juga ijazah profesional yang dikeluarkan daripada universiti-universiti tempatan dalam kejuruteraan senibina,....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Rugi masa ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ..pergigian dan lain-lain mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional berkenaan. Terima kasih.

Setiausaha [**Tuan Haji Mustakin bin Selamat**]: Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

5.48 ptg.

PEMBERSIHAN DAFTAR PEMILIH DAN PEWUJUDAN KERUSI PARLIMEN BARU

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu pengundi hantu sering wujud dalam setiap pilihan raya umum dan kecil selama ini termasuk pilihan raya umum tahun 1999 dan pilihan raya-pilihan raya kecil lepas seperti Sanggah, Telok Kemang dan Lunas. Kes terbaru ialah di Likas yang menyebabkan Mahkamah Tinggi menjatuhkan keputusan bahawa pilihan raya tersebut tidak sah dan membatalkan kemenangan calon BN lantaran mewujudkan pengundi hantu atau palsu.

Menurut cerita SPR telah membersihkan nama pengundi-pengundi hantu dan daftar pengundi yang digunakan sekarang oleh Likas adalah bersih. Sejauh mana kebenaran kenyataan ini akan wujud apabila pengundian berlangsung dan selepasnya.

Tuan Yang di-Pertua, pengundi palsu atau hantu ialah mereka yang didaftarkan ke sesuatu kawasan atau tempat dengan tujuan untuk membantu calon parti yang dirancang tetapi mereka tidak tinggal di kawasan tersebut. Kelemahan SPR ialah membenarkan mendaftar tidak mengikut alamat di dalam kad pengenalan. Yang terbaik ialah mendaftar mengikut alamat di dalam kad pengenalan. Ini adalah pengundi tulen. Terdapat kes di mana nama pengundi memakai nombor kad pengenalan orang lain dan pengundi atau pemilik sebenarnya tidak boleh mengundi kerana nama yang didaftar bukan namanya.

Biasanya mereka melakukan pendaftaran semasa musim kempen pendaftaran pengundi berjalan secara 'en bloc' di sesuatu alamat yang sama, sehingga satu nombor rumah kedai ada 50 orang pengundi. Semasa saya menjadi calon Parlimen Klang tahun 1995 perkara ini terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan sistem pendaftaran pengundi ada kelemahan. Ia mudah disalahgunakan oleh pihak parti yang tidak bertanggungjawab kerana SPR tidak membuat pemeriksaan ketat, mengamalkan sikap ambil mudah dan tidak ada sistem check and balance dalam pendaftaran. Jika pembetulan hendak dibuat oleh pengundi yang terbabit ia akan memakan masa yang lama sehingga tempoh pilihan raya baru sampai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu SPR kurang berhati-hati semasa mengambil penolong pegawai pendaftar atau kerani pendaftar pengundi. Ada terdapat kerani bawah umur 21 tahun selepas sekolah diambil bertugas. Mereka ini tidak boleh menjadi saksi kepada pengundi kerana syarat yang tertera dalam borang pendaftaran pengundi ialah saksi hendaklah berumur 21 tahun ke atas. Saya tidak tahu berapa jumlah borang yang diisi oleh kerani sedemikian dan ditandatangani oleh kerani itu sendiri. Saya tidak fikir SPR membuat semakan 100% di atas borang. Sungguhpun demikian, terdapat kes mengisikan borang dilakukan oleh orang lain berumur lebih 21 tahun yang tidak menyaksikan sendiri tandatangan pengundi ketika diturunkan.

Oleh itu saya ragu-ragu terhadap kesahihan borang-borang pendaftaran pengundi. Puncanya ialah pegawai SPR amat jarang turun ke padang membuat pemeriksaan. SPR juga pilih kasih dalam mengedarkan borang-borang pendaftaran kepada parti-parti politik. Borang diedar secara sulit kepada parti tertentu, tapi mengapa dalam tempoh yang sama Ketua Cawangan UMNO di Bandar Tun Razak boleh mendapat borang tetapi DAP Bukit Bintang yang hendak membantu kerja SPR tidak dapat? Pada tahun ini SPR hanya berjaya mendapat 310 ribu pengundi baru didaftar, sedangkan masih ramai belia yang belum berdaftar. Kurang sambutan berpunca dari kempen pendaftaran yang tidak berkesan seperti TV dan akhbar hanya menyelitkan iklan-iklan dan slot kecil sahaja. Keduanya kerana SPR menolak permintaan parti-parti politik untuk mendaftar pengundi baru kerana tidak percaya. Kalau tidak percaya pun SPR sudah tertipu dengan pengundi hantu.

Saya ingin menggesa kerajaan supaya mengumumkan kes operasi kad pengenalan di Sabah dan di negeri-negeri lain iaitu langkah mewarganegarakan

rakyat asing dari Indonesia dan Filipina dengan mengeluarkan kad pengenalan biru supaya mereka boleh didaftarkan sebagai pengundi negara ini yang mana dikatakan di atas arahan orang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, daftar pengundi negara hendaklah dibersihkan sebersih-bersihnya daripada kes pengundi hantu atau palsu seperti pengundi yang sudah meninggal dunia, pertindihan nama dan nombor kad pengenalan antara kawasan pilihan raya. Malah kegagalan pemimpin-pemimpin DAP dalam pilihan raya lepas besar kemungkinannya kerana kejayaan undi hantu dalam kawasan tersebut. Selain itu mendaftar lebih dari satu kawasan tetapi mengapa SPR lebih suka menuding jari kepada jabatan-jabatan lain yang tidak memberi kerjasama. SPR tidak perlu mencari alasan untuk menutup kelemahan sendiri.

Perkara kedua ialah, sekarang ini ada 10 kerusi Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tidak lama lagi SPR akan menjalankan gerakan bersempadan semula bahagian pilihan raya seluruh negara. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu mendapatkan tambahan empat kerusi Parlimen baru di atas sebab-sebab berikut:-

- (i) Penduduk Wilayah Persekutuan kian bertambah, masalah penduduk turut bertambah;
- (ii) Ahli Parlimen bukan sahaja melaksanakan tugas..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak ada dalam ucapan Yang Berhormat itu.

Tuan Fong Kui Lun: Sudah ada beri ringkasan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada pada saya ini.

Tuan Fong Kui Lun: Saya sudah beri..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat juga sudah habis, tujuh setengah minit. Ya, masa sudah habis, ya Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun:.. lagi dua paragraph sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Fong Kui Lun: Saya gulung.

- (ii) Ahli Parlimen bukan sahaja melaksanakan tugas di Parlimen tetapi terpaksa memberi khidmat kepada penduduk di Wilayah Persekutuan yang tidak ada Ahli Dewan Negeri, ketua kampung dan pengurusan kampung dan negeri-negeri lain.

- (iii) Pertubuhan sukarela atau persatuan penduduk kurang berkesan dan tidak berupaya memberi khidmat termasuk rukun tetangga.
- (iv) Ahli Parlimen bukan sahaja melayan aduan penduduk dari kawasan sendiri tetapi dari kawasan lain.
- (v) Nisbah penduduk yang wakil rakyat di Wilayah Persekutuan sangat tinggi berbanding dengan kawasan lain.
- (vi) Tambahan empat kerusi lagi kepada sepuluh kerusi yang sedia ada boleh meningkatkan perkhidmatan kepada penduduk.
- (vii) Akhirnya, apakah penasihat Dewan Bandaraya dilantik bukan dipilih oleh rakyat ke lembaga tersebut kurang membantu penduduk.

Sekian, terima kasih.

5.53 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia pada setiap tahun menjalankan pendaftaran pemilih dan membuat penyemakan daftar pemilih. Dalam urusan penyemakan daftar pemilih, SPR mengeluarkan nama-nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia, berganda atau hilang kelayakan, sesuai dengan Peraturan 13, Peraturan-peraturan Pendaftaran Pemilih Pilihan raya 1971. Semasa urusan ini orang ramai terutamanya mereka yang telah mendaftar sebagai pemilih berhak membuat bantahan ke atas kemasukan nama-nama pemilih yang bukan bermastautin di kawasan pilihan raya berkenaan. Nama-nama pemilih yang sudah meninggal dunia, pemilih yang disyaki mendaftar dengan menggunakan kad pengenalan orang lain SPR akan membuat siasatan awam jika bantahan tersebut terbukti kebenarannya.

Pegawai pendaftar yang membuat siasatan awam akan mengeluarkan nama-nama tersebut dari daftar pemilih. Oleh itu tanggapan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bahawa sistem pendaftaran pemilih ada kelemahan kerana tidak ada sistem check and balance tidak berbangkit kerana peraturan yang sedia ada memberi peluang kepada pemilih mengemukakan bantahan apabila Rang Daftar Pemilih dipamerkan dalam tempoh 14 hari. Dalam urusan pembersihan, orang

ramai boleh membantu SPR jika mereka membuat semakan dan menggunakan bantahan ke atas nama-nama yang terdapat dalam Rang Daftar Pemilih yang dipamerkan.

Berhubung dengan tuduhan bahawa SPR pilih kasih dalam pemberian borang-borang pendaftaran. Hal ini sama sekali tidak benar kerana SPR telah memberi arahan kepada semua pegawainya supaya tidak memberi sebarang borang pendaftaran kepada mana-mana parti politik atau individu dan tidak pula dibenarkan menerima borang permohonan pendaftaran pemilih secara longgok dari mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, melalui pasukan-pasukan bergerak, SPR telah mendaftar sesiapa jua secara berkumpulan termasuk ahli-ahli politik yang mengumpulkan ahli-ahli untuk mendaftar sebagai pemilih. Dakwaan Yang Berhormat kononnya kempen pendaftaran pemilih tidak berkesan kerana SPR enggan menerima bantuan parti-parti politik adalah tidak benar sama sekali. Pendaftaran melalui team-team bergerak ke tempat-tempat parti telah mendapat sambutan yang luar dugaan. SPR tidak wajar melantik ahli-ahli parti sebagai petugas kerana mereka tidak akan berkecuali apabila menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Mengenai dengan perlantikan petugas-petugas pendaftaran pemilih di bawah umur 21, ianya tidak dapat dielakkan kerana SPR menghadapi masalah untuk mendapatkan petugas-petugas yang berumur melebihi 21 tahun kerana mereka yang dalam lingkungan umur ini yang menerima tawaran kerana sementara masuk ke institusi pengajian tinggi. Dalam hal ini, undang-undang tidak mensyaratkan petugas-petugas SPR mesti berumur 21 tahun kerana siapa sahaja boleh menjadi saksi jika ia layak.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi objektif dan dasar SPR untuk menghasilkan satu daftar pemilih yang bersih. Oleh itu, mulai tahun 1999 SPR telah mendapatkan kerjasama dari Jabatan Pendaftaran Negara menerusi sistem *online* di mana maklumat-maklumat pemilih dapat disemak dengan mudah oleh SPR. Melalui sistem ini nama pemilih-pemilih yang bukan warganegara dan mereka yang sah telah meninggal dunia akan dikeluarkan dari daftar pemilih. Dengan itu, mulai tahun 2000 soal pemilih-pemilih bukan warganegara dan soal pemilih yang meninggal dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang untuk menambah empat bahagian pilihan raya Parlimen bagi negeri

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perkara ini masih dalam kajian SPR. Untuk makluman Yang Berhormat, urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya hanya akan dilakukan selepas Mac tahun 2002 iaitu apabila tempoh lapan tahun seperti mana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Malaysia mengikut perkara 113(2)(2). Perlembagaan tamat. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam sepuluh pagi besok.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.00 petang.

Julai 2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)

- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Mokhtar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- ” Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- ” Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- ” Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- ” Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)

- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- Yang Berhormat Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " uan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)

- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Datuk Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- Yang Berhormat Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)

- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- Yang Berhormat Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- ” Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- ” Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato’ Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KEDUA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001 (Halaman 23)
- Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan) 2001 (Halaman 90)

USUL:

- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 121)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Siasat Pengaruh Militan di Kampus

- *Y.B. Tuan Ronald Kiandee [Beluran]* (Halaman 121)

Pembersihan Daftar Pemilih dan Pewujudan Kerusi Parlimen Baru

- *Y.B. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]* (Halaman 126)